

**PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PENGURUSAN VICTORIA  
BRIDGE DI KUALA KANGSAR**

FYP FTKW



**DISEDIAKAN OLEH  
NUR HAYANI BINTI ISHAK**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023



Universiti Malaysia  
KELANTAN

**PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM MELESTARIKAN  
VICTORIA BRIDGE DI KUALA KANGSAR**

oleh

**NUR HAYANI BINTI ISHAK**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda

Pengajian Warisan dengan Kepujian

UNIVERSITI

MALAYSIA

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2023

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan

**SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:


1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



Nur Hayani binti Ishak

Tandatangan Penyelia

  
DR. SURAYA SUKRI  
Senior Lecturer  
Department of Heritage Studies  
Faculty of Creative Technology and Heritage  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
16300, Kelantan, Malaysia

Dr Suraya binti Sukri

Tarikh: 6/3/2024

Tarikh: 6/3/2024

## ABSTRAK

“Stakeholder” adalah pihak berkepentingan dalam sebuah organisasi. Individu yang berada dalam organisasi ini amat penting kerana ia mempunyai hubungan kewangan yang terus dalam satu syarikat ianya seperti pemegang saham, pelanggan dan pekerja. Selain itu pihak berkepentingan sampingan yang tidak terlibat secara langsung dalam segala aktiviti syarikat tersebut akan tetapi ianya mampu mempengaruhi persaingan atau masyarakat yang lain. Peranan pihak berkepentingan adalah untuk menjadi agen perantaraan antara pihak atasan dengan pihak berkepentingan termasuk juga dengan masyarakat serta pemilik tapak, objek Warisan dan juga Warisan Kebangsaan. Pengurusan Jambatan Victoria di Kuala Kangsar memerlukan kerjasama antara pelbagai pihak dan pihak berkepentingan untuk memastikan kemampanan dan pemeliharaannya sebagai sebahagian daripada warisan budaya dan infrastruktur yang berharga. Pengurusan di Victoria Bridge adalah berasaskan dasar-dasar dalam struktur organisasi persekutuan dan juga negeri. Jambatan Victoria adalah salah satu struktur bersejarah yang penting di Malaysia. Dibina pada 1897, jambatan ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi sebagai sebahagian daripada warisan penjajah British di Malaysia. Kewujudannya telah menyaksikan banyak peristiwa bersejarah dan menjadi lambang penting zaman silam bumi Perak. Victoria Bridge ini merupakan gabungan kekayaan sejarah, seni bina yang indah dan lokasi yang menawan menjadikan Jambatan Victoria Bridge di Kuala Kangsar antara tempat dan lokasi pelancongan yang menarik untuk dikunjungi di Perak dan ia merupakan tempat dan lokasi pelancongan. Oleh itu, kajian ini dibuat berdasarkan tiga objektif kajian iaitu pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan bagi melestarikan Victoria Bridge ini, bentuk kerjasama oleh pihak berkepentingan dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam melakukan kerjasama. Dalam kajian ini menggunakan metodologi kajian yang melibatkan kualitatif dengan cara menemu ramah empat orang responden dan menggunakan kaedah kepustakaan. Teori pihak berkepentingan yang dikembangkan serta dijelaskan secara terperinci oleh Edward Freeman (1984) bagi mengenalpasti peranan dan penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge di Kuala Kangsar. Jelaslah, kajian ini menunjukkan betapa pentingnya peranan pihak berkepentingan dalam pengurusan melestarikan Victoria bridge di Kuala Kangsar.

Kata kunci: Kerjasama pihak berkepentingan, Pengurusan, Bentuk kerjasama, Cabaran, Komuniti.

## ABSTRACT

"Stakeholder" is an interested party in an organization. Individuals in this organization are very important because they have direct financial relationships in a company such as shareholders, customers and employees. In addition, side stakeholders who are not directly involved in all of the company's activities but are able to influence the competition or other communities. The role of stakeholders is to be an intermediary agent between superiors and stakeholders including the community as well as site owners, Heritage objects and National Heritage. The management of the Victoria Bridge in Kuala Kangsar requires collaboration between various parties and stakeholders to ensure its sustainability and preservation as part of a valuable cultural heritage and infrastructure. The management of the Victoria Bridge is based on policies in the federal and state organizational structure. Victoria Bridge is one of the important historical structures in Malaysia. Built in 1897, this bridge has high historical value as part of the British colonial heritage in Malaysia. Its existence has witnessed many historic events and has become an important symbol of Perak's past. This Victoria Bridge is a combination of rich history, beautiful architecture and a charming location that makes the Victoria Bridge in Kuala Kangsar one of the interesting tourist places and locations to visit in Perak and it is a tourist place and location. Therefore, this study is based on three research objectives, which are the stakeholders involved in the management to preserve the Victoria Bridge, the form of cooperation by the stakeholders and the challenges faced by the stakeholders in collaborating. In this study, a qualitative research methodology was used by interviewing four respondents and using library methods. Stakeholder theory developed and explained in detail by Edward Freeman (1984) to identify the role and involvement of stakeholders in sustaining management at Victoria Bridge in Kuala Kangsar. Obviously, this study shows how important the role of stakeholders is in the management of preserving the Victoria bridge in Kuala Kangsar.

Keywords: Stakeholder collaboration, Management, Forms of collaboration, Challenges, Community.

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan keizinan dari Nya-maka saya telah dapat menyiapkan tugas projek penyelidikan ini dengan jayanya. Diharapkan tugas kajian projek penyelidikan saya ini dapat memberikan banyak manfaat kepada saya dari segi pengetahuan serta pengalaman semasa membuat kajian dan pada masa yang akan datang.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi Penghargaan dan Terima Kasih tidak terhingga Kepada pensyarah saya Dr. Suraya Binti Sukri kerana telah banyak meluangkan masa memberikan bimbingan dan ilmu yang berharga. Terima kasih atas kesabaran dan kebijaksanaan beliau dalam membimbing saya melalui setiap rintangan dan cabaran untuk memberikan ilmu, tunjuk ajar serta nasihat untuk menyiapkan kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga saya yang sentiasa memberikan sokongan moral, doa dan kasih sayang yang tidak terhingga. Kejayaan ini adalah hasil doa dan motivasi yang tidak putus-putus daripada mereka semua. Tidak lupa, terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa berada di sisi, memberikan sokongan moral, dorongan, semangat dan inspirasi. Kami telah berkongsi tawa, air mata dan detik berharga dalam perjalanan ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih atas ketabahan, ketabahan, dan keazaman saya dalam mengejar impian dan matlamat saya. Segala perjuangan dan pengorbanan yang telah dilakukan tidak sia-sia. Sekali lagi, terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dalam perjalanan ini. Semoga anugerah ini dapat menjadi satu bentuk pengiktirafan atas dedikasi dan sumbangan yang telah diberikan. Mari kita teruskan bersama untuk membina masa depan yang lebih baik.

## ISI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>III</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>IV</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>V</b>
<b>BAB SATU : PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan	1- 3
1.2 Permasalahan Kajian	3 - 4
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	5 - 6
1.6.1 Individu	6
1.6.2 Pelajar	6
1.6.3 Masyarakat	6
1.7 Kesimpulan	7
<b>BAB DUA : SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>	
2.0 Pengenalan	8
2.1 Warisan Dan Bangunan	8-11
2.1.1 Pihak Berkepentingan	11-
2.1.2 Kerjasama	12
2.1.3 Pengurusan	12
2.1.4 Ekonomi Penduduk Setempat	13-14
2.1.5 Sejarah Victoria Bridge	14-15

2.1.6 Tarikan Pelancongan	15
2.2 Kerangka Teori	16-17
2.2.1 Teori Pihak Berkepentingan	17-20
2.3 Kesimpulan	20
<b>BAB TIGA : METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pengenalan	21
3.1 Pendekatan Kajian	21- 22
3.2 Rekabentuk Kajian	22
3.3 Kaedah Kajian	22 - 23
3.3.1 Temubual	23-24
3.3.2 Pemerhatian	24
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	24
3.4.1 Data Primer	25
3.4.2 Data Sekunder	26
3.5 Persampelan	26 - 27
3.6 Kaedah Analisis Data	27-28
3.5.1 Analisis Tematik	28 - 29
3.6 Kesimpulan	29-30
<b>BAB EMPAT : DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0 Pengenalan	31
4.1 Penglibatan Pihak Berkepentingan Dalam Melestarikan Pengurusan Victoria Bridge di Kuala Kangsar	31-33
4.1.1 Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK)	33-34
4.1.2 Kementerian Pelancongan, Seni Budaya Malaysia(MOTAC)	35-37
4.1.3 Tourism Perak	37- 38



4.1.4 Jabatan Warisan Negara (JWN)	38-40
4.1.5 Kerajaan Negeri Perak	40-41
4.1.6 Perbadanan Aset Kereta Api	41-42
4.1.7 Perak Heritage Society	42-43
4.1.8 Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)	44-46
4.1.9 Komuniti	46-48
4.2 Bentuk Kerjasama Oleh Pihak Berkepentingan Pengurusan Victoria Bridge	48
4.2.1 Kerjasama Dalam Memelihara	48-51
4.2.2 Kerjasama Dalam Mempromosikan	51-53
4.2.3 Kerjasama Dalam Pelancongan	53-56
4.3 Cabaran Yang Dihadapi Oleh Pihak Berkepentingan	56
4.3.1 Vandalisme	57-58
4.3.2 Masalah Penyelenggaraan	58-60
4.3.3 Masalah Kewangan	60-62
4.4 Kesimpulan	62
<b>BAB LIMA : RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.0 Pengenalan	63
5.1 Rumusan Kajian	63-65
5.2 Implikasi Kajian	65-66
5.3 Cadangan Daripada Hasil Kajian	66
5.3.1 Menaiktaraf Infrastruktur Dan Fasiliti	66-67
5.3.2 Menambah Baik penyelenggaraan Bangunan	67
5.3.3 Meningkatkan Aktiviti Bersama Komuniti Tempatan	67-68

5.3.4 Program bagi Mempromosi	68-69
5.4 Kesimpulan.	69
Rujukan	70-78
Lampiran	79-96



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### 1.0 PENGENALAN

Pihak Berkepentingan atau “Stakeholder” adalah pihak yang sangat penting dalam sesuatu organisasi kerana ia berhubung kait dengan kewangan didalam satu syarikat seperti pemegang saham, pelanggan dan pekerja. Istilah perkataan ini diciptakan buat pertama kali pertama pada tahun 1984 oleh Robert Edward Freeman yang merupakan seorang ahli falsafah dan ahli matematik Amerika yang mengatakan tentang nilai yang perlu kumpulan berkepentingan atau pihak yang berkepentingan tahu untuk membuat sesuatu keputusan dalam syarikat. Beliau juga berpendapat bahawa pihak berkepentingan ini adalah salah satu perkara yang penting dalam membuat satu perancangan serta pengurusan yang strategik. Oleh itu, segala kejayaan atau kegagalan sesuatu syarikat itu akan mempengaruhi pemilik, pekerja dan keluarga, pembekal, pesaing dan juga komuniti ( Freeman, 1984).

Peranan pihak berkepentingan adalah menjadi perantaraan bagi pihak jabatan dengan pihak berkepentingan termasuk penduduk setempat dan juga pemilik-pemilik tapak, objek warisan dan warisan kebangsaan. Seterusnya, mereka juga melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan, pemantauan dan pembangunan tapak-tapak warisan yang telah diwartakan dibawah Akta Warisan Kebangsaan (2005) dan ianya juga bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program serta aktiviti pengembangan warisan dalam usaha memupuk kesedaran masyarakat untuk memelihara khazanah warisan negara di Malaysia. Menurut Drucker (1972), Pengurusan merupakan proses sosial yang dibentuk bagi mendapatkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan ahli-ahli sesebuah organisasi untuk mencapai sesuatu maklumat atau objektif yang paling berkesan. Pengurusan Victoria Bridge atau turut dikenali sebagai Jambatan Enggor terletak di pekan Karai adalah dibawah Majlis Perbandaran Kuala Kangsar. Hal ini kerana Victoria Bridge ini merupakan antara jambatan keretapi api yang tertua yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi. Oleh hal demikian, pengurusan pihak berkepentingan di Victoria Bridge ini perlu memastikan bahawa tapak warisan negara ini dijaga dan dipelihara supaya ia dapat dikekalkan untuk masa yang akan datang.

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Museum Volunteers (2021), Jambatan Victoria di Karai, Perak merupakan antara jambatan tertua di Malaysia. Ia dibina pada tahun 1897 dan siap pada tahun 1900. Jambatan Victoria dibina merentasi Sungai Perak yang menghubungkannya dengan laluan kereta api di Sungai Siput dan Kuala Kangsar di utara. Ini adalah landasan kereta api tunggal yang dibina untuk mengangkut sumber semula jadi dari pedalaman ke Singapura untuk dieksport. Jambatan ini dicipta oleh dua orang jurutera yang sangat mahir iaitu G.W Fryer dan C.R hanson dan telah dilancarkan secara rasmi pada 21 Mac 1900 oleh Almarhum Sultan Idris Murshidul Azzam Shah (Sultan Perak ke-28) pada satu majlis yang turut dihadiri oleh Sir Frank Swettenham, Residen Jeneral bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, dan Sir John Pickersgill Rodger, pemangku Residen British untuk Perak. Jambatan ini dinamakan sempena Ratu Victoria, pemerintah Empayar British pada masa itu.

Victoria Bridge ini telah dicalonkan sebagai sebahagian Khazanah Warisan Negara melalui *Program Pelancongan – 1 Malaysia Green, 1 Malaysia Clean* yang telah dirasmikan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, YB Dato' Seri Mohamed Nazri Bin Tan Sri Abd Aziz dan turut disaksikan oleh Pn Khadijah Abd Rahman, Pengerusi Railway Tourism Association Malaysia (RTAM) yang bertempat di Victoria Bridge, seberang Karai ini mengambil kesempatan menganjurkan program yang bertujuan untuk memulihara dan memelihara Kawasan persekitaran tempat bersejarah ini. Victoria Bridge ini juga mampu menjadi satu destinasi pelancongan di Kuala Kangsar. Penganjuran ini dilakukan adalah untuk mengelakkan dari mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab yang berniat untuk merosakkan dan memusnahkan tempat bersejarah ini. Hal ini kerana Victoria Bridge ini mempunyai nilai sejarah yang tidak ternilai kepada negara kita dan boleh dijadikan sebagai tempat pelancongan di Negeri Perak (Redscarz, 2014).

Penglibatan yang baik antara pihak berkepentingan boleh menjadikan Jambatan Victoria Bridge ini sebagai Tapak Warisan Negara yang terpelihara. Hal ini kerana, melalui kerjasama yang akan dijalankan oleh pihak berkepentingan akan mewujudkan pihak atau individu untuk membuat perancangan bagi menyelesaikan masalah. Selain itu, melalui penglibatan dan kerjasama yang baik bagi setiap pihak berkepentingan ini juga akan mempengaruhi peningkatan pengurusan yang lebih baik di Jambatan Victoria Bridge ini. Oleh itu, penglibatan semua pihak kepentingan dalam melestarikan pengurusan di Victoria

Bridge ini akan memahami dan juga menghargai khazanah warisan yang ada. (Modijono, 2009).

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pihak kepentingan memainkan peranan yang sangat penting dalam sesuatu fungsi organisasi dimana yang mempunyai hubungan dengan syarikat tersebut, contohnya seperti pemegang saham, pelanggan atau pekerja. Manakala, pihak berkepentingan yang mana terlibat dalam pelbagai aktiviti-aktiviti syarikat tersebut walaupun ia mempunyai pesaing atau pengaruh.

Jambatan Victoria Bridge merupakan jambatan yang tertua di Malaysia yang semestinya mempunyai terdapat struktur binaan yang kurang selamat dan boleh menggugat keselamatan para pelancong yang datang. Menurut Zulsyamini (2019) mengatakan bahawa ciri keselamatan jambatan Victoria adalah terabai dan boleh membahayakan pengunjung dan penduduk disitu. hasil tinjauan mendapati bahawa beberapa infrastruktur seperti batang besi penghadang di laluan pejalan kaki di sisi jambatan telah tercabut dan hilang dan juga tiada pagar dawai yang menjadi penghadang yang dapat menghindari para pelancong, pengunjung dan penduduk kampung yang lalu jalan ini agar tidak terjatuh ke Sungai Perak tersebut. Manakala laluan kecil yang ada di Jambatan ini selalu digunakan oleh pengguna motosikal yang berulang alik ke pekan Karai ke Kampung Seberang Karai, namun, oleh disebabkan penghadang itu telah hilang maka penunggang motosikal yang lalu harus memberhentikan motosikal mereka jika berselisih dengan motorsikal yang lain dan juga kerana kedudukannya yang sempit amat membahayakan pengguna.

Oleh itu, penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge di Kuala Kangsar ini memainkan peranan penting dalam mengelakkan berlakunya keadaan yang tidak diinginkan kerana ia membabitkan reputasi pelancongan malah turut mengundang bahaya. Oleh itu, pihak berkepentingan perlulah membuat tindakan yang segera bagi mengatasi masalah ini agar ciri keselamatan dapat dipertingkatkan keselamatannya bagi penduduk kampung dan para pengunjung yang datang.

Seterusnya, kekurangan kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge juga merupakan salah satu

isu penting yang perlu diberi perhatian. Menurut Nuradzimmah (2020) pihak berkepentingan perlu menambah baik infrastruktur yang sedia ada bagi meningkatkan bilangan pelancong seperti menyediakan tandas awam dan sistem pemantauan para pelancong yang datang. Hal ini supaya dapat memberikan keselesaan kepada para pelancong yang datang. Jelaslah bahawa, dengan adanya infrastruktur yang lebih baik ini akan menyebabkan lebih ramai kedatangan pelancong. Hal ini juga dapat memastikan bahawa tapak warisan bersejarah ini dapat dikekalkan statusnya kerana nilai sejarah dan warisan serta seni binanya yang cantik. Oleh itu, penglibatan pihak berkepentingan amatlah penting bagi melestarikan jambatan ini terjaga dengan baik.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Justeru, kajian ini akan memfokuskan kepada beberapa persoalan kajian antaranya adalah :

1. Siapakah pihak yang berkepentingan yang terlibat dalam menguruskan Victoria Bridges?
2. Apakah bentuk kerjasama yang dilaksanakan oleh pihak berkepentingan?
3. Apakah cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam melakukan kerjasama?


### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan permasalahan yang dikenalpasti dalam kajian ini, matlamat utama bagi kajian ini adalah untuk mengkaji penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan victoria bridge di Kuala Kangsar, Perak. Justeru, bagi menjawab persoalan kajian, beberapa objektif telah diberikan seperti di bawah :

1. Mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan Victoria Bridge
2. Mengkaji bentuk kerjasama oleh pihak berkepentingan dalam pengurusan Victoria Bridge
3. Menganalisis cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam pengurusan Victoria Bridge



## 1.5 SKOP KAJIAN



Rajah 1.1 : Peta Lokasi Jambatan Victoria Bridge, Kuala Kangsar

Sumber : Google Maps, 2023

Berdasarkan Rajah 1.1 di atas, skop bagi kajian yang dijalankan ini melibatkan lawatan ke Jambatan Victoria di Kuala Kangsar, Perak bagi melihat keadaan sekitar kawasan tersebut dari pelbagai sudut. Pengkaji memilih lokasi ini sebagai subjek kajian kerana lokasi ini berada lebih kurang dari 100 kilometer dari kediaman pengkaji. Untuk memasuki kawasan ini agak mudah dengan segala tanda arah yang telah disediakan. Pihak yang terlibat di dalam kajian ini adalah para pelancong dan juga penduduk setempat.

Dalam kajian ini juga pengkaji telah memfokuskan kepada beberapa orang pihak yang tidak langsung dengan pengurusan di Victoria Bridge dan pengkaji akan memperoleh maklumat dari organisasi yang berbeza. Oleh itu, pengkaji juga akan menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian dimana pengkaji akan menemubual pihak ini bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan objektif pengkaji.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Dengan terhasilnya kajian ini beberapa kepentingan dan manfaat dapat dikenalpasti yang mengundang kepada individu dan masyarakat berkaitan dengan penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge di Kuala Kangsar ini.

### **1.6.1 Individu**

Kajian ini merupakan penting kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang disebabkan oleh kekurangan kajian-kajian lepas mengenai penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge di Kuala Kangsar ini. Jika keadaan ini dibiarkan secara berterusan akan menyebabkan kurangnya minat dan maklumat mengenai Victoria Bridge dan akan menyebabkan ia kurang sambutan daripada semua pihak untuk mengunjungi ke Victoria Bridge ini. Oleh itu, kerjasama dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge di Kuala Kangsar ini perlu dipertingkatkan dari pelbagai sudut pihak yang berkepentingan. Hal ini bertujuan supaya Victoria Bridge ini boleh mendapat perhatian orang ramai.

### **1.6.2 Institusi Pendidikan**

Hasil kajian ini akan memberikan pengetahuan kepada pelajar sekaligus pelajar dapat menjadikannya sebagai salah satu sumber rujukan mereka. Hal ini, dapat memudahkan pelajar bagi melaksanakan tugas mereka dan dapat menambahkan ilmu pengetahuan mereka dalam bidang yang berkaitan dengan tajuk mereka, hal ini kerana sesetengah pelajar tidak pakar dalam bidang tertentu. Walau bagaimanapun, dengan kajian ini para pelajar dapat memberikan gambaran yang menyeluruh berkaitan tentang isu yang hendak dikaji oleh pelajar tersebut.

### **1.6.3 Masyarakat**

Melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya kepada masyarakat setempat. Kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan rujukan oleh masyarakat mengenai lokasi kajian yang dijalankan. Kajian penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge di Kuala Kangsar ini sangat penting kepada masyarakat dan ini akan menjadi salah satu usaha bagi memelihara Tapak Warisan dengan tujuan untuk didokumentasikan terhadap pihak yang berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan melestarikan Victoria Bridge ini. Hal ini bertujuan untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa pentingnya kerjasama penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan Victoria Bridge di Kuala Kangsar ini.



## 1.7 KESIMPULAN

Kajian ini telah memfokuskan kepada penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge di Kuala Kangsar, Perak. Walau bagaimanapun tapak ini diuruskan oleh pihak berkepentingan dan bagaimana pihak berkepentingan ini melestarikan pengurusan jambatan victoria bridge ini agar boleh dipelihara dan dijaga dengan baik untuk generasi masa akan datang. Seterusnya, kajian ini juga telah memberikan pendedahan kepada masyarakat bahawa Jambatan victoria bridge ini bukan hanyalah jambatan tinggalan yang mempunyai sejarah dan barang-barang lama semata-mata tetapi ia juga merupakan satu tempat yang boleh dijadikan satu tempat pelancongan dan khazanah bagi sesebuah negara agar setiap negara mempunyai nilai sejarah di mata dunia.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.0 PENGENALAN**

Bab dua ini membincangkan tentang sorotan kajian lepas yang merupakan sangat penting dalam sesebuah kajian. Kajian literatur atau kajian lepas ini akan dijadikan sebagai rujukan, idea, hala tuju kajian dan sebagai panduan kepada pengkaji. Menurut (R.Kumar, 2011) kajian ini merupakan salah satu bahagian yang penting dalam satu proses penyelidikan dan memberikan sumbangan yang bermakna kepada langkah-langkah operasi penyelidikan yang terlibat. Bahagian ini ialah bahagian di mana pengkaji membuat rujukan berkaitan dengan tajuk kajian yang hendak dijalankan dari kajian-kajian yang lepas.

#### **2.1 WARISAN DAN BANGUNAN**

Menurut Rezwan (2009) warisan merupakan peninggalan atau harta pusaka dari turun-temurun yang telah diwarisi. Warisan juga merupakan satu simbolik kepada perkembangan serta peristiwa yang terjadi dalam masa yang panjang dan akan memberi impak kepada masyarakat itu. Seterusnya, Jabatan Warisan Negara (2006) pula mendefinisikan warisan adalah sebagai khazanah negara yang diwarisi dari generasi yang terdahulu sama ada ia telah dimiliki oleh sesuatu yang kelompok masyarakat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dipulihara dan dipelihara. Selain itu, warisan juga mempunyai kepentingan kebudayaan yang memiliki nilai-nilai estetika, sejarah, saintifik, sosial dan nilai rohani yang ada pada masyarakat terdahulu, kini dan masa yang akan datang. Berdasarkan World Heritage Committee (1972) mengatakan bahawa, warisan bermaksud legasi masa lalu yang diamalkan pada masa kini dan diturunkan dari generasi sekarang sehingga ke generasi yang akan datang. Oleh itu, warisan yang ada pada hari ini memerlukan usaha bagi ia terus dipelihara dan dipulihara oleh generasi pada masa kini dan akan datang disebabkan warisan ini adalah perkara yang tidak dapat ditukar ganti yang menunjukkan tanda rujukan dan identiti sebuah masyarakat tersebut.

Warisan merupakan sesuatu yang telah diterima oleh masyarakat sejak turun-temurun oleh seseorang kepada sesebuah kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu yang

bermaksud sesuatu yang berlaku seperti perilaku seseorang ataupun kreativiti mereka haruslah dimiliki dan perlu diterima oleh masyarakat generasi terdahulu (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, 2007). Selain itu, menurut Mohd Yussof (2015), warisan budaya ketara boleh dibahagikan kepada dua iaitu berbentuk statik dan mudah alih, warisan budaya ketara pula ialah sesuatu yang tetap dan tidak bergerak. contohnya, bangunan warisan dan juga monumen yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang kita. manusia telah melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan ekonomi dan aktiviti-aktiviti sosial semasa usaha untuk memenuhi keperluan kehidupan dan menyebabkan terhasilnya bangunan, monumen, mercu tanda dan artifak seperti patung busana, batu nisan dan manik yang dilihat dari sudut bina dan hiasan ukiran motif dan corak pada dinding dan tiang bangunan.

Bangunan warisan bersejarah ialah bangunan lama hasil daripada zaman kolonial. Pada ketika itu, bangunan-bangunan warisan bersejarah ini berfungsi sebagai bangunan pentadbiran kerajaan, bangunan awam, sekolah, dan monumen seperti menara jam. Di Malaysia terdapat pelbagai jenis bangunan warisan bersejarah, merujuk kepada kajian inventori bangunan warisan di Malaysia yang telah dilakukan oleh muzium negara pada 1992, dianggarkan terdapat lebih daripada 35,000 buah monumen atau bangunan sebelum perang di dalam 265 buah bandar yang dikaji (Idid, 1995). Jabatan Warisan Negara (2006) memberikan makna bahawa bangunan bersejarah merupakan sesuatu bangunan atau kumpulan bangunan yang mana diasingkan atau bersambung dengan seni binanya, tempatnya dalam landskap mempunyai nilai universal value yang dapat ditonjolkan dari sudut pandangan sejarah, seni atau sains (Kamal, 2010).

Menurut United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (1945) memberikan definisi yang luas tentang warisan dalam konteks budaya dan alam semula jadi. Secara amnya, warisan merujuk kepada aset atau elemen yang diwarisi daripada generasi terdahulu dan dianggap penting untuk dijaga, dipelihara dan dikekalkan demi kepentingan generasi sekarang dan akan datang. UNESCO menumpukan perhatian khusus kepada dua jenis warisan utama, iaitu Warisan Budaya: Ini merujuk kepada warisan yang berkaitan dengan budaya manusia, termasuk tetapi tidak terhad kepada bangunan bersejarah, kawasan warisan bandar atau landskap budaya, seni bina, seni dan kraf tradisional, bahasa, tradisi lisan, , serta amalan dan ritual budaya. Warisan budaya juga termasuk tinggalan arkeologi, seperti tapak purba, objek antik dan artifak budaya. UNESCO mengiktiraf kepentingan warisan budaya dan semula jadi sebagai aset yang penting untuk identiti manusia, kelestarian

dan kesejahteraan. Melalui program seperti Senarai Warisan Dunia UNESCO, Senarai Warisan Tidak Ketara Kemanusiaan, dan Pelabelan Warisan Semulajadi, organisasi ini bertujuan untuk memelihara dan mempromosikan warisan yang pelbagai di seluruh dunia sebagai asas untuk dialog antara budaya, pembangunan mampan, dan persefahaman antara bangsa dan bangsa. Melalui pendekatan ini, UNESCO berusaha untuk menggalakkan pembangunan yang menekankan budaya dan persekitaran semula jadi sebagai asas untuk pembangunan mampan dan inklusif di seluruh dunia

Manakala Fielden (1994) pula, bangunan sejarah merupakan satu bangunan bersejarah yang dapat memberi kita satu perasaan kagum dan dapat melahirkan perasaan ingin mengetahui dengan lebih jelas berkaitan dengan bangsa dan budaya yang menghasilkannya. Fielden (1994) berpendapat sekiranya sesebuah bangunan itu telah bertahan sehingga 100 tahun usia penggunaannya, sewajarnya diiktiraf sebagai monumen atau bangunan bersejarah. Malaysia juga kaya dengan warisan monumen dan bangunan bersejarah, kebanyakan daripada monumen atau bangunan bersejarah ini telah disenaraikan sebagai monumen atau bangunan warisan dan ianya telah dibina di antara tahun 1800 hingga 1900. Sesebuah bangunan itu boleh digelar sebagai bangunan warisan sekiranya ia mempunyai nilai seperti seni bina, estetik, sejarah, dokumentari, arkeologi, ekonomi, sosial, politik, rohani dan simbolik.

Menurut Nik Hanapi (2021), bangunan warisan bersejarah merupakan satu khazanah peninggalan warisan yang tidak ternilai harganya. Kewujudannya banyak memberikan manfaat kepada negara, baik dari aspek sosial mahupun pendidikan dan juga ekonomi. Justeru, berdasarkan tinjauan daripada kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa melalui transformasi dan pemuliharaan bangunan-bangunan warisan bersejarah merupakan satu langkah pengkalan dan pelestarian bangunan warisan bersejarah. Impak daripada kewujudan khazanah warisan seperti bangunan warisan bersejarah ini dapat memberi ilmu pengetahuan berkaitan bangunan warisan bersejarah dan sekaligus boleh dijadikan bahan rujukan kepada generasi masa hadapan. Kajian ini menerangkan keperluan transformasi bangunan warisan bersejarah yang menjadi sesuatu produk baharu yang boleh mendatangkan hasil kepada negara. Kepentingan transformasi terhadap bangunan warisan bersejarah juga turut dikupas secara ringkas dalam kajian bagi memberi pendedahan dan ilmu pengetahuan kepada semua lapisan masyarakat serta pihak yang bertanggungjawab terhadap penjagaan bangunan warisan bersejarah ini. Harapan daripada kajian ini supaya khazanah warisan ini dapat dikekalkan

pada masa hadapan dan banyak lagi usaha yang bakal dicadangkan bagi melestarikan bangunan warisan bersejarah ini.

### **2.1.1 PIHAK BERKEPENTINGAN**

“Stakeholder” atau pihak berkepentingan yang terdiri daripada individu, kumpulan dan masyarakat. Ianya mempunyai hubungan yang baik dan kepentingan terhadap sesebuah organisasi secara keseluruhan dan separa. Menurut Budimanta (2008), individu, kumpulan atau masyarakat akan dikatakan sebagai stakeholder sekiranya mereka mempunyai ciri-ciri seperti kuasa, surat pengesahan dan mempunyai kepentingan terhadap sesebuah organisasi. Seterusnya, stakeholder adalah individu atau pihak agensi yang berkepentingan dengan satu organisasi. Pihak Berkepentingan ialah individu dan kumpulan yang mempengaruhi setiap pencapaian bagi sebuah organisasi itu telah ditetapkan (Freeman, 1984).

Freeman (1984) berpendapat bahawa pihak berkepentingan ini merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam sebuah perancangan atau pengurusan strategik. Oleh hal demikian, segala kejayaan serta kegagalan atau mempengaruhi serta membimbangkan kepada pemilik malah kepada pekerja, keluarga mereka, pembekal, persaingan dan juga komuniti. Oleh hal demikian pihak berkepentingan Jambatan Victoria ini mempunyai kewajipan dan tanggungjawab yang sangat besar terhadap pengurusan di Jambatan Victoria ini. Ia berperanan bagi memberi manfaat kepada masyarakat setempat, pekerja, pelancong dan sebagainya di samping bagi memastikan kelestarian Jambatan Victoria ini. Selain itu, apa yang perlu dilakukan oleh pihak pengurusan Jambatan Victoria adalah dengan membuat keputusan. Keputusan yang dibuat tersebut adalah untuk menjaga kepentingan tempat warisan bersejarah dan juga komuniti masyarakat setempat.

Menurut Freeman (1984) terdapat dua jenis pihak berkepentingan. Antaranya pihak berkepentingan dalam yang mempunyai kepentingan langsung dalam organisasi, seperti pekerja, pemegang saham, pembekal dan juga pelanggan. Manakala jenis yang kedua ialah pihak berkepentingan luaran yang mempunyai kepentingan secara tidak langsung dalam sesebuah organisasi seperti pihak kerajaan, media, masyarakat dan kumpulan pendesak. Jambatan Victoria ini akan berpengaruh sekiranya pihak berkepentingan dalaman atau luaran bagi dapat menjalankan tanggungjawab bagi melestarikan pengurusan di Jambatan Victoria ini.



### 2.1.2 KERJASAMA

Kerjasama merupakan pembentukan satu kumpulan yang berlaku antara pihak atau individu yang kita kenal. Kerjasama atau pembelajaran bersama adalah satu proses pasukan atau dikenali sebagai kumpulan di mana ahli yang menyokong dan bergantung antara satu sama lain untuk mencapai keputusan bersama. Menurut Thomas dan Johnson (2014), pejabat atau organisasi ialah tempat yang sangat baik untuk membina kemahiran berpasukan yang seseorang individu itu diperlukan di kemudian hari.

Kerjasama ini dapat mencegah masalah mental yang akan dihadapi oleh individu akibat daripada pengalaman yang terhad. Jadi ia akan lebih menjadikan seseorang individu itu cenderung untuk mencari kekuatan dan kelemahan, belajar untuk menghormati orang lain dan mendengar dengan fikiran terbuka dan membina persetujuan bersama. Dengan kerjasama berkumpulan ini akan dapat mengatasi pelbagai bentuk halangan, dapat berdikari dan penuh rasa tanggungjawab atas setiap tugas, bergantung kepada bakat atau pemikiran setiap ahli kumpulan, mempercayai ahli kumpulan, menyatakan pandangan masing-masing dan membuat satu keputusan adil dan saksama.

Seterusnya, Menurut Clitrap (2008), kerjasama merupakan satu aktiviti dalam kumpulan untuk mengerjakan atau menyelesaikan sesuatu tugas bersama-sama. Dalam kerjasama ini biasanya terdapat interaksi antara ahli kumpulan dan mempunyai matlamat yang sama. Matlamat yang sama ini akan diusahakan supaya ianya dapat dicapai bersama. Apa yang dapat diperhatikan tentang pengertian di atas ini, kita dapat simpulkan bahawa kerjasama ini adalah keinginan untuk bekerja sama dengan orang lain secara keseluruhan. Mereka ini telah menjadi sebahagian daripada kumpulan dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi mereka serta mengurusnya bersama.

### 2.1.3 PENGURUSAN

Menurut Afiqah (2013) pengurusan adalah berkait dengan pentadbiran. Di dalam konsep pengurusan akan mempunyai tiga elemen utama iaitu pengurus, tatacara atau garis panduan dan organisasi. Ketiga-ketiga elemen ini bergantung antara satu sama lain serta mempunyai hubung kait yang sangat seimbang. Pengurusan adalah berkait dengan pentadbiran. Di dalam konsep pengurusan akan mempunyai tiga elemen utama iaitu pengurus, tatacara atau garis panduan dan organisasi. Ketiga-ketiga elemen ini bergantung antara satu sama lain serta mempunyai hubung kait yang sangat seimbang. Pengurusan ini

akan dikendalikan oleh pihak pentadbiran. “Management” adalah mengurus yang berasal daripada Bahasa Itali iaitu “maneggiare” yang bermakna menangani ianya diterbitkan dari perkataan Lantin. Seterusnya, perkataan mengurus dalam Bahasa Perancis “mesnagement” dan ianya telah banyak mempengaruhi perkembangan maksud perkataan. Selain itu, maksud pengurusan dalam Bahasa Inggeris pula adalah “Management” dan ia telah berkembang sejak abad ke 17 dan 18 lagi.

Menurut Suktra (2011) Pengurusan ini mempunyai kuasa dalam melaksanakan tanggungjawab mengawal sebuah organisasi. Pengurusan adalah menjalankan tugasnya untuk mengetuai unitnya. Kuasa yang diperolehi untuk mengurus sebuah organisasi daripada sumber perundangan yang telah ditetapkan oleh perlembagaan. Ianya ditetapkan ketika organisasi itu ditubuhkan atau kuasa itu diberikan atas persetujuan semua ahli yang terdapat dalam organisasi tersebut. Kuasa yang diberikan atau yang ada pada pengurus itu perlu mempunyai etika yang baik dan menghormati “the spirit of ethic”. Di dalam hal ini akan dapat melihatkan identiti seorang pengurus itu adalah seorang yang adil, penuh hormat, bertanggungjawab dan berwibawa.

Pengurusan menurut Follet (1968) adalah satu seni yang digunakan bagi mencapai sesuatu matlamat melalui individu atau pihak lain. Seterusnya, pengurusan ialah proses bagi merancang, mengorganisasi, memimpin, serta mengawal kakitangan yang ada dalam sebuah organisasi, untuk mencapai satu matlamat yang telah ditetapkan oleh organisasi tersebut (J Stoner & Wienkel 1982)

#### **2.1.4 EKONOMI PENDUDUK SETEMPAT**

Menurut Hamzah (2004) komuniti setempat merupakan kajian sains sosial dan pembangunan pelancongan. Komuniti setempat adalah kumpulan manusia yang tinggal satu tempat yang sama di suatu lokasi tersebut yang hidup dalam perbezaan dari segi aspek agama, bangsa dan amalan hidup seharian namun mereka hidup dengan aman.

Selain itu, ahli sosiologi *Poplin (1978)* mengatakan bahawa komuniti setempat adalah satu unit organisasi sosial yang terdapat di sesuatu kediaman yang menjalankan aktiviti-aktiviti seharian kehidupan mereka. Penyelidik mengatakan maksud komuniti setempat menekankan tiga elemen utama komuniti merupakan satu unit organisasi sosial dimana terdapat manusia yang berada di kawasan kediamannya yang melakukan

aktiviti-aktiviti kehidupan harian mereka secara rutin. Sesetengah penyelidik menekankan bahawa tiga elemen penting yang wujud bagi komuniti iaitu kawasan geografi, interaksi sosial, dan hubungan komuniti.

Hasil daripada penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridges di Kuala Kangsar ini akan memberikan impak positif kepada komuniti setempat. Pelancongan ini, jika dilihat dari sudut sosial menunjukkan bahawa pembangunan pelancongan ini akan memberikan kesan yang positif. Sebagai contoh, ia dapat meningkatkan serta memajukan kemudahan dari segi infrastruktur dan prasarananya serta dapat merencanakan kemudahan komunikasi yang baik dalam kalangan ahli komuniti setempat. Kesan positif daripada pelancongan ini mampu meningkatkan lagi taraf hidup komuniti di tempat tersebut dan sekaligus dapat memperluaskan lagi industri kecil dan sederhana (IKS). Kesan positif pelancongan dari segi ekonomi kepada penduduk setempat adalah dapat meningkatkan lagi peluang pekerjaan malah sumber pendapatan kepada penduduk komuniti setempat di Jambatan Victoria Bridges ini.

### **2.1.5 SEJARAH VICTORIA BRIDGE**

Menurut Nisa (2019) Jambatan Victoria di Kuala Kangsar, Perak, Malaysia, adalah salah satu jambatan bersejarah yang penting di negara ini. Berikut adalah gambaran umum mengenai sejarah jambatan ini. Pembinaan: Jambatan Victoria dibina pada zaman penjajahan British di Malaysia. Ini adalah sebahagian daripada usaha pembangunan infrastruktur oleh British untuk memudahkan pergerakan dan perdagangan di tanah Melayu. Jambatan ini telah siap pada tahun 1900. Fungsi Asal Jambatan Victoria pada asalnya dibina bagi menggantikan perkhidmatan feri yang digunakan untuk menyeberangi Sungai Perak di Kuala Kangsar. Ia menyediakan akses jalan raya yang lebih mudah dan selamat antara Kuala Kangsar dan kawasan lain di Perak. Jambatan itu dinamakan sempena Ratu Victoria, yang pada masa itu adalah British. Nama ini adalah tanda penghormatan kepada Ratu Victoria yang memerintah selama lebih enam dekad.

Selain daripada menjadi elemen penting dalam pembangunan infrastruktur semasa penjajahan British, Jambatan Victoria Kuala Kangsar juga mempunyai kepentingan sejarah yang besar untuk Malaysia. Ia menjadi saksi peristiwa penting dalam sejarah negara, dan kini dianggap sebagai penanda warisan sejarah penting di Kuala Kangsar dan seluruh negara.



Apabila jambatan semakin tua, usaha penyelenggaraan dan pemulihan telah dijalankan secara berkala untuk memastikan kemampuannya. Ini termasuk kerja untuk mengekalkan struktur besi, mengecat dan memantau kestabilan struktur. Sehingga hari ini, Jambatan Victoria Kuala Kangsar kekal sebagai mercu tanda bersejarah yang penting di Perak dan menarik perhatian pelancong dan penggemar sejarah. Ia mewakili hubungan antara masa kini dan masa lalu, dan merupakan simbol kegigihan dan kepentingan warisan sejarah Malaysia.


### 2.1.6 TARIKAN PELANCONGAN

*Oxford English Dictionary (1884)*, mendefinisikan pelancongan ialah manusia yang melakukan sesuatu lawatan di waktu kelapangan, (Honey, 1999). Dalam bahasa Inggeris pelancongan dimaksudkan sebagai *tourism* dan melancong pula diertikan sebagai “*travel*” atau “*journey*”. Seterusnya, pelancong pula diertikan adalah orang yang bermusafir ke satu tempat mempunyai tujuan tertentu dan tidak bertujuan untuk berhijrah dalam masa yang lama. Selain itu, pelancongan juga didefinisikan dalam satu kegiatan multidimensi dan pelbagai yang mempunyai aspek kehidupan dan aktiviti ekonomi mereka. Pelancongan bukan hanya untuk tujuan keseronokan dan berhibur tetapi ia juga merupakan pelancongan kesihatan, pelancongan suka dan lain-lain (M.Hawkins, 2006). Semuanya bertujuan untuk keseronokan atau berhibur malah ianya juga merangkumi pelancongan perniagaan, pelancongan kesihatan, pelancongan sukan dan lain-lain.

Penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge di Kuala Kangsar ini memainkan peranan yang sangat penting dalam memulihara tapak bersejarah ini dalam menjadikannya ia sebuah tempat tarikan para pelancong luar untuk datang melancong ke Jambatan Victoria Bridge ini. Dengan kaedah dan langkah pengurusan yang dilakukan bagi melestarikan tapak warisan negara ini juga dapat mengekalkan kewujudan dan status Jambatan Victoria Bridge di Kuala Kangsar sebagai tapak warisan keretapi bersejarah negara yang tertua di Malaysia.

## 2.2 KERANGKA TEORITIKAL

Perkataan teori dalam Bahasa Yunani disebut sebagai *Theoria* yang didefinisikan sebagai visi, berspekulasi dan berfikir secara matang. Menurut Wannbrod (1986) kerangka teori merujuk satu penyusunan sistematik tentang idea-idea yang berhubung dengan fenomena yang sedang dikaji atau penjelasan yang sistematik tentang perkaitan di kalangan satu himpunan pemboleh ubah. Pembinaan kerangka teoretikal sangat penting bagi menjelaskan tentang penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori pihak berkepentingan. Terdapat beberapa pihak yang menjadi elemen dalam membina kerangka teoritikal iaitu melalui komuniti, organisasi awam, organisasi swasta dan pengguna.



Rajah 2 : Adaptasi teori pihak berkepentingan

Sumber : Freeman (1984)

Pihak Berkepentingan atau “Stakeholder” adalah pihak yang sangat penting dalam sesuatu organisasi kerana ia berhubung kait dengan kewangan yang terus didalam satu syarikat seperti pemegang saham, pelanggan dan pekerja. Istilah perkataan ini diciptakan buat pertama kali pertama pada tahun 1984 oleh Robert Edward Freeman yang merupakan seorang ahli falsafah dan ahli matematika Amerika yang mengatakan tentang nilai yang perlu kumpulan berkepentingan atau pihak yang berkepentingan tahu untuk membuat sesuatu keputusan dalam syarikat. Beliau juga berpendapat bahawa pihak berkepentingan ini adalah salah satu perkara yang penting dalam membuat satu perancangan serta pengurusan yang

strategik. Oleh itu, segala kejayaan atau kegagalan sesuatu syarikat itu akan mempengaruhi pemilik, pekerja dan keluarga, pembekal, pesaing dan juga komuniti (Freeman, 1984). Walau bagaimanapun, di dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan teori ini yang merujuk kepada organisasi awam, organisasi swasta, komuniti dan pengguna. Pengguna ini boleh dijadikan sebagai individu dan komuniti pula adalah penduduk setempat yang menggunakan dan sekaligus mendapat faedah atau manfaat daripada jambatan Victoria Bridge ini contohnya para peniaga yang meniaga disekitar Victoria Bridge. Keempat-empat pihak berkepentingan ini akan mendapat manfaat yang sama dan dalam pada masa yang sama mereka akan mempunyai tanggungjawab sosial dimana mereka bukan hanya mendapatkan keuntungan malah mereka juga bertanggungjawab dalam memelihara jambatan tersebut. Seterusnya, penglibatan pihak berkepentingan dalam membuat sesuatu keputusan iaitu pihak berkepentingan di bawah Majlis Perbandaran Kuala Kangsar yang membuat keputusan untuk melestarikan serta memelihara dan bagaimana menguruskan jambatan ini. Pihak berkepentingan ini akan menyumbang dari segi idea, membuat perancangan atau sebagainya untuk pengurusan jambatan ini. Organisasi swasta, organisasi awam dan pengguna ini merupakan pihak yang bertanggungjawab yang mempengaruhi dalam pembuat keputusan serta hak sama rata dan kerjasama dimana mereka akan mendapat manfaat dari segi aspek kewangan, dan lain-lain. oleh itu, kerjasama penglibatan pihak berkepentingan ini akan mempengaruhi dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge di Kuala Kangsar ini.

### **2.2.1 TEORI PIHAK BERKEPENTINGAN**

Teori ini telah wujud disebabkan oleh perkembangan daripada kesedaran dan kefahaman tentang sesebuah organisasi yang mempunyai “*stakeholder*” yang bermaksud pihak yang berkepentingan dalam sebuah organisasi. Idea tentang sesebuah organisasi yang mempunyai “*stakeholder*” telah menjadi topik hangat yang diperbincangkan secara meluas di dalam literatur pengurusan, mahupun professional.

Antara kajian yang mencadangkan “*stakeholder*” adalah “*Strategic Management: A Stakeholder Approach*” ialah R. Edward Freeman (1984). Konsep tanggungjawab sosial dalam sebuah organisasi telah dikenali sejak tahun 1970-an, yang secara spesifiknya dikenali sebagai “*stakeholder theory*” yang bermaksud sebagai koleksi dasar dan amalan yang berkaitan dengan Stakeholder, nilai yang memenuhi peruntukan undang-undang, masyarakat serta komitmen dalam sebuah organisasi bagi menyumbang

kepada pembangunan yang mampan dan terdapat banyak kajian yang telah dilakukan bagi membincangkan mengenai konsep “stakeholder” ini .

Menurut Ghozali & Chariri (2007) menjelaskan bahawa teori pihak berkepentingan adalah satu organisasi bukanlah sebuah entiti yang hanya beroperasi untuk kepentingan sendiri, malah ianya harus memberi manfaat kepada pihak berkepentingan (pemegang saham, pemiutang, pengguna, pembekal, kerajaan, komuniti, penganalisis dan pihak lain) oleh itu, dengan kewujudan sebuah organisasi akan dipengaruhi oleh sokongan yang diberikan pihak berkepentingan kepada organisasi tersebut. Teori pihak berkepentingan adalah sebuah teori yang menyatakan bahawa semua Pihak Berkepentingan yang mempunyai hak dalam mendapatkan maklumat tentang aktiviti atau kegiatan yang boleh mempengaruhi mereka dalam membuat keputusan. Menurut Deeran (2004) menjelaskan bahawa Pihak Berkepentingan juga dapat memilih untuk tidak menggunakan maklumat ini dan tidak memainkan peranan langsung dalam sebuah organisasi

Terdapat dua jenis bentuk pendekatan pihak berkepentingan iaitu *Old-Corporate Relation* dan *New-Corporate Relation*. *Old-Corporate Relation* adalah menekankan kepada bentuk pelaksanaan aktiviti organisasi secara berasingan, hal ini menunjukkan bahawa tiada perpaduan antara fungsi dalam sebuah organisasi ketika mereka menjalankan tugas. Selain itu, hubungan organisasi dengan organisasi pihak di luar juga bersifat jangka pendek dan terhad iaitu tanpa sebarang kerjasama untuk merealisasikan faedah bersama. Walau bagaimanapun, pendekatan *Old-Corporate Relation* ini akan menimbulkan konflik. Ini kerana organisasi telah memisahkan diri daripada pihak yang berkepentingan sama ada dari dalam organisasi mahupun dari luar organisasi. Manakala pendekatan *New-Corporate Relation* menekankan kerjasama antara organisasi dengan pihak yang berkepentingan supaya organisasi tidak hanya meletakkan dirinya sebagai bahagian yang bekerja secara bebas dalam sistem sosial masyarakat. Jelaslah, konsep ini adalah untuk memupuk kerjasama bagi merealisasikan kesinambungan perniagaan organisasi. Tambahan pula, hubungan dengan pihak berkepentingan di luar organisasi adalah berdasarkan hubungan yang mempunyai sifat mengumpul kekayaan juga bagi meningkatkan kualiti hidup pihak yang berkepentingan di luar organisasi. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan *New-Corporate Relations*, yang menjelaskan pihak yang berkepentingan yang terlibat dalam pendekatan ini, seperti kerajaan, media, masyarakat dan kumpulan tekanan (Budimanta, Prasetijo & Rudito, 2008).

Penglibatan pihak berkepentingan menurut Windsor (2006) adalah konsep yang berkait dengan pengurusan syarikat bagi mengawal polisi awam dan juga sosial. Menurut *Geografia Malaysian Journal Of Society and Space* UKM( 2012) ia adalah satu bentuk inisiatif dan strategi yang dilaksanakan oleh sesebuah syarikat bagi menghubungkan syarikat korporat dengan syarikat awam. Objektif ini adalah bertujuan bagi mengkaji bagaimanakah konsep “Stakeholder” yang membantu pihak pengurusan bagi melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan juga membincangkan tentang bagaimana cara pemikiran “Stakeholder”, hujah-hujah kerangka teori tanggungjawab dan cabaran dalam pengurusannya. Motif pelaksanaannya adalah motif pelaksanaan CSR iaitu dari segi motif kewangan, etika, dan altruistik yang mengutamakan sikap mementingkan kesejahteraan orang lain (Aguilera et al. (2007).

Kajian lepas mengenai Jambatan Victoria ini dapat dilihat dalam artikel kajian Eshamz Halim, (2014) yang bertajuk *Warisan sejarah Kuala Kangsar Victoria Bridges*. Artikel ini menyatakan tentang sejarah Victoria Bridge. Sejarah Victoria Bridge adalah merupakan satu jambatan kereta api besi yang terletak di Pekan Karai, Kuala Kangsar Yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi dan dinamakan sebagai Victoria Bridge sempena nama Ratu Victoria pada zaman pemerintahan beliau ketika itu. Selain itu, artikel ini juga mengatakan Victoria Bridge ini merupakan Jambatan Kereta api yang tertua di Malaysia yang dibina pada Disember 1897 dan dan siap pada Mac 1990 walaupun ianya sudah berusia lebih 1 abad namun Jambatan ini masih kukuh dan terpelihara sehingga ke hari ini. Penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk mempromosikan negeri Perak dan ingin menjadikan Victoria Bridge ini sebagai tempat tarikan pelancongan dan pihak yang berkepentingan haruslah melestarikan dan menguruskan jambatan besi ini sebagai warisan sejarah di negara kita

Seterusnya, kajian lepas yang lain yang dijadikan rujukan adalah Zaki Salleh (25 Mac 2021) yang bertajuk *Jambatan Victoria genap 121 tahun*. Artikel ini mengatakan Jambatan Victoria ini dibina adalah untuk menghubungkan laluan kereta api dari Enggor ke Kuala Kangsar, pada tahun 1910 jambatan kereta api ini telah sepenuhnya digunakan bagi laluan kereta api dari Seberang Perai, Pulau Pinang dan ke Johor Bahru. Walaupun majlis khusus untuk memperingati jambatan victoria ini namun, nilai warisan tentang jambatan Victoria ini tetap dalam ingat penduduk di situ. Artikel ini juga mengatakan bahawa usaha-usaha kerajaan



iaitu Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Jabatan Warisan Negara dan Kerajaan Negeri Perak telah memulihara Jambatan Victoria ini, kerana ia merupakan satu Khazanah Negara yang sangat bernilai. Penulis ini juga mengatakan jambatan Victoria ini yang merupakan tinggalan teknologi dan kejuruteraan dari binaan zaman era Kolonial tersebut adalah sangat dibanggakan kerana dapat dilihat struktur binaan yang masih kukuh yang dapat kita kaitkan dengan kemajuan Negeri Perak zaman dahulu.

Selain itu, kajian lepas yang seterusnya adalah oleh (Dauz Redscar (2014) yang bertajuk *Victoria Bridge Kuala Kangsar Tapak Warisan Negara*. Artikel ini menyatakan bahawa jambatan Victoria Bridge ini adalah merupakan satu khazanah warisan negara dan Railway Tourism Association Malaysia (RTAM) yang membuat inisiatif menganjurkan satu acara iaitu “Program Pelancongan 1Malaysia Green, 1Malaysia Clean” yang dijalankan di Victoria Bridge di Pekan Karai, Padang Rengas Perak. Acara ini adalah bertujuan bagi memulihara dan memelihara kawasan bersejarah ini. Hal ini kerana, tempat ini mampu menjadi tempat pelancongan di Kuala Kangsar. Seterusnya, acara ini juga bertujuan untuk mengelakkan dari mana-mana pihak yang berniat untuk merobohkan dan memusnahkan tempat ini kerana Jambatan ini merupakan tempat yang bersejarah yang tiada nilainya kerana ia juga akan menjadi salah satu tempat pelancongan yang popular di Kuala kangsar. Acara ini telah dirasmikan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia iaitu YB Dato Seri Mohamed Nazri Bin Tan Sri Abd Aziz. Penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk menjadikan Victoria Bridge ini diangkat sebagai satu tapak warisan negara.

### 2.3 KESIMPULAN

Keseluruhannya, bab dua ini telah membincangkan tentang kajian yang dilakukan oleh para pengkaji sebelum ini dan membantu para pengkaji dalam penyelidikan yang ingin dilakukan. Kajian lepas ini diperolehi dari pelbagai sumber dan akan digunakan oleh pengkaji untuk melengkapkan kajian. Setiap kajian yang diperolehi perlu saling berhubungkait dengan penglibatan pihak berkepentingan di Victoria Bridge. Di samping itu, pengkaji telah menghuraikan tentang teori dan kerangka teoritikal yang digunakan bagi menjalankan kajian dan dijadikan panduan adalah teori pihak berkepentingan. Penggunaan teori ini bertujuan untuk pengkaji menjelaskan mengenai kerjasama pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge. Kajian akan meneliti pihak-pihak yang mempengaruhi pengurusan di Victoria Bridge.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 PENGENALAN**

Dalam bab ini pengkaji menerangkan dengan lebih jelas perkara yang berkaitan metodologi kajian secara lebih lanjut. Metodologi kajian ini merupakan kaedah kajian dan juga cara untuk mencari, mengumpul data dan menganalisis data supaya pengkaji mempunyai bukti yang kukuh bagi menyokong sesuatu kajian yang telah dijalankan. Metodologi kajian ini menerangkan beberapa cara dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dikaji dan menyatakan kaedah serta teknik yang digunakan dalam sesebuah kajian. Tujuan utama dalam metodologi kajian ini adalah untuk membantu serta memahami sesuatu kajian itu dengan lebih meluas atau lebih terperinci dan juga tentang cara pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian yang dilakukan. Metodologi ini adalah merupakan satu kajian untuk mengumpul dan menganalisis data supaya dapat mengumpulkan bukti yang kukuh dan kuat bagi menyokong sesuatu kajian yang dilakukan dan kajian ini akan membantu bagi merumuskan apa yang ingin dikaji serta mengumpul kesemua data melalui kaedah-kaedah yang akan digunakan. Menurut sumber Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) ada menyatakan bahawa metodologi kajian ini merupakan salah satu sistem yang merangkumi kaedah dan juga prinsip yang akan digunakan dalam sesuatu kegiatan disiplin dan sebagainya. Oleh hal demikian, dalam bab tiga ini pengkaji akan membincangkan lebih terperinci tentang reka bentuk kajian, kaedah, penyelidikan dan kaedah analisis data yang akan digunakan dalam kajian ini.

#### **3.1 PENDEKATAN KAJIAN**

Pendekatan kajian kualitatif dan kajian kuantitatif ini merupakan kaedah penyelidikan yang berbeza. Berdasarkan objektif kajian, pengkaji memilih menggunakan pendekatan kajian kes. Tujuan pengkaji menggunakan pendekatan ini ialah untuk memperolehi lebih banyak maklumat serta data-data yang penting bagi pengkaji bagi menjalankan kajian serta dapat menyiapkan laporan pengkaji dengan jayanya. Pendekatan kajian ini adalah kaedah untuk memperolehi data yang dan ia melibatkan lokasi sesuatu kajian itu dilakukan. Oleh itu, ianya dapat membantu pengkaji untuk memperolehi data dan maklumat yang diperlukan. Dalam kajian ini, pengkaji akan mendapatkan maklumat yang

berkaitan dengan penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge di Kuala Kangsar dimana pengkaji akan menanyakan pihak yang berkepentingan mengenai penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridges di Kuala Kangsar seperti menanyakan bentuk kerjasama yang dilakukan dan apakah cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam melakukan kerjasama.

### **3.2 REKABENTUK KAJIAN**

Rekabentuk kajian juga merujuk kepada cara penyelidik mengendalikan kajian, prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian ini. Selain itu, tujuan rekabentuk kajian ini ialah bagi mengawal segala perkara yang boleh mengganggu dapatan kajian (McMillan & Schumacher 1984). Selain itu, menurut Rohana (2003), pendekatan kualitatif ini turut memberi penekanan kepada pengalaman yang subjektif dan jua personal.

Kaedah rekabentuk kajian bertujuan untuk menentukan kaedah yang perlu ada di dalam proses penyelidikan yang telah dibuat dan berfungsi untuk memastikan bukti atau data yang diperolehi dapat menyelesaikan masalah yang terdapat dalam melakukan penyelidikan. Oleh itu, penyelidikan yang menggunakan kaedah rekabentuk kajian ini adalah jenis penyelidikan dalam pendekatan kualitatif dan kuantitatif dan campuran yang mempunyai prosedur dalam reka bentuk penyelidikan (Creaswell, 2004). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kajian kualitatif yang akan digunakan ini berdasarkan rekabentuk yang menggunakan sumber primer dan juga sumber sekunder sebagai rujukan dan juga bagi memudahkan untuk menganalisis data yang akan dilakukan. Sumber primer menurut Louis Gottschalk (1983), merupakan satu sumber yang boleh dilihat secara langsung atau disaksikan oleh mata. Oleh hal demikian, sumber primer ini perlulah dilakukan oleh seseorang yang sezaman dengan peristiwa atau keadaan. Sumber primer yang telah digunakan dalam kajian ini adalah kajian temubual, kaedah pemerhatian dan kajian pustaka.



### 3.3 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian ini akan menjelaskan bagaimana cara pengumpulan data yang digunakan dalam setiap kajian ini. Menurut Ahmad Mazhab (1985) kaedah kajian ialah bagaimana setiap objektif atau penyelidikan itu hendak dicapai atau terlaksana. Manakala menurut Izham (2004) pula kaedah kajian ini adalah pelbagai aktiviti yang akan dilakukan bagi menambahkan ilmu pengetahuan seseorang. Kajian ini juga dilaksanakan bagi mengembangkan ilmu, menguji teori atau bagi mendapatkan maklumat baharu tentang sesuatu topik. Oleh hal demikian, kaedah kajian ini akan membincangkan reka bentuk kajian, dan proses-proses bagi menganalisis data bagi menjawab segala persoalan kajian yang telah dinyatakan. Justeru, memandangkan rekabentuk kajian ini adalah kualitatif maka kaedah kajian yang bersifat kualitatif akan digunakan seperti temubual dan pemerhatian.

#### 3.3.1 TEMUBUAL

Menurut Masri dan Sofyan (1995), temubual merupakan satu langkah untuk berinteraksi dan juga komunikasi di antara dua individu atau lebih yang melibatkan subjek serta objek. Kaedah temubual dilakukan bertujuan mendapatkan segala maklumat. Selain itu, menurut Chua (2014), kaedah dan temubual ini dilakukan terhadap responden yang akan memberikan maklumat, tokoh dan saksi yang masih wujud di kawasan kajian yang lebih terperinci. Kaedah temubual ini dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu temubual struktur, temubual semi struktur dan juga temubual tidak berstruktur. Temubual berstruktur ialah merupakan temu bual yang dijalankan secara formal ia dirancang secara tersusun dan terancang dan temubual ini dilaksanakan mengikut satu senarai yang sama dan perlu dijawab oleh setiap responden terpilih. Temubual tidak berstruktur adalah satu, yang tidak menggunakan format tetap, namun, penemuduga mungkin mempunyai beberapa soalan terancang yang telah disiapkan sebelumnya. Ini adalah kaedah penyelidikan kualitatif, di mana soalan disiapkan semasa ditemubual. Oleh kerana temubual tidak terancang, ia mempunyai pendekatan tidak formal di mana perbincangan mesra berlangsung antara penemuduga dan penemu bual. Penemu Bual mempunyai kebebasan untuk mengajukan sebarang pertanyaan dan juga dapat mengubah urutan atau melangkau beberapa soalan yang dirancang terlebih dahulu, namun tidak memiliki keseragaman. Selanjutnya, penemuduga harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mendalam mengenai perkara ini.

Dalam kaedah kajian ini pengkaji telah memilih kaedah kajian temubual separa dimana pengkaji akan mencari responden-responden terlebih dahulu iaitu informan yang pertama dipilih adalah merupakan pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan pihak berkepentingan lain yang terlibat dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge dan dalam kaedah temubual ini soalan-soalan yang diutarakan telah dirancang berdasarkan objektif kajian.

### **3.3.2 PEMERHATIAN**

Pemerhatian merupakan satu kaedah yang digunakan bagi mengumpulkan data tanpa perlu berkomunikasi secara langsung dengan mana-mana pihak. Menurut Malek (2007), kaedah pemerhatian ini perlu dilakukan secara tepat, saintifik dan juga objektif. Yin (1995) juga menyatakan bahawa penggunaan data kualitatif ini sangat sesuai dengan sesuatu kajian yang melibatkan kaedah pemerhatian terhadap seorang individu, kumpulan manusia, masyarakat, peristiwa budaya dan lain-lain. Justeru kaedah pemerhatian ini dilakukan bagi mengenal pasti rekabentuk organisasi, proses pengorganisasian ini dilaksanakan di Jambatan Victoria Bridges, Kuala Kangsar.

### **3.4 KAEDAH PENGUMPULAN DATA**

Kajian ini telah menggunakan kaedah pendekatan kualitatif dan menjadikan kaedah pengumpulan data dengan menggunakan data primer dan sekunder sebagai rujukan bagi menyempurnakan kajian ini. Menurut Lexy (2007) kaedah kualitatif merupakan salah satu kaedah yang melibatkan prosedur penyelidikannya yang menghasilkan data gambaran yang dapat diamati oleh semua. Kajian kualitatif yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan reka bentuk kajian yang menggunakan sumber primer dan sumber sekunder untuk rujukan dan juga bagi memudahkan pengkaji untuk menganalisis data. Menurut Mohd Yusof Ibrahim (1997) sumber primer sebagai sumber yang mentah. Sumber merupakan kumpulan bentuk bahan-bahan yang disimpan di satu tempat khusus seperti perpustakaan, muzium arkib, istana, pejabat yang menyimpan rekod, serta rumah persendirian.

### 3.4.1 PRIMER

Menurut Yusof (2003) data primer ini adalah data yang berasal daripada sumber asli yang dikumpul bagi menjawab persoalan kepada kajian. Data-data ini akan dikumpulkan oleh penyelidik dengan menggunakan kajian lapangan antaranya seperti soal selidik, pemerhatian, temubual dan sebagainya. Selain itu, pengumpulan data primer secara aktif terbahagi kepada dua kaedah. Kaedah yang pertama ialah menemu ramah secara langsung. Kaedah kedua pula adalah dengan mengadakan temu ramah secara tidak langsung. Kaedah menemu ramah dilakukan secara bersemuka dengan informen. Penyelidik akan membuat persiapan dengan menyediakan tema soalan sebelum membuat temu ramah dengan responden untuk mendapatkan maklumat bagi kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Dalam melakukan temu ramah ini terdapat dua kategori iaitu temu ramah secara individu atau berkumpulan, iaitu dengan menemu ramah secara mendalam melalui kumpulan fokus.

#### 1) Temu Bual

Dalam sumber data primer ini, pengkaji memperolehi maklumat dan juga data melalui sesi temu ramah atau temubual yang lebih terperinci melalui atas talian iaitu bersama empat orang informan berkaitan dengan penglibatan berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge di Kuala Kangsar. Dalam sesi temubual ini, pengkaji akan menggunakan kaedah temubual tidak berstruktur dimana pengkaji akan menanyakan tema soalan yang tidak berstruktur dan diajukan kepada responden tersebut.

#### 2) Pemerhatian

Untuk mendapatkan maklumat yang lengkap, pengkaji akan melakukan kaedah pemerhatian dimana kaedah ini akan dimulakan dengan peringkat awal sehingga ke akhir kajian dimana ianya berpandukan dengan persoalan dan objektif kajian ini iaitu penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan jambatan Victoria Bridge di Kuala Kangsar. melalui kaedah ini pengkaji akan melihat situasi, meninjau dan melihat jambatan Victoria di Kuala Kangsar ini.

### 3.4.2 SEKUNDER

Menurut Marican (2005) data sekunder boleh merujuk kepada data atau maklumat yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Data-data yang terdahulu yang dikumpulkan ini masih lagi relevan untuk digunakan sebagai rujukan bagi menjawab kepada persoalan kajian. Maklumat atau bahan penyelidikan yang dikumpulkan oleh penyelidik lain dapat digunakan sebagai rujukan bagi mencipta informasi baharu untuk menyelesaikan masalah yang timbul pada masa kini. Antara data sekunder yang boleh didapati adalah seperti buku, artikel, sumber internet, majalah online, kertas kerja, jurnal dan tesis. selain itu, menurut Mohd Yosuf (1997), sumber sekunder adalah satu kajian perpustakaan atau bahan yang sudah diterbitkan, sumber sekunder ini ditafsirkan secara keseluruhan dan dijadikan sebuah kesimpulan dan andaian yang boleh dibuat oleh pengkaji-pengkaji berdasarkan sumber utama yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Sumber yang didapati dalam kajian ini telah dibahagikan antaranya seperti artikel, jurnal, kertas kerja, laman web rasmi dan lain-lain lagi. Kaedah kepustakaan ini sangat penting kerana ia dapat membantu pengkaji untuk menyokong dan menambah maklumat bagi menyokong kajian yang dijalankan. sumber kajian kepustakaan diperoleh dengan merujuk google scholar, encyclopedia.com, semantic scholar dan lain-lain secara atas talian. buku-buku yang dirujuk diambil daripada internet dan juga di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). carian sumber kepustakaan ini adalah berdasarkan kata kunci bentuk kerjasama, pihak berkepentingan dan pengurusan.

### 3.5 PENSAMPELAN

Menurut Laja & Chabu (2011), sampel adalah kumpulan (orang, institusi, tempat atau fenomena) yang menjadi sumber informasi yang diperlukan oleh pengkaji ianya lebih tepat lagi adalah proses pemilihan elemen-elemen dalam populasi kajian bagi tujuan “mewakili” populasi sesebuah kajian. Tujuan persampelan ini adalah untuk memperoleh maklumat yang saling bersangkutan dengan kajian yang dijalankan dan matlamat utamanya adalah untuk mendapatkan sampel yang menjadi cerminan populasi dari segi pembolehubah yang diberi perhatian oleh pengkaji.

Pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan “Bola Salji (*Snow Ball*) untuk mendapatkan maklumat utama berkaitan dengan penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge. Teknik persampelan ini terbahagi kepada dua

bahagian iaitu Persampelan Kebarangkalian dan Pesampelan Tidak Kebarangkalian (Laja & Chabu, 2011). dalam sosiologi dan penyelidikan statistik, teknik persampelan 'Bola Salji' merupakan teknik persampelan bukan kebarangkalian dimana subjek kajian sedia ada mengambil subjek masa depan dari kalangan kenalan mereka ( Kenali, 2017).

Kaedah ini akan dilakukan secara berterusan sehingga pengkaji ini mampu untuk memperolehi semua responden yang bekerjasama dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridges tersebut. hal ini akan menentukan individu-individu tertentu untuk menjalankan sesi temuramah dan kemudian individu yang terpilih sebagai responden tersebut akan memberitahu individu lain yang dikenali oleh mereka berkaitan tentang siapakah pihak berkepentingan, bentuk kerjasama yang dilaksanakan dan cabaran yang dihadapi dalam melakukan kerjasama. beberapa orang responden yang dapat dikenalpasti dalam penglibatan pihak berkepentingan ini dan segala data dan maklumat yang diperolehi dari sesi temuramah dan soal selidik ini kemudiannya akan direkod serta diterjemah kepada maklumat yang bersesuaian dengan kajian yang dilakukan.

### **3.6 KAEDAH ANALISIS DATA**

Analisis data merupakan upaya dalam mencari dan menata secara sistematik catatan hasil observasi, wawancara, dan lainnya untuk meningkatkan pemahaman peneliti tentang kajian yang diteliti dan menyajikannya sebagai temuan bagi orang lain. Sedangkan untuk meningkatkan pemahaman tersebut analisis perlu dilanjutkan dengan berupaya mencari makna (Noeng Muhadjir,1998). Menurut Melong (2018) Analisis data juga definisikan sebagai satu proses bagi menyusun data dalam bentuk pola, kategori dan juga huraian yang dasar sehingga menemui tema dan akan dirumuskan oleh pengkaji

Kajian ini berdasarkan analisis kandungan dokumen bagi tujuan menganalisis situasi polisi maklumat yang ada di Malaysia. Menurut Wolcott (2009), data kualitatif yang telah dikumpulkan oleh pengkaji perlu ditukarkan sama ada menggunakan kaedah analisis. Selain itu, menurut Bhasah Abu Bakar (2007, kaedah analisis merupakan kaedah untuk mengawal serta menunjukkan data secara prosedur statik dimana analisis data ini dilakukan melalui hipotesis dan juga soalan-soalan kajian yang telah disediakan dan dibuat oleh pengkaji. Terdapat beberapa teknik untuk menganalisis data yang sering digunakan dalam kaedah kualitatif seperti pemerhatian (analisis kandungan) dan temubual (Analisis Tematik).




Data-data yang telah dikumpulkan akan dianalisis mengikut keperluan objektif kajian seperti :

1. Mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam menguruskan Victoria Bridges
2. Mengkaji bentuk kerjasama yang dilaksanakan oleh pihak berkepentingan
3. Menganalisis cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam melakukan kerjasama

### 3.6.1 ANALISIS TEMATIK (*THEMATIC ANALYSIS*)

Menurut Braun dan Clarke (2006), Analisis tematik atau *thematic analysis* adalah satu cara untuk menganalisis suatu data bertujuan mengenal pasti pola bagi mendapatkan tema melalui data yang terkumpul oleh penyelidik. Dalam analisis tematik ini pengkaji perlu memahami, membaca kembali transkrip temubual, mendengar rakaman menonton kembali rakaman temubual yang telah dilakukan sepanjang proses pengumpulan data ini dibuat. Rakaman temubual adalah proses analisis data yang sangat penting dimana pengkaji dapat memperolehi maklumat melalui percakapan yang berlaku. Secara ringkas, analisis tematik adalah bertujuan untuk pengkaji memahami isi data yang diperolehi bagi memenuhi pertanyaan yang berkait dengan penyelidikannya. (Heriyanti,2018). Seterusnya, tahap yang seterusnya dalam analisis tematik ini adalah dengan mencari tema-tema soalan yang berkait dengan kajian dijalankan. Tema-tema soalan yang dibuat oleh pengkaji perlu disusun mengikut urutan berdasarkan objektif kajian berkenaan penglibatan pihak berkepentingan dalam pengurusan Victoria Bridge bersama kegiatan yang dilakukan serta bentuk kerjasama dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge di Kuala Kangsar. (Braun dan Clarke, 2006).



Rajah 3.1 Analisis Tematik

Sumber : Braun Clarke (2006)

Berdasarkan rajah di atas, Braun Clarke (2006) , menggunakan analisis tematik yang mencadangkan bahawa frasa pertama untuk analisis data adalah membiasakan diri dengan data dimana mentranskripsi data, membaca dan membaca semula data, mencatat idea awal untuk memudahkan pembacaan. Proses yang kedua adalah menjana kod awal yang mengekodkan ciri menarik data secara sistematik merentas keseluruhan set data, mengumpul data yang berkaitan dengan setiap kod. Proses ketiga ialah mencari tema mengumpul kod ke dalam tema yang berpotensi, mengumpulkan semua data yang berkaitan dengan setiap satu tema berpotensi. Proses keempat pula, mengkaji tema. Pengkaji menyemak sama ada tema berfungsi berkaitan dengan ekstrak berkod (Tahap 1) dan keseluruhan set data (Tahap 2), menghasilkan 'peta' tematik analisis. Proses kelima, mentakrif dan menamakan tema iaitu analisis berterusan untuk memperhalus spesifik setiap tema, dan keseluruhan cerita analisis, menjana definisi dan nama yang jelas untuk setiap tema dan proses keenam menghasilkan laporan yang merupakan proses terakhir untuk analisis. Pemilihan ekstrak yang jelas dan menarik contoh, analisis akhir ekstrak terpilih, mengaitkan kembali analisis dengan soalan kajian dan literatur, menghasilkan laporan ilmiah analisis.

### 3.7 KESIMPULAN

Di dalam bab tiga ini, pengkaji telah membincangkan tentang metodologi kajian sebuah kaedah bagi menyusun data. Data-data yang disusun dan diperolehi ini hasil daripada kaedah kualitatif dan melalui kedah ini kajian dijalankan dengan menggabungkan

penyelidikan sumber primer dan sumber sekunder. Metodologi kajian digunakan bagi tujuang mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih jelas dan melalui kaedah-kaedah kajian yang dicadangkan ini sangat membantu para pengkaji bagi mendapatkan maklumat dengan mudah dan tepat bagi menjalankan penyelidikan. Pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif bagi menjalankan kajian mengenai penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge di Kuala Kangsar dan analisis kajian yang telah digunakan adalah kajian analisis tematik.





## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 PENGENALAN**

Bab empat ini akan memfokuskan kepada huraian yang akan dilakukan secara terperinci tentang penglibatan pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan Victoria Bridge di Kuala Kangsar, bentuk kerjasama yang dilaksanakan oleh pihak berkepentingan dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan oleh pihak berkepentingan dalam melakukan kerjasama. Untuk memperoleh data tersebut adalah melalui temubual yang akan dilakukan oleh pengkaji dan kaedah temubual ini melibatkan beberapa orang responden yang telah terlibat dalam pengurusan ini untuk mendapatkan lebih maklumat yang terperinci tentang penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge di Kuala Kangsar.

#### **4.1 Penglibatan Pihak Berkepentingan Dalam Melestarikan Victoria Bridge di Kuala Kangsar**

Di dalam mencari maklumat tentang penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan Victoria Bridge di Kuala Kangsar ini pengkaji menggunakan teori pihak berkepentingan Edward Freeman (1984) yang mempunyai kaitan signifikan dengan penglibatan pihak yang berkepentingan dalam memelihara Jambatan Victoria di Kuala Kangsar. Teori ini menekankan kepentingan mempertimbangkan kepentingan dan jangkaan pelbagai pihak yang terlibat dalam sesuatu projek atau inisiatif. Seterusnya, teori Freeman menekankan kepentingan mengenal pasti semua pihak yang berkepentingan dalam sesuatu projek. Dalam konteks memelihara Jambatan Victoria, pengurus projek mesti mengenal pasti semua pihak yang terlibat, termasuk kerajaan tempatan, komuniti tempatan, organisasi warisan, dan sebagainya. Selain itu, Teori pihak berkepentingan ini juga menekankan kepentingan memahami kepentingan dan keperluan setiap pihak yang terlibat. Dalam hal ini, pengurus projek mesti memahami minat masyarakat tempatan dalam memelihara keaslian dan sejarah Jambatan Victoria, serta minat kerajaan tempatan dalam mempromosikan pelancongan dan pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan perundingan dan penglibatan aktif pihak yang berkepentingan dalam proses membuat keputusan. Dalam memelihara

Jambatan Victoria, adalah penting bagi pengurus projek untuk melibatkan pihak yang berminat dalam perbincangan, memilih pilihan dan merancang tindakan penyelenggaraan. Dengan menggunakan prinsip teori pihak berkepentingan Edward Freeman (1984), pengurus projek boleh memastikan usaha pemeliharaan Jambatan Victoria di Kuala Kangsar mengambil kira semua kepentingan yang berkaitan dan menerima sokongan luas daripada pihak yang terlibat. Ini boleh meningkatkan keberkesanan dan kemampuan usaha pemeliharaan.

Penglibatan pihak berkepentingan di dalam pengurusan di Victoria Bridge Kuala Kangsar ini amatlah penting terutamanya bagi mengekalkan dan perlu dilakukan dalam apa cara sekalipun dari masa ke semasa agar generasi yang akan datang berpeluang untuk melihat dan menikmatinya. Menurut Carroll & Buchholtz (2006), sesuatu organisasi semestinya mempunyai banyak pihak-pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam memainkan peranannya. Pengurusan juga perlulah menguruskan hubungan yang baik dengan pihak berkepentingan dalam organisasi mereka. Kegagalan untuk mengurus pemegang saham, pihak-pihak ini boleh merosakkan reputasi syarikat dan akan memberikan kesan kepada keuntungan dan jangka masa panjang. Jelaslah bahawa pengurusan oleh pihak berkepentingan yang terlibat ini adalah sangat penting sebagai pengurus kerana kumpulan berkepentingan organisasi mereka perlu berpuas hati supaya dapat mencapai objektifnya. Pengurusan merupakan suatu proses untuk merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal daya usaha anggota organisasi serta menggunakan sumber lain organisasi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan (James Stoner, 1985).

Penglibatan pihak berkepentingan Victoria Bridge di Kuala Kangsar ini telah menggunakan teori "*Stakeholder relationship*" R. Edward Freeman (1984). Teori ini mempunyai dua pihak berkepentingan iaitu pihak berkepentingan dalaman dan pihak berkepentingan luaran. Oleh itu, pengkaji akan membuat kajian dengan menggunakan pihak berkepentingan luaran kerana ia akan membantu pengkaji bagi mencapai objektif kajian pengkaji.

Kajian ini akan memfokuskan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge di Kuala Kangsar dengan penglibatan pihak berkepentingan dan beberapa pihak agensi. Pihak agensi yang terlibat ini mempunyai tanggungjawab mengikut bidang masing-masing dan sangat penting dalam mengekalkan Victoria Bridge ini yang merupakan warisan sejarah yang

sangat tinggi nilainya dan penglibatan mereka ini sangat diperlukan bagi Victoria Bridge ini untuk terus dijaga untuk generasi pada masa akan datang dan tidak luput oleh zaman.

BIL	PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM MELESTARIKAN VICTORIA BRIDGE DI KUALA KANGSAR
1.	MPKK
2.	MOTAC
3.	TOURISM PERAK.SDN.BHD
4.	JABATAN WARISAN NEGARA
5.	KERAJAAN NEGERI PERAK
6.	PERBADANAN ASET KERETA
7.	PERAK HERITAGE SOCIETY
8.	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
9.	KOMUNITI

Jadual 4.1 : Senarai Penglibatan Pihak Berkepentingan dalam melestarikan Victoria Bridge di Kuala Kangsar.

Sumber : Kajian Lapangan, 2023.

#### 4.1.1 MPKK

Menurut portal rasmi MPKK (2022)Majlis Perbandaran Kuala Kangsar ialah sebuah pihak berkuasa kerajaan tempatan di Malaysia yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 1980. Kuala Kangsar terletak di Negeri Perak yang terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia. Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Kuala Kangsar bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan tadbir urus tempatan dalam bidang kuasanya. Pihak berkuasa kerajaan tempatan di Malaysia memainkan peranan penting dalam mengurus dan menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat setempat. Seterusnya, fungsi dan tanggungjawab Majlis perbandaran di Malaysia lazimnya mempunyai pelbagai tanggungjawab, termasuk perancangan bandar, kesihatan awam, perlindungan alam sekitar, pengurusan sisa, pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan masyarakat. Kepimpinan Majlis perbandaran diketuai oleh presiden atau datuk bandar, dan ahlinya mungkin termasuk wakil rakyat, pegawai lantikan kerajaan dan ketua masyarakat. Perkhidmatan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar berkemungkinan terlibat dalam menyediakan perkhidmatan

penting seperti pengumpulan dan pelupusan sisa, menyelenggara ruang awam, memastikan kebersihan, dan menyelia projek pembangunan tempatan yang ada.

Victoria Bridges ini dijaga sepenuhnya oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar pada tahun 2016 dan secara tidak langsung Majlis ini telah terlibat dalam pengurusan di Victoria Bridge ini. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar ini adalah pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam mengekalkan tapak warisan ini. Hujahan ini disokong dengan hasil tembuial dengan beberapa orang responden, petikan seperti berikut:

*“... .. sekarang dari segi penjagaan, majlis perbandaran yang uruskan, pihak lain tidak ada..... ”*

*(Informan 1, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)*

Menurut pernyataan di atas, Informan pertama menjelaskan bahawa Jambatan Victoria Bridge ini sedang berkuatkuasa di bawah Majlis Perbandaran Kuala Kangsar. Pihak Majlis Perbandaran berkuatkuasa dan berperanan dalam melestarikan jambatan ini. Dari segi pengurusan dan penyelenggaraan, tanggungjawab sepenuhnya dipikul oleh majlis perbandaran, manakala pihak lain tiada penglibatan atau peranan dalam perkara ini. Pernyataan beliau ini dibuktikan lagi dengan pernyataan oleh informan kedua iaitu seperti berikut:

*“... .. Victoria Bridge secara amnya diuruskan oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dengan aaa bantuan Jabatan Warisan tapi diuruskan secara amnya oleh Pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar.... ”*

*Informan 2, 1 november 2023, Kajian Lapangan*

Menurut Informan kedua mengatakan bahawa Majlis Perbandaran Kuala Kangsar ini merupakan salah satu pihak yang berkepentingan dimana ia memainkan peranan utama dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge dan dibantu oleh Jabatan Warisan. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar ini akan mengurus dan menjaga Victoria Bridge ini agar sentiasa dipelihara dan dipulihara. Hal ini kerana bagi mengekalkan Victoria Bridge ini sebagai Tapak Warisan yang Bersejarah yang sangat berharga untuk negara dan generasi masa akan datang.

#### 4.1.2 KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA (MOTAC)

Menurut portal rasmi MOTAC (2022) menjelaskan bahawa pengurusannya berlandaskan beberapa dasar yang telah ditetapkan. Antara dasar pihak MOTAC adalah untuk memacu sektor pelancongan dan kebudayaan yang berdaya saing serta melestarikannya demi mewujudkan pembangunan sosio ekonomi negara Malaysia. Pihak kementerian pelancongan, seni dan budaya Malaysia turut bekerjasama dalam penglibatan dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge dari sudut pelancongan warisan di Victoria Bridge. Pihak MOTAC ini telah membantu dalam kerjasama bersama pihak berkepentingan di Victoria Bridge supaya melestarikan tapak warisan ini dapat direalisasikan.

Seterusnya, Pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya ini memainkan peranan penting dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge. Antaranya, pihak MOTAC ini dalam usaha untuk mewartakan Jambatan Karai atau lebih dikenali sebagai Victoria Bridge yang berusia 116 tahun sebagai Warisan Negara. Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, berkata ia sejajar hasrat untuk menjadikan jambatan itu sebagai ikon pelancongan dan tarikan utama pelancong ke Perak dan negara ini. Kita melihat faktor pelancongan (Victoria Bridge) ada di kawasan ini, jadi pembangunan infrastruktur yang lebih baik juga akan dilakukan di sini. Pihak Motac juga memperkasakan produk atau program pelancongan serta kebudayaan di Victoria Bridge ke arah mengukuhkan lagi jati diri bangsa dan masyarakat. Seterusnya, pihak ini juga terlibat dalam mempromosikan keunikan seni, seperti pameran seni dan galeri, festival seni dan banyak lagi. Budaya dan warisan yang ada di jambatan ini seperti aktiviti yang disediakan oleh komuniti setempat disitu supaya dapat meningkatkan sektor pelancongan di kawasan ini. Hujah ini disokong lagi dengan beberapa responden yang telah di temubual oleh pengkaji, petikan adalah seperti:

*“... ..Selain itu, kita dapat peruntukan-peruntukan daripada kementerian, peruntukan awal kita adalah sebanyak 250 ribu tapi saya tak ingat tahun sebab dah lama kan iaitu dari kementerian pelancongan, (MOTAC)... ..”*

*(Informan 1, 5 Oktober 2023, Kajian lapangan)*

Menurut informan di atas ini menggambarkan pihak yang terlibat dalam menguruskan Jambatan Victoria di Kuala Kangsar menerima peruntukan atau dana daripada Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) untuk melaksanakan pelbagai projek atau



kerja penyelenggaraan berkaitan jambatan itu. Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) merupakan sumber dana atau peruntukan untuk projek berkaitan Jambatan Victoria. Ini menunjukkan MOTAC berperanan dalam menyokong pemeliharaan dan pembangunan destinasi pelancongan seperti jambatan ini dengan memberikan jumlah peruntukan awal ialah 250 ribu, walaupun mata wang tidak dinyatakan. Angka ini menggambarkan jumlah pembiayaan yang disediakan oleh MOTAC untuk projek yang berkaitan dengan Jambatan Victoria. Oleh itu, dengan sokongan kewangan daripada kerajaan pusat melalui MOTAC, pengurusan Jambatan Victoria di Kuala Kangsar diharap dapat terus dipertingkatkan bagi memastikan kelestarian dan keselamatan jambatan itu sebagai salah satu warisan sejarah dan tarikan pelancong yang penting di Malaysia.

*“... .. pertama sekali, melalui kerajaan persekutuan, motac, kerajaan negeri perak yang memainkan peranan yang penting dalam menyumbang kepada mempromosikan tempat ini... ..”*

*(Informan 2, 1 November 2023, Kajian lapangan)*

Informan yang kedua pula, menekankan peranan penting yang dimainkan oleh Kementerian Pelancongan (MOTAC) dan kerajaan negeri Perak dalam mempromosikan tapak tersebut. Ini menunjukkan pengiktirafan terhadap sumbangan kerajaan pusat dan wilayah dalam membangunkan pelancongan dan memelihara tempat bersejarah seperti Jambatan Victoria. Dengan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak kerajaan seperti Kerajaan Persekutuan, MOTAC, dan Kerajaan Negeri Perak, adalah diharapkan promosi dan pembangunan tarikan pelancong seperti Jambatan Victoria di Kuala Kangsar dapat dipertingkatkan, seterusnya menarik lebih ramai pelancong dan memberikan faedah ekonomi yang lebih besar untuk rantau ini.

*“.. ..Motac ini di bawah pengurusan saya lah iaitu pembangunan projek dan kita di Motac ini akan membuka permohonan kepada pihak berkuasa tempatan dan juga pejabat daerah dan tanah sekiranya ada lokasi-lokasi pelancongan itu ingin dibaik pulih dari segi infrastruktur, kerja-kerja naik taraf dengan bantuan pihak PBBT seperti pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar... ..”*

*(Informan 4, 31 Januari 2024, Kajian Lapangan)*



Menurut informan di atas menyatakan bahawa Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) bertanggungjawab menguruskan pembangunan projek di dalamnya. MOTAC berperanan dalam mengurus pembangunan projek yang berkaitan dengan infrastruktur pelancongan dan kebudayaan. Ini termasuk permulaan, perancangan dan pelaksanaan pelbagai projek yang bertujuan untuk menambah baik dan meningkatkan lokasi pelancongan. Selain itu, MOTAC membuka peluang kepada pihak berkuasa tempatan dan pegawai wilayah untuk memohon bantuan dalam menambah baik infrastruktur pelancongan di kawasan mereka. Ini menunjukkan kerjasama antara kerajaan pusat dan kerajaan wilayah dalam menambah baik destinasi pelancongan. Melalui pembangunan projek-projek ini, MOTAC berharap dapat meningkatkan daya tarikan destinasi pelancongan, meningkatkan pengalaman pelawat, dan menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan di rantau ini. Justeru, kenyataan itu mengetengahkan peranan dan usaha MOTAC dalam menguruskan pembangunan projek pelancongan dan infrastruktur kebudayaan, serta kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk mencapai matlamat bersama dalam pembangunan sektor pelancongan.

#### **4.1.3 TOURISM PERAK**

Tourism Perak adalah salah satu lembaga yang diswastakan di bawah Menteri Besar Incorporated Perak sendiri. Tourism Perak menyediakan platform kepada semua pelancong, pelawat, perniagaan, badan kerajaan, pengendali, rakan kongsi dan bakal rakan kongsi antarabangsa. Sebelum ini dikenali sebagai Perak Tourism Management Berhad, PTMB) ialah sebuah lembaga negeri yang memberi tumpuan kepada mempromosi dan memasarkan semua entiti pelancong di Perak, salah satu Negeri di Malaysia. Pelancongan Perak adalah salah satu lembaga yang diswastakan di bawah Perbadanan Menteri Besar Perak sendiri.

Tourism Perak menyediakan platform kepada semua pelancong, pelawat, perniagaan, badan kerajaan, pengendali, rakan kongsi dan bakal rakan kongsi antarabangsa. Ia adalah sebahagian daripada peranan Tourism Perak untuk melakukan yang terbaik untuk memastikan pengunjung mendapat maklumat dan panduan penuh merancang untuk melawat negeri ini. Seterusnya, Pihak Tourism memainkan peranan penting dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge. Antaranya mereka menyumbang kepada mempromosikan Victoria Bridges ini dengan menyumbang papan tanda di Jalan Raya bagi memperkenalkan dan mempromosikan Jambatan ini dan bekerjasama dengan pihak yang lain untuk

mendapatkan dana bagi memantapkan lagi promosi Victoria Bridges ini. Bukan itu sahaja pihak ini meletakkan Victoria Bridges sebagai acara Tahun Melawat Perak dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang disediakan untuk komuniti setempat dan pengunjung yang datang. Selain itu, pihak Tourism Perak ini juga telah melancarkan inisiatif Tahun Melawat Perak 2024 secara besar-besaran oleh kerajaan negeri Perak untuk menarik lebih ramai pelancong dan meningkatkan daya tarikan Perak sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini. Seperti perbualan dibawah:

*“.... ..selain itu juga kita ada juga promosi dari Tourism Perak, kita dah jadikan jambatan Victoria sebagai ikon pelancongan kita juga, Kita juga dapat satu papan tanda kat highway kerjasama dengan Syarikat Appetizing dengan Tourism Malaysia bagi dana untuk menaikkan board kat highway.... ..”*

*Informan 1, 5 Oktober 2023, Kajian lapangan*

Menurut pernyataan di atas, informan pertama menjelaskan bahawa pihak Tourism Perak telah memberikan banyak sumbangan untuk menaikkan dan mempopularkan lagi jambatan Victoria ini dengan secara lebih meluas dengan menaikkan papan tanda di lebuh raya untuk mempromosikan jambatan ini dan pihak Tourism Perak telah menjadikan Victoria Bridge ini sebagai ikon pelancongan. Oleh itu, menjadikan jambatan ini sebagai satu pusat pelancongan yang utama di Negeri Perak juga dapat direalisasikan dengan adanya usaha ini.

Tuntasnya, Pihak Tourism Perak memainkan peranan dalam mempromosikan Victoria Bridges ini dan menjadikan jambatan ini sebagai satu pusat pelancongan yang utama di Negeri Perak. Jelaslah disini peranan mereka memberikan perubahan kepada ekonomi di Victoria Bridges dan Pihak ini mampu mempengaruhi pelancong untuk datang melawat ke jambatan ini dan semakin ramai pengunjung yang datang mereka juga akan mengetahui kewujudan tempat bersejarah yang unik ini

#### **4.1.4 JABATAN WARISAN NEGARA**

Menurut Balqis Jazimah Zahari (2016) menyatakan bahawa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dalam usaha untuk mewartakan Jambatan Karai atau lebih dikenali sebagai Victoria Bridge yang sudah berusia 116 tahun sebagai Warisan Negara. Victoria Bridges Kuala Kangsar ini berpotensi tinggi dalam menjadikan jambatan itu sebagai ikon pelancongan dan tarikan utama pelancong ke Perak. Victoria Bridge ini telah diwartakan

sebagai warisan negara pada tahun 2016 dan difahamkan bahawa selepas diwartakan Victoria Bridge ini tidak boleh diubah suai sewenang-wenangnya oleh pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar hal ini kerana bagi mengekalkan keaslian jambatan tersebut. Jabatan Warisan Negara ini mengambil berat tentang jambatan ini dan memberikan peruntukkan jika ada berlakunya sebarang kerosakan dan kemusnahan yang berlaku kerana faktor bangunan yang sudah tua dan Pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar akan melakukan membaikpulih dengan kadar yang segera untuk menjaga keselamatan orang ramai serta pelancong yang mengunjungi di tapak warisan ini.

Selain itu, usaha untuk menjadikannya sebagai Warisan Negara supaya memastikan ianya sentiasa dipelihara dan dipulihara. Pihak Jabatan Warisan Negara perlu menjalankan penyelidikan dan penyebaran maklumat yang berkaitan dengan warisan ketara dan tidak ketara bertujuan untuk mendaftar inventori sebelum ianya diangkat sebagai warisan. Pihak ini juga bertanggungjawab dalam merancang dan menjalankan program dan aktiviti bagi memperkenalkan warisan dalam masa yang sama usaha dalam memupuk kesedaran komuniti setempat bagi memelihara khazanah warisan negara yang terdapat di negara kita ini. Pihak jabatan warisan negara ini berperanan dalam memantau, memelihara serta mempromosi Tapak Warisan Victoria Bridge ini. Hujan ini disokong lagi dengan beberapa responden yang telah pengkaji temubual, petikannya seperti berikut:

*“... aaa, jambatan victoria ini telah diwartakan sebagai warisan negara pada tahun 2016, dan tidak boleh diubahsuai dan haruslah dikekalkan keasliannya dan ianya harus dipulihara dan dijaga.. jika ad sebarang kerosakan pihak kami dan pihak Jabatan Warisan Negara kana cepat memperbaiki untuk menjaga keselamatan orang ramai dan pelancong yang datang atau melawat ke jambatan tersebut....”*

*(Informan 3, 14 October, 2023, Kajian lapangan)*

Menurut pernyataan informan ketiga di atas menjelaskan bahawa pewartaan Victoria Bridges ini sangat penting untuk mengekalkan bentuk asalnya dan secara tidak langsung dapat memberikan imbasan tentang pembangunan dan senibina nya pada masa dahulu. Perubahan zaman serta arus permodenan yang pesat membangun menyebabkan struktur dan keadaan bangunan bersejarah ini akan mengalami proses kerosakan pada bahagian tertentu. Teknik dan bahan binaan yang digunakan juga akan berubah mengikut kehendak semasa. Matlamat pewartaan Jambatan ini adalah untuk mengekalkan atau mengawal kepentingan

budaya suatu tempat di mana bangunan bersejarah ini didirikan. Jelaslah bahawa, proses ini dapat menjamin keutuhan dan dapat dikekalkan keunikan seni binanya pada masa akan datang

#### 4.1.5 KERAJAAN NEGERI (PERAK)

Menurut laman web rasmi Malaysia Perak (2023), Kerajaan Negeri Perak berfungsi dalam menyediakan plan susun atur rancangan perkampungan tersusun (RPT) dan rancangan tanah berkelompok (RTB) dan plan konsep pembangunan dengan rancangan ini membolehkan mereka menjalankan peranan mereka dengan lebih berkesan dan cekap. Oleh itu, Kerajaan Negeri Perak juga membantu dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge ini dan telah memulihara sejarah serta warisan Jambatan Victoria menjadi khazanah negara. Antara Kerjasama yang diuruskan oleh pihak Kerajaan Negeri Perak bagi melestarikan Victoria Bridge adalah menyediakan peruntukan bagi menaiktaraf segala kemudahan, infrastruktur, dan landskap yang ada di Victoria Bridge ini untuk keselesaan kepada komuniti dan pelancong yang berkunjung ke Victoria Bridge. Seperti perbualan di bawah:

*“...Kerajaan Negeri Perak juga memberikan peruntukkan, kita akan memohon segala projek untuk baik pulih, kita akan masuklah senarai-senarai projek kita yang kebetulan yang mereka pickup untuk jambatan Victoria, rezeki untuk kita lah dapat baik pulih yang lebih kurang dekat 1 juta juga lah peruntukan untuk kita baik pulih kat situ....”*

*Informan 1, 5 Oktober 2023, Kajian lapangan*

Berdasarkan informan di atas, menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Perak telah memperuntukkan dana untuk pemulihan atau pembaikan infrastruktur, dengan tumpuan kepada projek di sekitar Jambatan Victoria. Ini menunjukkan komitmen kerajaan tempatan untuk membaiki dan menyelenggara infrastruktur yang penting kepada masyarakat. Seterusnya, menurut informan di atas menyatakan peruntukan dana Kerajaan Perak mencecah sekitar 1 juta ringgit. Ini menunjukkan komitmen serius kerajaan tempatan untuk melaksanakan pemulihan atau pembaikan di sekitar Jambatan Victoria yang dianggap sebagai rahmat atau hadiah untuk menambah baik keadaan infrastruktur ini. Jelaslah bahawa, pernyataan ini menggambarkan usaha dan komitmen kerajaan tempatan untuk menyelenggara dan membaiki pulih infrastruktur yang penting kepada masyarakat seperti Jambatan Victoria.

*“...Pertama sekali adalah melalui kerajaan negeri perak dan memainkan peranan yang paling penting...”*

*Informan 2, 1 November 2023, Kajian lapangan*

Menurut informan di atas menerangkan bahawa, dengan adanya peruntukan yang diberikan daripada pihak Kerajaan Negeri Perak dapat memulihara dalam penambahbaikan dan penyelenggaraan Victoria Bridges ini yang merupakan sangat penting dan harus dititikberatkan untuk kegunaan generasi masa akan datang. Pemuliharaan jambatan ini haruslah mengikuti piawaian yang telah ditetapkan kerajaan agar kualiti seni itu dapat dikekalkan. Projek membaikpulih seharusnya dijalankan dengan teliti hal ini demikian kerana projek membaik pulih bangunan bersejarah ini amat rumit Proses membaik pulih ini memerlukan peruntukan yang agak tinggi bagi mengekalkan keseniannya kerana bangunan bersejarah ini mempunyai bahan binaan yang tersendiri dan barangnya terhad untuk didapati. Oleh itu, peranan pihak kerajaan dalam usaha memulihara Jambatan ini amatlah penting. Dengan adanya peruntukan khas ini proses membaikpulih bangunan bersejarah ini dapat dijalankan dengan menggunakan bahan ganti yang sesuai yang boleh diguna pakai.

#### **4.1.6 PERBADANAN ASET KERETA API**

Menurut portal rasmi Perbadanan Aset Kereta Api (2023) menjelaskan bahawa pengurusannya adalah untuk menguruskan dan membangunkan Aset Kereta Api untuk memajukan semula infrastruktur kereta api melalui perancangan dan pelaksanaan pengurusan aset secara sistematik dan bernilai tinggi. Sedia maklum, Victoria Bridge ini adalah merupakan milik sepenuhnya oleh Perbadanan Aset Kereta api dan sekaligus turut bekerja sama dalam melestarikan pengurusan di Lembah Lenggong dari sudut penjagaan dan menaiktaraf bagi memulihara tapak warisan Victoria Bridge di Kuala Kangsar.

Seterusnya, RAC ini berperanan penting dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge ini. Antaranya, pihak berkepentingan ini berperanan dalam menguruskan semua aset, hak dan liabiliti Pentadbiran KTM sebelum 1 Ogos 1992 supaya syarikat baharu (Keretapi Tanah Melayu Berhad-KTMB) bebas daripada hutang yang membebankan dan kos bukan operasi. Selain itu, pihak ini juga membiayai pembangunan infrastruktur kereta api menggunakan sumber daripada pelbagai aktiviti seperti sewa dan pajak serta peruntukan kerajaan. Selain itu, pihak perbadanan Aset Kereta Api menjalankan tanggungjawabnya



dengan membangunkan semula infrastruktur keretapi Victoria Bridge ini dan memberikan fokus sepenuhnya untuk melestarikan segala pengurusan yang ada di Victoria Bridge. Oleh itu, pihak Perbadanan Aset Kereta Api ini bersama-sama pihak berkepentingan di Victoria Bridge supaya usaha untuk memulihara tapak warisan ini dapat dicapai. Hujah ini disokong oleh beberapa responden yang telah ditemu bual oleh pengkaji, petikan adalah seperti berikut:

*“... jambatan victoria itu sebagai aset lah tersebut terletak di bawah Perbadanan Aset Kereta Api (RAC). Kalau nak tahu bangunan dan landasan tersebut adalah milik RAC bukan KTM., KTM hanya membekalkan servis train itu sahaja.. ... ”*

*(Informan 1, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)*

Informan di atas menerangkan tentang status pemilikan dan pengurusan jambatan Victoria di Kuala Kangsar. Jambatan Victoria dianggap sebagai aset yang terletak di bawah Perbadanan Aset Kereta Api (RAC). Ini menunjukkan bahawa RAC bertanggungjawab terhadap pengurusan dan penyelenggaraan jambatan tersebut. kenyataan itu memberi kefahaman jelas mengenai status dan pemilikan Jambatan Victoria di Kuala Kangsar, mengesahkan jambatan itu adalah aset yang diuruskan oleh RAC dan bukan milik KTM.

#### **4.1.7 PERAK HERITAGE SOCIETY**

Menurut Portal Rasmi Perak Heritage Society (PHS) menyatakan bahawa Perak Heritage Society merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan dan merupakan sebuah kumpulan yang menjaga keselamatan Warisan yang ada di Negeri Perak. Peranan Pihak Perak Heritage Society adalah untuk menggalakkan kesedaran awam, pemuliharaan Victoria Bridge dan juga pemuliharaan warisan sosial, alam sekitar dan budaya untuk memberikan manfaat kepada rakyat di Victoria Bridge ini. Selain itu, Pihak ini berurusan dengan warisan semula jadi budaya dan perindustrian Perak bagi memulihara tapak warisan yang ada di negeri Perak ini. PHS telah memberikan sumbangan kepada pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar untuk memasang information board untuk mempromosikan Tapak Warisan ini kepada orang ramai.

Seterusnya, PHS melakukan projek seperti mengumpul dan mendokumentasikan dan menerbitkan buku dan video mengenai warisan. Pihak Heritage Society ini juga memainkan



peranan penting dalam mempromosikan Victoria Bridge di Kuala Kangsar dan pihak ini sangat prihatin dengan kadar kemusnahan tapak warisan yang ada dan membuat penambahbaikan. Pihak ini menjalinkan hubungan bersama NGO yang berkaitan dengan komuniti tempatan dan agar penduduk tempatan ini berbangga dengan warisan yang ada di kawasan mereka dan berwaspada dalam ancaman yang akan berlaku terhadap ancaman terhadap warisan mereka. Segala perancangan yang dilakukan dan kerjasama pihak ini akan menjadikan pengurusan Victoria Bridge ini terpelihara. Oleh itu, hujah ini telah disokong oleh beberapa responden yang telah ditemubual, petikannya adalah seperti berikut:

*“..... Perak Heritage Society dan Malayan Heritage Group. pihak ini telah memberikan sumbangan kepada pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar untuk memasang information board tadi... ..”*

*(Informan 1, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)*

Menurut informan di atas mengatakan bahawa Perak Heritage Society dan Malayan Heritage Group adalah organisasi yang terlibat dalam memelihara dan mempromosikan warisan budaya dan sejarah. Daripada kenyataan ini, dapat dilihat bahawa kedua-dua pertubuhan itu turut serta dalam mengekalkan dan mempromosikan warisan di Kuala Kangsar. Mereka memberi sumbangan kepada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar untuk memasang papan maklumat di sesuatu lokasi. Ini menunjukkan mereka menyokong usaha kerajaan tempatan dalam memberikan maklumat kepada orang ramai tentang warisan budaya dan sejarah di kawasan tersebut. Kerjasama antara organisasi warisan dan kerajaan tempatan adalah contoh kerjasama positif dalam mengekalkan dan mempromosikan warisan budaya. Dalam kes ini, pihak bukan kerajaan menyumbang dalam bentuk sumbangan kewangan atau sumber lain untuk menyokong inisiatif kerajaan tempatan. Justeru, kenyataan itu menggambarkan kepentingan kerjasama antara badan bukan kerajaan dan kerajaan dalam pemeliharaan dan promosi warisan budaya, serta usaha bersama memperkayakan pengalaman rakyat dalam memahami sejarah dan budaya tempatan.

#### 4.1.8 JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS)

Menurut portal rasmi Jabatan Pengairan dan Saliran menyediakan perkhidmatan perundingan dan pengurusan mekanikal dan elektrik yang profesional serta bermutu tinggi ke arah kepuasan hati pelanggan, amalan kejuruteraan yang baik dan serasi dengan alam sekitar, pihak ini, merancang, merekabentuk dan menyelia pelaksanaan projek-projek pembangunan, merancang, mengurus, menyelaraskan, mengemaskini dan memantau perbelanjaan peruntukkan-peruntukan pembangunan dan belanja mengurus serta menyediakan laporan-laporan bulanan/tahunan kerja-kerja pembangunan dan mengurus serta lain-lain yang berkaitan.

Jabatan pengairan dan Saliran ini terlibat dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge dengan menaik taraf Jabatan ini telah membina Projek ‘Sungai Bike Trail di bawah Victoria Bridge iaitu Trek Living Bike Trail yang bermula dari Victoria Bridge hingga ke Kem Intan Suraya telah siap dibina pada tahun 2020 lagi. Oleh itu, dengan adanya aktiviti ini ia boleh memelihara Victoria Bridge dan merencanakan aktiviti pelancongan daerah ini dan menarik minat pengunjung untuk datang. Selain itu, Pihak ini juga membantu dalam pemulihan jika berlakunya banjir di kawasan Victoria Bridge kerana Victoria Bridge berada berdekatan dengan Sungai Perak dan telah menjadi hak milik Jabatan Saliran dan Pengairan dan dijaga sepenuhnya oleh pihak mereka.. Segala hujah yang dinyatakan telah disokong dengan pendapat responden yang ditemu bual oleh pengkaji, seperti berikut:

*“...Jabatan Saliran dan Pengairan ada membuat trek living bike trail itu dibina oleh Jabatan pengairan dan saliran aaa yang bermula dari jambatan Victoria sehingga ke Intan Suraya tidak silap saya dalam 20 kilometer dan jalan akan lalulah kawasan kampung itu semua.. Yang akan datang ini mereka akan mencadangkan untuk sambung balik dari jambatan victoria sampai ke RNR Sungai Perak, dekat tepi sungai jambatan ini dah jadi hak milik JPS dan bukan hak milik Majlis Perbandaran Kuala Kangsar aaa sebab setiap benda kan ada hak milik dan penjagaan dia dan itu memang Pihak JPS buat dan telah siap pada tahun 2020... ..”*

*(Informan 2, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)*

Menurut informan di atas, Jabatan Saliran dan Pengairan (JPS) bertanggungjawab dalam pembinaan trek living bike trail yang bermula dari Jambatan Victoria dan terus ke Intan Suraya, dengan panjang sekitar 20 kilometer. Trek ini melalui kawasan luar bandar, memberi laluan kepada pengguna basikal menikmati pemandangan semula jadi dan

keindahan kawasan tersebut. Tambahan pula, terdapat rancangan untuk memanjangkan trek dari Jambatan Victoria ke RNR Sungai Perak yang terletak berhampiran tebing sungai. Kenyataan itu turut menegaskan kawasan sekitar jambatan itu adalah milik JPS dan bukannya Majlis Perbandaran Kuala Kangsar. Ini menggariskan konsep hak dan tanggungjawab harta, di mana JPS bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan dan pengurusan jalan. Projek ini juga telah disiapkan oleh JPS pada tahun 2020, menunjukkan komitmen mereka untuk menyediakan kemudahan rekreasi dan keboleh capaian yang mencukupi untuk masyarakat. Justeru, kenyataan ini menggambarkan usaha JPS untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan ekopelancongan melalui pembinaan laluan basikal hidup di rantau ini.

*“.....Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membuat satu dataran tepi sungai tersebut berhampiran dengan jambatan ini dan juga membuat satu jalan laluan basikal sehingga ke kampung Intan Suraya berdekatan dengan empangan Chenderoh jadi aktiviti ini sering diadakan pada hujung minggu dan secara tidak langsung ia dapat menghidupkan suasana di Victoria Bridge ini... ..”*

*(Informan 3, 14 October, 2023, Kajian Lapangan)*

Menurut kenyataan informan di atas menjelaskan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mewujudkan dataran di tebing sungai bersebelahan dengan Jambatan Victoria. Selain itu, pihak ini juga turut membina laluan khas untuk pengguna basikal yang menghala ke Kampung Intan Suraya iaitu berhampiran dengan Empangan Chenderoh. Aktiviti di laluan ini selalunya dilakukan pada hujung minggu yang secara tidak langsung mewujudkan suasana meriah di sekitar Jambatan Victoria. Pembinaan dataran tepi sungai dan laluan basikal memberi peluang kepada masyarakat untuk menikmati alam sekitar dan menjalankan aktiviti riadah di lokasi ini. Dengan laluan basikal, pengunjung boleh menerokai kawasan sekitar Jambatan Victoria dengan cara yang mesra alam dan sihat. Aktiviti ini juga memberi impak positif kepada kawasan tersebut dengan meningkatkan kunjungan pelancong dan mewujudkan suasana yang lebih meriah dan sibuk di sekitar Jambatan Victoria seterusnya dapat mengukuhkan ekonomi tempatan.

Tuntasnya, pembinaan trek berbasikal di kedua-dua belah Sungai Perak oleh Jabatan Saliran dan Pengairan ini dijangka membantu merencanakan aktiviti pelancongan di daerah ini. Di samping itu, penunggang basikal ini akan turut berpeluang melalui trek di bawah jambatan ini, dan membolehkan mereka menghayati seni bina dan kejuruteraan jambatan

berkenaan. Oleh itu, dengan adanya pihak berkepentingan ini Victoria Bridge ini dapat dipelihara dengan baik dan sekaligus dapat meningkatkan bilangan pelancong yang datang.

#### 4.1.9 KOMUNITI

Menurut Nik Safiah Karim (1992) maksud komuniti adalah sebagai kumpulan manusia yang menuturkan satu bahasa yang sama, yang membolehkan manusia berhubung antara satu sama lain. Istilah paling tepat untuk komuniti bahasa sukar ditetapkan, ada yang berpendapat komuniti bahasa mestilah terdiri daripada mereka yang benar-benar berada dalam komuniti, iaitu sekumpulan masyarakat yang tinggal dalam lokasi yang sama. Secara umumnya, istilah komuniti merujuk kepada kumpulan orang yang tinggal di suatu daerah, masyarakat yang menetap di suatu tempat atau negara, orang ramai umumnya atau sekumpulan individu yang mempunyai sifat-sifat, kecenderungan dan kepentingan yang serupa.

Komuniti yang ada di kawasan Victoria Bridge ini memainkan peranan yang sangat penting dan penglibatan mereka sangat membantu dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge ini terutama apabila komuniti ini melibatkan diri dalam semua aktiviti sosial yang dilakukan oleh pihak berkepentingan ini. Komuniti di kawasan ini sangat memberikan impak yang besar kepada Victoria Bridge hal ini kerana mereka membawa pengaruh yang tinggi dalam untuk mengekalkan Victoria Bridge ini sentiasa dipelihara.

*“...kita akan menjemput dan maklumkan ketua kampung kita akan melibatkan orang kampung disitu dan komuniti, di sebelah Karai, ada sebuah komuniti persatuan yang dinamakan persatuan kelab rekreasi kampung seberang karai, mereka ini bertugas dalam bertanggungjawab menjaga di bahagian jambatan seberang sana... ..”*

*(Informan 1, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)*

Kenyataan itu menggariskan rancangan untuk melibatkan masyarakat dalam menjaga dan mengekalkan bahagian Jambatan Victoria di sebelah Karai. Berikut adalah beberapa perkara yang boleh digariskan daripada kenyataan ini. Pelan ini termasuk usaha untuk melibatkan orang ramai daripada masyarakat setempat dalam menyelenggara dan menyelenggara bahagian jambatan di sebelah Karai. Ini menunjukkan kepentingan penglibatan masyarakat dalam pengekalan dan pemuliharaan warisan budaya dan

infrastruktur tempatan. Selain itu, terdapat persatuan atau kumpulan masyarakat di sebelah Karai yang dinamakan Persatuan Kelab Rekreasi Kampung Seberang Karai. Kumpulan ini mempunyai tanggungjawab untuk menjaga bahagian jambatan di sebelah sana. Kerjasama dengan kumpulan komuniti ini menunjukkan kerjasama antara kerajaan tempatan dan komuniti tempatan dalam usaha pemuliharaan. Langkah ini juga melibatkan pemberitahuan kepada pengerusi kampung setempat, yang kemudiannya akan memperkenalkan rancangan tersebut kepada masyarakat setempat. Ini menunjukkan ketelusan dan penglibatan kerajaan tempatan dalam proses tersebut. Jelaslah, dengan melibatkan masyarakat setempat dan persatuan kelab rekreasi kampung, diharap usaha menyelenggara dan memulihara jambatan bersebelahan Karai dapat dijalankan dengan berkesan dan mampan, di samping mengeratkan hubungan antara masyarakat dan warisan budaya mereka. Hujah ini disokong dengan informan yang ketiga seperti:

*“...persatuan penduduk ada menyertai gotong royong yang diadakan oleh pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) ataupun jabatan-jabatan yang mengadakan hari berjumpa dengan komuniti setempat...”*

*(Informan 3, 1 November, 2023, Kajian Lapangan)*

Menurut hujah di atas, kenyataan itu menjelaskan persatuan penduduk mengambil bahagian dalam aktiviti gotong-royong yang diadakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) atau pelbagai pejabat kerajaan yang mengadakan pertemuan dengan masyarakat setempat. Berikut adalah beberapa perkara yang boleh digariskan daripada kenyataan ini. Penyertaan Persatuan Penduduk tempatan mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti kerjasama yang diadakan oleh kerajaan tempatan atau pelbagai pejabat kerajaan. Ini menunjukkan penglibatan aktif masyarakat dalam usaha menjaga alam sekitar dan membangunkan masyarakat. Kerjasama dengan Kerajaan Wilayah: Penglibatan persatuan penduduk dalam aktiviti gotong-royong juga menunjukkan wujudnya kerjasama antara masyarakat sivil dan kerajaan wilayah, dalam hal ini MPKK. Kerjasama ini penting untuk mewujudkan persekitaran yang bersih, selamat dan selesa kepada masyarakat. Persatuan penduduk turut hadir dalam pelbagai acara atau hari mesyuarat yang diadakan oleh kerajaan tempatan atau pelbagai pejabat kerajaan. Kehadiran mereka menunjukkan komitmen



mereka untuk mengambil bahagian dalam pembangunan komuniti dan menyumbang kepada penggubalan dasar yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat.

Justeru, melalui penglibatan persatuan penduduk dalam aktiviti gotong-royong dan pelbagai hari perjumpaan, jalinan kerjasama erat antara masyarakat sivil dan kerajaan tempatan dalam usaha meningkatkan kualiti hidup dan pembangunan masyarakat keseluruhannya.

#### **4.2 BENTUK KERJASAMA OLEH PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PENGURUSAN VICTORIA BRIDGE.**

Menurut Azzanawawy (2022) kerjasama pihak berkepentingan amatlah diperlukan bagi memudahkan matlamat dan agenda itu tercapai. sedia maklum, jika tiada kerjasama oleh pihak berkepentingan agenda dan matlamat tidak akan tercapai. oleh itu, setiap pihak perlu menyumbang dengan memberikan hasil kerja yang dilakukan dengan memainkan tanggungjawab masing-masing. Kerjasama atau belajar bersama adalah proses berkumpul dan mempunyai matlamat yang sama dan ingin dicapai bersama (Landsberger, 2011). Bentuk kerjasama ini adalah penglibatan dari semua pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge. Bentuk kerjasama ini sangat penting dalam sesuatu pengurusan kerana dalam pengurusan memerlukan pihak yang pakar dalam pelbagai bidang dan Victoria Bridge ini memerlukan penglibatan pihak berkepentingan yang lain. Hal ini kerana tidak semua bahagian yang boleh diurus oleh satu pihak saja dan memerlukan kerjasama dengan beberapa pihak berkepentingan yang lain untuk terlibat dalam pengurusan bagi melestarikan Victoria Bridge ini berlaku.

##### **4.2.1 KERJASAMA DALAM PEMULIHARAAN**

Memulihara merupakan salah satu aktiviti yang perlu dilakukan oleh pihak berkepentingan di Victoria Bridge untuk melestarikan, menjaga dan menambah baik tapak warisan ini untuk memastikan kesinambungan untuk generasi akan datang. Terdapat pelbagai cara yang dilakukan oleh pihak berkepentingan bagi memulihara Victoria Bridge agar tapak warisan ini dapat dilestarikan dan dijaga dengan baik. Pihak berkepentingan ini akan bekerjasama dalam memelihara dan memulihara jambatan ini dengan memantau dan memberikan peruntukan yang sewajarnya bagi proses menjaga, membaikpulih dan menaiktaraf jambatan ini dari berlakunya kerosakan kerana Jambatan ini merupakan



Jambatan Kereta Api tertua di Malaysia yang memerlukan pemantauan secara berkala untuk ia terus sentiasa dalam keadaan yang baik.

Pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar ini menjaga dan memperbaiki jambatan Victoria ini untuk keselesaan dan keselamatan pengunjung serta pelancong yang datang, pihak ini akan memperbaiki segala kerosakan yang ada dalam masa yang sama mengekalkan keasliannya dan memastikan jambatan ini sentiasa dipulihara tanpa sebarang kerosakan oleh itu peruntukkan daripada pihak berkepentingan yang lain juga sangat dititikberatkan dan diberi perhatian kerana ia memerlukan peruntukkan kewangan yang banyak bagi memastikan jambatan ini sentiasa terjaga dan selamat untuk para pelawat dan pelancong. Ulasan ini disokong dengan beberapa responden yang telah ditemubual, petikan seperti:

*“.... ..Bagi penjagaan, pihak MPKK ada melakukan pembersihan seperti memotong rumput, peruntukkan yang diberikan untuk keselamatan orang ramai dengan kami mebaiki segala kerosakan yang ada pada jambatan ini untuk mengekalkan keasliannya juga... ..”*

*(Responden 1, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)*

Menurut informan di atas, kenyataan itu menjelaskan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan Jambatan Victoria. Berikut adalah beberapa perkara yang boleh digariskan daripada kenyataan ini MPKK menjalankan pelbagai usaha pembersihan seperti memotong rumput di sekitar jambatan. Tindakan ini bertujuan untuk menjaga kebersihan dan keindahan persekitaran sekitar jambatan yang turut menyumbang kepada keselamatan dan keselesaan orang ramai yang menggunakan jambatan tersebut.

Seterusnya, selain daripada pembersihan, MPKK juga membaiki sebarang kerosakan pada jambatan. Tindakan ini penting bagi mengekalkan keaslian dan integriti struktur jambatan, serta memastikan keselamatan pengguna jambatan. MPKK memperuntukkan dana untuk menjaga keselamatan awam dan menjalankan pembaikan jambatan. Ini menunjukkan komitmen kerajaan tempatan untuk memastikan infrastruktur awam seperti jambatan kekal dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan oleh masyarakat.

Justeru, kenyataan ini menggambarkan tanggungjawab MPKK untuk menyelenggara, menyelenggara dan membaik pulih Jambatan Victoria demi keselamatan dan kesejahteraan penduduk yang menggunakan infrastruktur ini.

*“.... ..Jambatan Victoria ini telah diwartakan sebagai Warisan Negara pada tahun 2016 bermakna warisan ini tidak boleh diubahsuai dan haruslah dikekalkan keasliannya jadi ianya harus dipelihara, dijaga supaya ia terus kekal untuk generasi pada masa akan datang dapat melihat dan pihak MPKK dengan jabatan warisan mengambil prihatin keadaannya jika berlakunya kerosakan mereka akan cepat memperbaiki untuk menjaga keselamatan orang ramai dan pelancong yang ramai datang atau melawat ke jambatan tersebut... ..”*

*(Informan 3, 1 November 2023, Kajian Lapangan)*

Menurut informan di atas, menjelaskan bahawa jambatan Victoria ini telah diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan pada 2016, bermakna ia mempunyai status yang dilindungi undang-undang dan tidak boleh diubah atau diubah suai. Jambatan ini haruslah dijaga dan diselenggarakan agar ianya terpelihara keasliannya, agar dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) bersama-sama jabatan warisan bertanggungjawab memberi perhatian terhadap keadaan jambatan ini. Jambatan Victoria mempunyai nilai sejarah dan budaya yang tinggi sebagai Warisan Kebangsaan. Oleh itu, adalah penting untuk mengekalkan keaslian dan integritinya agar ia terus berfungsi sebagai warisan berharga untuk masa hadapan. MPKK dan jabatan warisan bertanggungjawab memberi perhatian kepada keadaan jambatan dan segera melakukan pembaikan sekiranya berlaku kerosakan. Ini bertujuan untuk menjaga keselamatan pengguna jambatan dan juga pelancong yang datang berkunjung. Justeru, kenyataan itu menekankan kepentingan penyelenggaraan dan pengurusan Jambatan Victoria yang baik sebagai sebahagian daripada warisan budaya negara yang bernilai. Pernyataan ini disokong lagi dengan hujah informan yang ketiga.

*“.....Petugas sukarela khususnya dari segi keselamatan bermakna yang bertugas itu memberi penerangan kepada pelancong supaya berhati-berhati ditempat ini mungkin boleh terjatuh dan sekitar di jambatan ini diadakan tempat pembuangan sampah supaya tidak berlaku pembuangan sampah yang berleluasa sehingga menjejaskan pandangan dan juga menjejaskan sebagai tempat pelancongan diharap pihak-pihak berkenaan dapat mengambil maklum perkara ini dan melaksanakan untuk kebaikan semua... ..”*

*(Informan 3, 1 November, 2023, Kajian Lapangan)*

Menurut informan ketiga, kenyataan itu mengetengahkan peranan penting pegawai sukarelawan khususnya dalam aspek keselamatan pengunjung di tempat-tempat pelancongan seperti Jambatan Victoria. Informan di atas juga, menekankan kepentingan menjaga kebersihan di sekitar jambatan dengan menyediakan tapak pelupusan sisa. Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan pembuangan sampah sembarangan yang boleh merosakkan pemandangan semula jadi dan mengganggu pengalaman pelancong pengunjung.

Kenyataan itu berharap pihak agensi pelancongan berkaitan mengambil perhatian terhadap masalah tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya demi kebaikan bersama. Ini menunjukkan betapa pentingnya kerjasama dalam menjaga kebersihan dan keselamatan di tempat-tempat pelancongan. Justeru, kenyataan itu menggariskan peranan penting pegawai sukarelawan dalam menjaga keselamatan dan kebersihan di tempat-tempat pelancongan, serta kepentingan kerjasama daripada semua pihak untuk mewujudkan persekitaran yang selamat, bersih dan menyeronokkan pengunjung.

#### **4.2.2. KERJASAMA DALAM PROMOSIKAN VICTORIA BRIDGE**

Pihak berkepentingan ini memainkan peranan penting dalam mempromosikan Victoria Bridge ini. Pelbagai cara yang boleh dilakukan oleh pihak berkepentingan bagi mempromosikan Victoria Bridge kepada pelancong dan komuniti setempat. Pihak berkepentingan yang terlibat ini perlu bekerjasama dengan pihak yang dapat membantu mempromosikan seperti pihak media. Peranan pihak media ini adalah untuk mempromosikan tentang sejarah Victoria Bridge yang mempunyai keunikan dari segi seni bina dan cara membuatnya oleh buruh terdahulu yang menggunakan tenaga manusia sahaja. Antara Media yang digunakan adalah seperti sosial dan media massa seperti Facebook, Tiktok, Televisyen dan juga memasang information board di Jalan Raya. Di Facebook, pihak berkepentingan Majlis Daerah Kuala Kangsar telah mempromosikan Victoria Bridge kepada orang ramai. Dengan semua media yang ada ini dapat mempromosikan Tapak Warisan ini kepada orang luar dan sekaligus dapat meningkatkan bilangan pelancong dan pengunjung yang datang.

Bagi memajukan dan membangunkan Jambatan Victoria ini memerlukan sokongan kewangan dan peruntukkan yang banyak. Peranan pihak berkepentingan seperti Kerajaan

Negeri Perak, Kerajaan Persekutuan dan juga Keretapi Tanah Melayu dimana Jambatan Victoria merupakan sepenuhnya milik perbadanan Aset Kereta Api dan dengan kerjasama ke semua pihak berkepentingan ini memberikan peruntukkan ringgit atau barangan dimana ia dapat memberikan keselesaan kepada pengunjung dan juga untuk Tahun 2024 adalah Tahun Melawat Perak jadi ramai pelancong-pelancong di dalam negara atau luar negara akan datang ke Victoria Bridge ini untuk melihat keunikannya dari segi binaanya.

Komuniti juga pihak yang memainkan peranan penting dalam membantu menjaga, mengurus, mempromosikan dan membantu para pelawat dan pelancong. Komuniti yang mempunyai semangat dalam berkerjasama membantu melestarikan Victoria Bridge ini dapat memajukan dan membangunkan kawasan ini serta membantu menjadikan tempat pelancongan ini berkembang secara pesat. Hasilnya, perkembangan ini akan menyebabkan berlakunya pelbagai sektor dari pelancongan, ekonomi dan sebagainya. tuntasnya, sokongan dan kerjasama komuniti setempat ini sangat memberikan kesan yang positif serta menjadikan Jambatan Victoria ini lebih maju dan boleh menjadikan ia sebagai satu pusat pelancongan yang terkenal di Negeri Perak. Namun, sesetengah komuniti tempatan yang tidak mempunyai kesedaran dan sambil lewa tentang jambatan ini kerana mereka tidak melihat keunikan dan kepentingan yang ada di Jambatan ini kerana mereka menganggap kawasan ini hanyalah tapak yang usang dan tidak memberikan manfaat kepada mereka. Sedia maklum, komuniti tempatan ini adalah merupakan individu yang akan berkomunikasi dengan pelancong dan pelawat yang datang sekiranya ada individu yang tidak berminat tentang Jambatan ini menyebabkan pelancong luar tidak dapat mengetahui tentang keunikan yang ada di Jambatan ini menyebabkan para pelancong tidak berminat untuk datang. Ulasan ini disokong dengan beberapa responden yang telah ditemubual, petikan seperti:

*“.... ..apa yang boleh dilakukan adalah dengan menjadikan tempat ini sebagai Pakej destinasi pelancongan utama Perak dan Negara dimana agensi pelancongan boleh memasukan Jambatan Victoria dalam pakej pelancongan jika pelancong melawat atau singgah di Kuala Kangsar, Ipoh, Lenggong atau Taiping. Hal ini perlu dimuatkan dalam risalah Kuala Kangsar Packages atau melalui media-media massa. Yang kedua adalah dengan Mengatur acara-acara promosi bertaraf antarabangsa - misalnya melalui Program Mega-Farm (Mega Familiarization) yang melibatkan penyertaan media-media antarabangsa atau agensi pelancongan antarabangsa. Maklumat Jambatan Victoria wajib dipromosi oleh mereka. ...”*

*(Informan 2, 14 Oktober 2023, Kajian Lapangan)*

Menurut pernyataan informan di atas pelbagai cara yang efektif dan kerjasama yang boleh pihak berkepentingan lakukan bagi mempromosikan Victoria Bridge ini dengan lebih meluas. Melalui cara yang strategik ini kita akan mendapat meningkat pelancongan untuk melihat tapak warisan ini dan sekaligus kita dapat memelihara jambatan ini untuk tontonan generasi masa akan datang. Menggunakan manfaat penggunaan media sosial dan media massa ini dapat kita promosi yang dilakukan oleh pihak berkepentingan ini akan menarik perhatian para pelancong dan sekaligus para pelancongan dapat mengetahui bahawa terdapat Jambatan Kereta Api yang tertua di Malaysia ini sekaligus dapat menambahkan pengetahuan dan pengalaman kepada para pelancong terhadap Victoria Bridge ini bukan itu sahaja kerjasama bersama komuniti setempat juga banyak membantu dalam merealisasikan melestarikan Jambatan ini.

#### **4.2.3 KERJASAMA DALAM AKTIVITI PELANCONGAN**

Pihak berkepentingan di Victoria Bridge ini juga menjalankan kerjasama dalam melakukan aktiviti yang melibatkan komuniti dan pelancong. Terdapat banyak aktiviti yang boleh dilakukan di jambatan ini adalah seperti “Trek bicycle” mengambil gambar kenangan dan disini mempunyai kampung warisan budaya yang dalamnya mempunyai sembilan jenis buah rumah yang dibina mengikut sembilan buah negeri dan juga chalet juga disediakan untuk para pelancong yang datang, chalet ini mempunyai galeri yang kecil yang mempamerkan tentang sejarah ringkas Victoria Bridge dimana ia dapat menambahkan ilmu pengetahuan para pelancong yang datang ke Chalet ini. Segala kemudahan dan naik taraf yang dilakukan oleh pihak berkepentingan ini adalah untuk keselesaan kepada para pelancong yang datang.

Risalah Kuala Kangsar Pakej atau melalui media massa dengan mempromosi pakej destinasi pelancongan utama perak dimana agensi pelancongan boleh memasukkan jambatan victoria ini dalam pakej pelancongan jika pelancong datang atau singgah ke Kuala Kangsar. Selain itu, dengan mengatur cara-cara promosi bertaraf antarabangsa melalui program Mega-Farm (Mega Familiarization) yang melibatkan penyertaan media-media antarabangsa ataupun agensi-agensi pelancongan dimana pihak ini akan membantu dalam mempromosikan Jambatan Victoria ini. Selain itu, Pihak berkepentingan seperti Tourism Malaysia dan



Tourism Perak ini menyusun takwim pelancongan negeri dan negara dengan memasukan sesi lawatan delegasi luar negara yang berkunjung ke Malaysia seperti melakukan mesyuarat, lawatan kerja atau sebagainya dimana ia tidak terhadap kepada tahun melawat Perak atau tahun melawat Malaysia sahaja. bukan itu sahaja, pihak berkepentingan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar juga mengadakan persembahan Light and Sound di Jambatan Victoria sebagai acara tahunan Negeri Perak setiap bulan November iaitu bagi acara keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak di samping diadakan persembahan kebudayaan Negeri Perak. Pihak ini juga membuat secara promosi secara besar-besaran melalui media massa Facebook dan menjaga dan membuat penambahbaikan dan memantau kawasan ini secara berkala. selain itu, Jambatan Victoria ini dijadikan kawasan aktiviti iaitu sebagai tempat rekreasi Jambatan Victoria/Dataran Karai yang bukan hanya terhad kepada aktiviti mengambil gambar di atas jambatan tersebut juga aktiviti jalan kaki, akitiviti keluarga seperti berkelah, memancing, trek basikal, berakit dan menjual beli oleh komuniti tempatan di kawasan tersebut dan banyak lagi. Ulasan ini disokong dengan beberapa responden yang telah ditemubual, petikan seperti:

*“... .. ada satu syarikat yang approach Pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar iaitu Cycle Dios. mereka meletakkan basikal di kawasan ini sebab jambatan ini sudah menjadi tempat pelancongan kan, Jabatan Saliran dan Pengairan ada membuat trek living bike trail bermula dari jambatan Victoria sehingga ke Intan Suraya... ”*

*(Informan 1, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)*

Informan pertama menggambarkan bahawa sebuah syarikat bernama Cycle Dios telah menemui Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) dengan satu cadangan dimana Cycle Dios telah mengemukakan cadangan kepada MPKK untuk menyediakan kemudahan sewa basikal di kawasan sekitar Jambatan Victoria. hal ini keranaa Jambatan Victoria adalah tempat pelancongan yang popular, yang menarik ramai pengunjung dengan menyediakan perkhidmatan kepada pengunjungnya. Justeru, kenyataan ini menggambarkan usaha daripada sektor swasta untuk menyumbang kepada menambah baik pengalaman pelancong di kawasan sekitar Jambatan Victoria, di samping mengaitkannya dengan inisiatif pembangunan infrastruktur yang dilakukan oleh kerajaan tempatan.



*“..... sebagai aktiviti persinggahan, aktiviti santai-santai ambil gambar... “*

*(Informan 2, 14 Oktober 2023, Kajian Lapangan)*

Menurut informan di atas menggambarkan Jambatan Victoria juga dianggap sebagai tempat yang sesuai untuk persinggahan dan aktiviti riadah seperti bergambar. Jambatan Victoria bukan sahaja dianggap sebagai tempat untuk menyeberangi sungai, tetapi juga sebagai persinggahan. Pengunjung boleh memilih untuk berhenti seketika di jambatan ini untuk menikmati pemandangan sekeliling atau sekadar berehat dari perjalanan mereka. Selain singgah, pengunjung juga boleh melakukan pelbagai aktiviti riadah di Jambatan Victoria. Sebagai contoh, mereka boleh duduk dan berehat sambil menikmati udara segar dan pemandangan persekitaran, atau hanya berbual dengan rakan-rakan. Antara aktiviti yang sering dilakukan oleh pengunjung ialah bergambar. Jambatan Victoria menawarkan latar belakang yang menarik untuk pelbagai foto, daripada landskap semula jadi kepada potret diri anda atau bersama rakan-rakan. Justeru, kenyataan itu menegaskan bahawa Jambatan Victoria bukan sahaja infrastruktur berfungsi, malah tempat menarik untuk berhenti seketika dan menikmati detik santai termasuk bergambar untuk diabadikan sebagai kenangan. Hujah ini disokong lagi dengan hujah di bawah:

*“... ..sering diadakan aktiviti iaitu berjalan di atas jambatan melihat keindahan sungai perak dan juga melihat bagaimana pihak british membuat jambatan ini dengan kukuh. dulu mana ada guna mesin-mesin ini, semua menggunakan tenaga manusia jadi daripada situ orang ramai dapat melihat kerana pada zaman dahulu mereka lagi kreatif tanpa ada jentera-jentera macam sekarang ianya begitu kukuh sekali sehingga ia dah berusia 123 tahun dan aaa sering dijadikan aktiviti di atas jambatan kalau ada perkahwinan akan bergambar disini. secara tidak langsung dapat aaa merencanakan industri pelancongan... ..”*

*(Responden 3, 1 November, 2023, Kajian Lapangan)*

Berdasarkan informan di atas, pelbagai aktiviti sering diadakan di Jambatan Victoria yang melibatkan berjalan di atas jambatan itu untuk menikmati keindahan Sungai Perak dan mengagumi pembinaan mantap jambatan itu yang dibina oleh British menggunakan tenaga manusia. Aktiviti berjalan di atas jambatan memberi peluang kepada pengunjung untuk

mengagumi sejarah dan keindahan jambatan tersebut. Mereka dapat melihat bagaimana jambatan ini dibina kukuh oleh British menggunakan kuasa manusia, tanpa bantuan mesin moden seperti yang digunakan sekarang.

Selain itu, informan juga menyatakan bahawa berjalan di atas jambatan bukan sahaja memberikan pengalaman yang menyeronokkan untuk pengunjung, tetapi juga merangsang industri pelancongan tempatan. Lokasi ini sering dijadikan tempat bergambar terutamanya pada majlis-majlis khas seperti majlis perkahwinan yang boleh menarik lebih ramai pengunjung dan memperkayakan pengalaman pelancongan mereka. Justeru, kenyataan ini menggariskan kepentingan warisan sejarah dalam meningkatkan daya tarikan pelancongan sesuatu kawasan, serta peranan penting aktiviti pelancongan dalam memeriahkan industri pelancongan tempatan.

Jelaslah bahawa, dengan adanya kerjasama ini boleh mewujudkan suasana yang menarik bagi pelancong, aktiviti pelancongan yang diadakan oleh pihak berkepentingan bersama komuniti akan meningkatkan bilangan pelancong dan juga dapat memajukan lagi tapak warisan dan sekaligus dapat kita pelihara sampai bila-bila. hal ini membolehkan Victoria Bridge ini dijadikan salah satu tempat pelancongan yang popular kerana segi seni bina nya dan landskap dan pemandangan yang cantik pelancong akan tertarik untuk datang. dengan adanya kerjasama antara pihak berkepentingan ini akan menjadikan Victoria Bridge ini dikenali sebagai tapak warisan yang lama di Kuala Kangsar ini.

#### **4.3 CABARAN YANG DIHADAPI OLEH PIHAK BERKEPENTINGAN**

Bagi mengekalkan kelestarian Victoria Bridge ini bukan lah perkara yang mudah sudah tentu terdapat banyak cabaran yang akan dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam memastikan kelestarian pengurusan bagi sesebuah organisasi dan untuk menguruskan sesebuah organisasi yang mempunyai kepentingan terhadap sesebuah kawasan ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah untuk dilakukan. oleh itu, dengan adanya pihak berkepentingan ini dapat mengatasi cabaran dan masalah yang dihadapi bagi pengurusan dalam melestarikan Victoria Bridge.

### 4.3.1 VANDALISME

Menurut Kamus Dewan (2007) vandalisme merujuk kepada perbuatan membinasakan atau merosakkan harta benda awam atau persendirian. Vandalism juga dikenali sebagai puut atau pemungut atau laku musnah. Definisi vandalisme adalah membuat sebarang perubahan seperti melukis, menanda, mengecat, menampal, merosakkan atau mengotorkan harta benda awam tanpa kebenaran pihak berkuasa. (Nur Adriana Syamimi, 2015). Gejala vandalisme ini merupakan cabaran dalam melestarikan Victoria Bridge ini kerana adanya sikap yang tidak bertanggungjawab di kalangan komuniti yang tinggal berhampiran kawasan ini dengan menconteng dan merosakkan kawasan ini kerana tempat ini terbuka untuk para pengunjung datang tanpa mengenakan sebarang pembayaran menyebabkan perkara ini berlaku. Hal ini sangat penting untuk kita menjaga tapak ini dari dirosakkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Pihak berkepentingan haruslah menjalankan tanggungjawab dengan membina papan tanda tentang undang-undang dan dimana setiap kesalahan akan dikenakan denda atau dipenjarakan supaya masalah ini tidak berlaku lagi pada masa akan datang dan Jambatan Victoria ini dapat dipelihara dengan baik. Selain itu, peranan komuniti tempatan juga merupakan aspek yang paling penting dalam membantu bekerjasama dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge ini dan mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan tapak warisan ini sentiasa dijaga dari berlakunya kerosakan yang dilakukan orang pihak yang tidak bertanggungjawab. Hujahan dari responden ini disokong lagi dengan temubual yang dilakukan oleh pengkaji seperti berikut:

*“... ..Selain itu, masalah vandalisme. Contohnya, pihak Mpkk baru sahaja letak signboard selang dua tiga minggu dah ada budak-budak conteng dan merosakkan ini vandalisme lah sebab tempat ini open kan dan kalau ada orang nak datang dan masuk kita tidak kenakan sebarang cas inilah akan terjadi sebab orang tak jaga, conteng, buang sampah merata-merata akan berlaku... ..”*

*(Informan 1, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)*

Menurut hujah di atas, informan ini menyatakan bahawa vandalisme adalah masalah yang kerap berlaku di sekitar jambatan, di mana papan tanda yang baru dipasang oleh MPKK menjadi sasaran vandalisme dalam masa yang singkat dipasang. Perbuatan vandalisme seperti berdetik dan merosakkan infrastruktur menyebabkan kerugian dan merosakkan estetika alam

sekitar. Vandalisme memberi kesan negatif terhadap keindahan dan kebersihan persekitaran sekeliling. Ini juga boleh mengganggu pengalaman pelancongan pengunjung yang datang ke tempat tersebut. Perbuatan vandalisme juga menimbulkan kesan buruk terhadap imej tarikan pelancong dan boleh mengurangkan daya tarikannya. Oleh itu, informan di atas menyerlahkan lagi keperluan untuk pengawasan yang lebih ketat oleh pihak berkuasa, serta penguatkuasaan undang-undang terhadap pelaku vandalisme. Selain itu, usaha pendidikan dan kesedaran awam juga perlu dijalankan bagi mengurangkan perbuatan vandalisme di tempat tarikan pelancong seperti Jambatan Victoria. usteru, kenyataan itu menunjukkan vandalisme merupakan masalah serius yang perlu ditangani segera bagi mengekalkan keindahan, kebersihan dan integriti infrastruktur di sekitar Jambatan Victoria, selain memastikan pengalaman pelancongan yang menyeronokkan untuk pengunjung.

#### **4.3.2 MASALAH PENYELENGGARAAN**

Terdapat banyak masalah yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam melestarikan Victoria Bridge adalah dari segi masalah penyelenggaraan dan menaik taraf jambatan ini. Banyak isu yang berlaku dalam memulihara terutamanya tentang keselamatan jambatan ini disebabkan oleh lanskapnya yang sudah rosak dan ini akan membahayakan komuniti tempatan yang menggunakan jambatan ini dan para pelancong yang datang. Hal ini kerana, Victoria Bridge ini merupakan tapak warisan yang sudah beratus tahun dan sangat tua usianya menyebabkan tempat ini memerlukan penjagaan yang sangat teliti. Malah tapak warisan ini tidak boleh diubah sesuka hati kerana ia telah diwartakan di bawah akta Kebangsaan 2005 oleh warisan negara jadi ianya memerlukan persetujuan dan perbincangan sebelum memulakan sesuatu penambahbaikan serta menaiktaraf tapak warisan Victoria Bridge ini.

Selain itu, masalah penyelenggaraan ini berlaku disebabkan oleh kewangan yang terhad terutamanya pihak kerajaan Negeri sebab ekonomi yang tidak stabil. Hal ini kerana, Pihak kerajaan semestinya mengutamakan perkara yang lebih memberikan untung kepada mereka berbanding jambatan ini kerana jambatan ini sudah tidak digunakan lagi dan dari segi penambahbaikan pula penglibatan semua pihak dalam membantu menyelenggara jambatan ini amatlah diperlukan. Oleh itu, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar iaitu pihak pengurusan atasan yang pakar dalam menyelesaikan isu yang dihadapi bagi meningkatkan kedatangan

pelancong. tuntasnya, semua pihak berkepentingan ini perlu memainkan peranan masing-masing dan mengambil maklum perkara ini dan melaksanakannya bagi kebaikan untuk negara, dan generasi pada masa akan datang dapat melihat keunikan senibina yang ada di Jambatan Victoria ini.

*“... ..Dari segi maintenance, sebab benda lama kan. Contohnya, mana pihak Mpkkbaiki bahagian yang rosak akan ada bahagian lain pula yang rosak.....”*

*(Informan 1, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)*

Berdasarkan informan di atas menyatakan bahawa infrastruktur di sekitar Jambatan Victoria termasuk dalam kategori "objek lama", yang menunjukkan bahawa infrastruktur itu agak lama. Apabila infrastruktur semakin meningkat, kemungkinan haus dan lusuh pada pelbagai bahagian infrastruktur juga meningkat. Apabila satu bahagian infrastruktur dibaiki, kemungkinan akan ada bahagian lain yang turut mengalami kerosakan atau masalah yang memerlukan pembaikan. Oleh itu, keadaan infrastruktur yang semakin tua bermakna penting untuk menjalankan penyelenggaraan rutin secara berkala untuk mengelakkan kerosakan yang lebih serius. Pendekatan proaktif untuk penyelenggaraan diperlukan untuk memastikan kesinambungan dan keselamatan infrastruktur. Selain itu, cabaran dalam penyelenggaraan juga boleh dikaitkan dengan had sumber, sama ada dari segi kewangan, kakitangan atau peralatan. Ini boleh melambatkan proses pembaikan dan menjejaskan kualiti penyelenggaraan infrastruktur. Dengan kenyataan ini menggariskan kepentingan penyelenggaraan rutin dan penyelenggaraan berhati-hati infrastruktur penuaan seperti Jambatan Victoria, serta mengiktiraf cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan kemampuan infrastruktur penuaan tersebut.

*“...Cabarannya, ada juga tempat-tempat yang kalau dapat ditambah baikan daripada segi keselamatan pengunjung, kita risau ada yang terjatuh oleh itu langkah-langkah keselamatan itu perlu diambil untuk mengelakkan dari sebarang kemalangan berlaku ketika orang ramai dan juga pelancong yang melalui jambatan Victoria ini...”*

*(Informan 3, 1 November, 2023, Kajian Lapangan)*

Informan di atas menerangkan tentang cabaran berkaitan keselamatan pelawat di sekitar Jambatan Victoria yang menyatakan terdapat beberapa kawasan sekitar Jambatan Victoria yang memerlukan penambahbaikan tambahan dari segi keselamatan pelawat. Hal ini



akan merisikokan kemalangan, seperti orang terjatuh, dimana ia boleh membawa maut. Ini memerlukan langkah pencegahan dan penambahbaikan infrastruktur untuk mengurangkan potensi bahaya dan mencegah kemalangan yang boleh berlaku kepada pelawat dan pelancong yang menyeberangi jambatan. Untuk meningkatkan keselamatan di sekitar Jambatan Victoria memerlukan kerjasama antara pelbagai pihak berkaitan, termasuk kerajaan tempatan, sektor swasta dan masyarakat setempat. Kerjasama ini penting untuk menyediakan persekitaran yang selamat untuk pelawat dan meningkatkan pengalaman pelancongan mereka. Justeru, kenyataan itu menekankan keperluan tindakan untuk meningkatkan keselamatan pelawat di sekitar Jambatan Victoria melalui penambahbaikan infrastruktur dan langkah pencegahan lain.

### **4.3.3 MASALAH KEWANGAN**

Menurut Abdul Rashid (2010), aset yang paling bernilai bagi sesebuah negara adalah bangunan. Selain daripada nilai kewangan, bangunan lama di dalam sesebuah negara turut menjadi warisan negara dan ia seharusnya dikekalkan untuk generasi akan datang. Walau bagaimanapun, tiada sebarang bangunan yang bebas daripada menghadapi kerosakan akibat faktor masa dan cuaca. Oleh itu, salah satu kaedah bagi mengekalkan sesebuah bangunan adalah melalui kerja-kerja penyelenggaraan yang teratur. Namun terdapatnya isu masalah kewangan ini dalam memuliharaan jambatan ini.

Antara masalah yang dihadapi dalam melestarikan Jambatan Victoria ini adalah dari segi masalah kewangan. Kerajaan semestinya akan mengutamakan yang lain dahulu melainkan jambatan ini digunakan. Dengan adanya bantuan kewangan daripada pihak yang terlibat ini dengan memberikan satu peruntukan khas yang perlu di gunakan untuk menambah baik landskap seperti landskap kiri dan kanan jambatan yang perlu ditambah baik bagi keselesaan dan keselamatan komuniti tempatan dan pelancong yang datang. Oleh itu, bagi membaiki jambatan ini memerlukan kewangan yang tinggi bagi membaiki dan membaikpulih jambatan ini. Seperti yang diutarakan oleh informan di bawah:

*“... ....Selain itu, cabaran dalam mendapatkan peruntukkan pun agak susah nak dapat dan mengambil masa lama nak dapat keputusan tersebut.... ..”*

*(Informan 1, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)*

Informan di atas menerangkan cabaran yang dihadapi dalam mendapatkan peruntukan bagi projek atau penyelenggaraan di sekitar Jambatan Victoria. Proses mendapatkan peruntukan selalunya sukar disebabkan oleh sumber kewangan yang terhad. Kerajaan tempatan atau agensi berkaitan mungkin mempunyai belanjawan terhad untuk dibelanjakan bagi penyelenggaraan infrastruktur atau projek pembaikan seperti yang terdapat di sekitar Jambatan Victoria. Proses membuat keputusan mengenai peruntukan penanda boleh menjadi rumit dan memakan masa. Ini boleh melibatkan pelbagai peringkat penilaian, kelulusan dan penyelarasan antara pelbagai pihak yang terlibat. Dalam sesetengah kes, proses ini boleh menjadi perlahan dan memakan masa. Tuntasnya, kelewatan dalam mendapatkan peruntukan boleh memberi kesan negatif ke atas penyelenggaraan infrastruktur atau projek pembaikan. Kerosakan atau masalah sedia ada mungkin menjadi lebih teruk jika tidak dirawat dengan segera, jadi mempercepatkan proses pembaikan adalah penting. Jelaslah cabaran yang dihadapi dalam mendapatkan peruntukan untuk projek penyelenggaraan atau pembaikan di sekitar Jambatan Victoria, serta kepentingan mempercepatkan proses membuat keputusan untuk mengekalkan kemampuan dan keselamatan infrastruktur ini. Hujah ini disokong lagi dengan informan yang seterusnya seperti :

*“... ....Kewangan yang terhad, terutama pihak kerajaan negeri sebab ekonomi. Kerajaan semestinya akan mengutamakan yang lain dahulu melainkan jambatan ini digunakan ataupun dah mempunyai satu peruntukan khas yang perlu di gunakan untuk menambah baik landskap, jambatan biar dikekalkan sebegitu, tapi landskap kiri dan kanan jambatan ini harus ditambah baik....”*

*(Informan 3, 1 November, 2023, Kajian Lapangan)*

Informan yang ketiga ini menerangkan tentang cabaran yang dihadapi dalam memperuntukkan sumber kewangan, terutamanya oleh pihak berkuasa negeri, untuk projek penyelenggaraan atau pembaikan infrastruktur seperti jambatan Victoria. Informan ini menunjukkan bahawa had kewangan adalah faktor utama dalam menentukan keutamaan untuk memperuntukkan dana oleh kerajaan negeri. Keadaan ekonomi yang tidak stabil atau

pertimbangan bajet yang terhad boleh menjejaskan ketersediaan dana untuk projek infrastruktur. Pihak Kerajaan Negeri cenderung untuk mengutamakan perbelanjaan untuk keperluan yang dianggap lebih mendesak atau keutamaan utama, seperti pendidikan, kesihatan atau pembangunan infrastruktur yang lebih strategik. Ini boleh mengakibatkan peruntukan pembiayaan untuk projek penyelenggaraan infrastruktur seperti Jambatan Victoria tidak dapat dipenuhi. Oleh itu, peranan pihak kerajaan dalam usaha memulihara bangunan bersejarah ini amatlah penting. Pihak kerajaan perlu memberikan peruntukan khas bagi memulihara dan memelihara bangunan bersejarah ini.

#### **4.4 KESIMPULAN**

Apa yang dapat disimpulkan dari Bab 4 ini adalah pengkaji dapat menghuraikan tentang analisis data dan di dalam bab ini pengkaji telah membahagikan ia kepada beberapa bahagian dengan berdasarkan objektif kajian. Selain itu, pengkaji dalam mengenalpasti siapa pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge. Bentuk kerjasama yang dilakukan oleh pihak berkepentingan ini dapat memulihara dan memelihara tapak warisan ini. Seterusnya, cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan ini pengkaji dapat mengenalpasti apakah isu-isu yang terdapat di Victoria Bridge ini.

## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 PENGENALAN**

Bab ini merupakan bab yang terakhir untuk kajian dimana bab ini menjelaskan mengenai analisis data yang telah dibincangkan di dalam bab-bab yang sebelumnya daripada perbincangan dan rumusan yang telah dibuat oleh pengkaji. Sedia maklum, perbincangan adalah merupakan sebuah interaksi dalam suatu bentuk hujahan yang melibatkan individu sama ada ia menentang atau menyokong sesuatu perkara tersebut dan rumusan adalah merupakan satu kesimpulan yang mana menyimpulkan atau satu penutup kepada sesuatu kajian itu.

#### **5.1 RUMUSAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji tentang penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge di Kuala Kangsar. Sedia maklum, perbincangan ini adalah mengikut objektif kajian iaitu mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan Victoria Bridges, mengkaji bentuk kerjasama oleh pihak berkepentingan dan menganalisis cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam melakukan kerjasama. Di dalam bab satu juga telah membincangkan mengenai pengenalan kepada kajian iaitu mengkaji mengenai penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge. Selain itu, hal-hal lain juga akan dibincangkan di dalam bab ini seperti mengenai latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi kajian, kepentingan kajian dan juga skop kajian dan bahagian akhir bab satu ini adalah membincangkan tentang organisasi yang terlibat.

Seterusnya, bab dua pula membincangkan mengenai kajian literatur dimana ia merupakan kajian-kajian lepas dengan menggunakan kata kunci yang mempunyai perkaitan dengan kerjasama, pihak berkepentingan dan pengurusan yang dilakukan di Victoria Bridge ini. Pengkaji telah mengkaji bahawa tidak terdapat banyak kajian lepas yang dibuat tentang pengurusan bagi melestarikan Victoria Bridges ini tetapi pengkaji mendapati banyak kajian lepas mengenai pihak berkepentingan dan kerjasama. Pengkaji telah menggunakan kerangka teori R. Edward Freeman (1984). Kerangka teori ini adalah berdasarkan tentang penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge dan beberapa pihak

yang menjadi elemen dalam membina kerangka teoritikal iaitu melalui komuniti, organisasi awam, organisasi swasta dan pengguna dan sebagai penutup bab dua ni pengkaji telah membuat kesimpulan.

Selain itu, bab tiga pula membincangkan tentang metodologi kajian. kaedah kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah kaedah kualitatif. Kualitatif ada sebuah kajian yang melibatkan kajian lapangan dan perpustakaan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Kajian lapangan adalah melibatkan temubual dan pemerhatian di tempat lapangan yang dikaji dan pengkaji juga melakukan temubual bersama pihak-pihak berkepentingan yang terlibat untuk mendapatkan data sehingga tepu untuk menulis analisis data pada bab empat. Seterusnya, kajian perpustakaan adalah melibatkan buku, majalah, artikel, jurnal atau laman web. Selain itu, di dalam bab tiga ini juga pengkaji menggunakan kaedah analisis tematik bagi mencari tema-tema yang berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan. Tema-tema yang dicari perlu bersesuaian dengan objektif kajian iaitu berkenaan penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridges, bentuk kerjasama oleh pihak berkepentingan dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam melakukan kerjasama dan sebagai penutup bab tiga ini pengkaji telah membuat kesimpulan.

Dalam pada itu, bab empat membincangkan tentang analisis data yang diperolehi daripada objektif kajian. Bab ini menumpukan kepada tentang pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan di Victoria Bridges, Kuala Kangsar, bentuk kerjasama yang dilaksanakan oleh pihak berkepentingan dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam melakukan kerjasama dimana objektif ini digunakan bagi melakukan kajian ini. Dalam pada itu, di dalam bab ini juga akan menghuraikan dan menjelaskan lebih terperinci tentang rumusan bagi kesemua bab dimana ia akan membincangkan tentang penglibatan pihak-pihak berkepentingan dalam pengurusan melestarikan Victoria Bridge di Kuala Kangsar dan pengkaji mengharapkan dengan adanya kajian ini dapat memberikan maklumat yang jelas kepada generasi yang seterusnya tentang penglibatan pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan Victoria Bridge ini dimana tidak banyak kajian yang dilakukan dan dapat menambah ilmu kepada generasi pada masa akan datang.



## 5.2 IMPLIKASI KAJIAN

“*Stakeholder*” atau pihak yang berkepentingan yang terdiri daripada individu, kumpulan dan masyarakat mempunyai hubungan yang baik dan memberikan kepentingan terhadap sesebuah organisasi tersebut secara keseluruhan dan pihak berkepentingan ini juga merupakan salah satu elemen penting dalam sesebuah perancangan dan pengurusan yang strategik (R. Edward Freeman, 1884). Pihak berkepentingan yang terlibat dalam melestarikan pengurusan ini berperanan dalam memberikan manfaat kepada komuniti, pekerja dan pelancong dan menjaga kepentingan bangunan warisan yang bersejarah ini dengan melaksanakan beberapa perancangan dan membantu bagi memastikan kelestarian Victoria Bridges ini.

Selain itu, pihak berkepentingan yang terlibat dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridges ini dapat membantu dalam memulihara, mempromosi dan menaiktaraf bangunan warisan ini agar ia dapat dikekalkan sehingga generasi pada masa akan datang dan dapat dijadikan sebagai tempat pelancongan. Misalnya, Pihak berkepentingan ini juga perlu memberikan peruntukan dan kewangan yang mencukupi bagi membangunkan infrastruktur bagi keselesaan pengunjung dan pelancong yang datang. Dengan adanya perancangan dan pengurusan yang strategik dapat membantu membangunkan dan memajukan Victoria bridges ini. Jelaslah bahawa dengan adanya kemajuan ini semua pihak terutamanya komuniti setempat dapat memanfaatkan dan merasai segala kemajuan yang ada di tempat ini.

## 5.3 CADANGAN DARIPADA HASIL KAJIAN

Berdasarkan analisis dan hasil perbincangan yang telah dibuat di dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa cadangan yang boleh digunakan untuk meningkatkan pengurusan Jambatan Victoria Bridge ini supaya ia kekal terpelihara dan dipulihara untuk memastikan tempat ini dilestarikan untuk generasi pada masa akan datang. Hasil kajian ini saya dapat mengenalpasti bahawa penglibatan setiap pihak berkepentingan dalam bekerjasama dalam pengurusan melestarikan Victoria Bridge ini sangat penting kerana ia merupakan usaha pihak yang bertanggungjawab dalam meningkatkan lagi pengurusan mereka bagi melestarikan jambatan ini.

### **5.3.1 MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR DAN FASILITI**

Bagi memulihara bangunan bersejarah ini penglibatan pihak berkepentingan memainkan peranan yang sangat penting. Pihak berkepentingan ini perlu memainkan peranan dalam menjaga bangunan warisan ini daripada berlakunya sebarang kerosakan dan kemusnahan. Seperti mana, pihak berkepentingan ini perlu mengambil tindakan dengan menambahbaik atau menaiktaraf jambatan ini supaya komuniti tempatan dan pengunjung selamat dan selesa. Hal ini kerana, jambatan keretapi Victoria Bridges adalah keretapi yang sudah berusia beratus tahun oleh itu, penjagaan ini haruslah diberikan perhatian yang sepenuhnya supaya pengunjung dan pelancong yang melawat tidak mengalami kemalangan atau perkara yang tidak diingini. Pihak berkepentingan perlu mengambil tindakan bagi menaik tarafkan fasiliti dan kemudahan yang ada bagi memudahkan aktiviti atau kegiatan yang ada untuk para pengunjung. Misalnya, dengan menyediakan papan tanda amaran, tong sampah, tandas, surau dan membuka kedai-kedai makan berhampiran jambatan Victoria ini dan menyediakan penginapan kepada pelancong yang datang seperti chalet, homestay dan juga membaikpulih jalan di sekitarnya dan mencantikkan lanskap kawasan tersebut dengan meletakkan lampu pada waktu malam. Tuntasnya, dengan ada kemudahan yang disediakan dan dinaiktaraf ini akan memberikan kepuasan dan keselesaan kepada para pengunjung dan pelancong yang datang.

### **5.3.2 MENAMBAH BAIK PENYELENGGARAAN BANGUNAN**

Usaha bagi memulihara dan memelihara bangunan bersejarah ini adalah dengan usaha pemulihara dalam penambakan dan penyelenggaraan bangunan bersejarah yang merupakan sangat penting dan harus dititikberatkan untuk kegunaan generasi masa akan datang. Pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah ini haruslah mengikuti piawaian yang telah ditetapkan kerajaan agar kualiti seni itu dapat dikekalkan. Projek membaikpulih seharusnya dijalankan dengan teliti hal ini demikian kerana projek membaik pulih bangunan bersejarah ini amat rumit berbanding dengan projek membaikpulih bangunan yang moden. Proses membaik pulih ini memerlukan peruntukan yang agak tinggi bagi mengekalkan keseniannya kerana bangunan bersejarah ini mempunyai bahan binaan yang tersendiri dan barangnya terhad untuk didapati. Oleh itu, peranan pihak kerajaan dalam usaha memulihara bangunan bersejarah ini amatlah penting. Pihak kerajaan perlu memberikan peruntukan khas bagi memulihara dan memelihara bangunan bersejarah ini. Dengan adanya peruntukan khas ini proses membaikpulih bangunan bersejarah ini dapat dijalankan dengan menggunakan

bahan ganti yang sesuai yang boleh diguna pakai. Proses membaikpulih ini membantu dalam mengekalkan bangunan bersejarah ini untuk tatapan generasi masa akan datang dan sekaligus dapat menarik orang luar atau para pelancong untuk datang berkunjung melihat bangunan yang penuh dengan sejarah ini.

### **5.3.3 MENINGKATKAN AKTIVITI BERSAMA KOMUNITI TEMPATAN**

Pada pendapat saya, pihak berkepentingan perlu membuat aktiviti bersama komuniti setempat. contohnya seperti mengadakan Floating Market di tebing sungai Perak berhampiran Jambatan Victoria ini untuk menarik minat lebih ramai pengunjung dan pelancong dari luar bukan itu sahaja, aktiviti ini juga dapat meningkatkan ekonomi penduduk komuniti setempat. Selain itu, dengan mewujudkan Rekreasi Jambatan Victoria atau Dataran Karai, dimana tempat ini dijadikan sebagai tempat rekreasi yang bukan terhad kepada aktiviti berjalan kaki sahaja dan ambil mengambil gambar tetapi boleh dijadikan sebagai tempat aktiviti berkeluarga seperti berkelah di tepi sungai perak, aktiviti memancing, aktiviti berbasikal, aktiviti berakit dan sebagainya bagi memeriahkan dan menarik minat pengunjung yang datang.

Seterusnya, pihak berkepentingan mengadakan program gotong-royong bersama komuniti setempat dimana pihak berkenaan akan menjemput dan memaklumkan ketua kampung tersebut untuk melibatkan orang kampung dan juga komuniti setempat bagi bersama-sama menjaga dan membersihkan jambatan ini. Komuniti setempat yang menetap di kawasan berkenaan perlu memainkan peranan dalam membantu melaporkan sebarang masalah yang berlaku seperti berlaku sebarang kerosakan yang berlaku dan sebagainya kepada pihak yang berkenaan. Peranan komuniti juga sangat penting kerana mereka bertanggungjawab bagi menjaga jambatan ini. Tambahan pula,

### **5.3.4 PROGRAM BAGI MEMPROMOSI**

Pihak berkepentingan perlu memainkan peranan mempromosikan Victoria Bridge dengan mengadakan lawatan berkala ke jambatan Victoria ini. Contohnya, Pihak Tourism perlu menyusun perancangan tentang takwim pelancongan negeri dan juga negara dengan memasukkan Victoria Bridges ini sebagai tempat pelancongan dan bukan hanya terhad kepada Tahun Melawat Perak atau Tahun Melawat Malaysia sahaja. Seterusnya, peranan pihak kementerian pelancongan dimana kementerian pelancongan perlu menjadikan tempat bersejarah ini sebagai salah satu tempat yang perlu dikunjungi oleh para pelancong. Ejen-ejen pelancongan perlulah memasukkan Victoria Bridges ini sebagai sebagai salah satu pakej

pelancongan utama di Negeri Perak dimana ini kerana, secara tidak langsung kita dapat menarik minat pelancong luar untung melawat dan singgah di Kuala Kangsar dan dapat menambahkan lagi sumber pendapat negara dalam bidang pelancongan. Oleh itu, dengan peranan pihak kementerian pelancongan dan ejen-ejen pelancongan ini dapatlah kita mengekalkan bangunan bersejarah ini untuk generasi masa akan datang. Dalam pada masa yang sama, pihak berkepentingan ini boleh memuatkan Jambatan Victoria ini di dalam risalah *Kuala Kangsar Packages* dan mempromosikan secara besar-besaran melalui media-media massa media massa dan sosial boleh memberikan pengaruh yang tinggi kepada dunia luar. Seperti contoh, Dengan kuasa yang ada pada pihak media yang terkenal, mereka boleh membuat artikel yang memperkenalkan dan mempromosikan secara besar-besaran bagi mengajak orang luar untuk datang mengunjungi ke lokasi-lokasi bangunan bersejarah ini. Oleh hal yang demikian, semakin ramai pengunjung yang datang mereka juga akan mengetahui kewujudan tempat bersejarah yang unik ini dan sekaligus dapat kita kekalkan sejarah sehingga ke pada masa akan datang.

Usaha bagi mempromosikan adalah dengan membuat video dokumentari tentang bangunan bersejarah ini. Peranan pihak syarikat-syarikat produksi yang berkaitan dengan dokumentari yang berkaitan dengan warisan yang terkenal ini digalakkan untuk membuat dokumentari khas mengenai Victoria Bridges di Kuala Kangsar. Hasilnya, secara tidak langsung dengan adanya dokumentari ini kita dapat memperkenalkan bangunan bersejarah ini kepada dunia luar. Di dalam dokumentari ini akan menyiarkan rakaman tentang keindahan senibina dan sejarah yang ada di Victoria Bridges ini. Oleh itu, orang luar yang tidak mengetahui tempat ini sekaligus dapat menambah info kepada mereka tentang bangunan bersejarah ini dan merasa tertarik untuk mengunjungi.

## 5.4 KESIMPULAN

Akhirnya, pengkaji amat berharap melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak termasuk individu, komuniti, dan pihak yang berkepentingan dengan kerjasama dalam membantu melestarikan pengurusan di Victoria Bridges di Kuala Kangsar dan mengetahui tentang apa kerjasama yang dilaksanakan oleh pihak berkepentingan dalam sesebuah organisasi tersebut. Diharapkan dengan kajian ini dapat mewujudkan individu dan komuniti, dan pihak yang bertanggungjawab dan memainkan peranan tersendiri dalam memantapkan pengurusan sesebuah organisasi serta bagaimana untuk mengekalkan atau mengawal kepentingan budaya suatu tempat di mana bangunan bersejarah ini didirikan. Hal ini kerana, dapat memupuk kesedaran, kefahaman dan kerjasama daripada pihak berkepentingan dan juga komuniti setempat. Seterusnya, permasalahan dan isu yang berlaku dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridges ini dapat diselesaikan jika pihak berkepentingan berjaya mengatasi dan menjalankan tanggungjawab mengikut peranan masing-masing bagi menjaga nilai warisan bersejarah di Jambatan Victoria ini dan mendapat sokongan daripada komuniti setempat. Jelaslah bahawa penglibatan pihak-pihak berkepentingan dalam melestarikan pengurusan di Victoria Bridge di Kuala Kangsar ini dapat dikekalkan kerana ia memiliki nilai emosi, budaya dan kegunaan yang tidak ternilai harganya bagi generasi akan datang dan memberikan kesedaran kepada semua pihak tentang betapa pentingnya nilai warisan dan keunikan dari seni bina nya dapat kekal tersergam indah.



## RUJUKAN

Ansibin, C. (2022, March 21). *This old bridge in Perak is actually a National Heritage. Here's why it's so special*. CILISOS. Retrieved February 13, 2024, from <https://cilisos.my/this-old-railway-bridge-in-karai-perak-hints-at-the-towns-surprising-past/>

*Apa Itu Kajian Kes (Case Study)?* (2011, June 27). Blog Prof. Dr. Irwan bin Mohd Subri. Retrieved February 13, 2024, from <http://usulifaqih.blogspot.com/2011/06/apa-itu-kajian-kes-case-study.html>

*Apa maksud "PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN" dalam Bahasa inggeris*. (n.d.). Tr-ex. Retrieved February 13, 2024, from <https://tr-ex.me/terjemahkan/bahasa+malay-bahasa+inggeris/penglibatan+pihak+berkepentingan#gref>

*ANALISIS DATA KUALITATIF*. (n.d.). ResearchGate. Retrieved February 13, 2024, from [https://www.researchgate.net/publication/331094976\\_ANALISIS\\_DATA\\_KUALITATIF](https://www.researchgate.net/publication/331094976_ANALISIS_DATA_KUALITATIF)

Adele ladkin. (2025, january). Stakeholder collaboration and heritage management. *Annals of Tourism Research*, 32(The purpose is to examine stakeholder collaboration and management roles, heritage tourism development, as well as the interdependence of the heritage conservation and tourism relationship). <https://www.sciencedirect.com/science/article/abs/pii/S0160738304001021?via%3Dihub.%20Retrieved%2020%20July%202023>

Contoh Kajian Kes | PDF. (n.d.). Scribd. Retrieved February 13, 2024, from

<https://www.scribd.com/document/332417155/Contoh-Kajian-Kes#>

*Definisi Dan Konsep Pengurusan Dan Pentadbiran* (nov 11 ed.). (2013). Afiqah Wan Azahar.

<https://www.scribd.com/doc/183267724/Definisi-Dan-Konsep-Pengurusan-Dan-Pentadbiran-1>

Dr. Azzanawawy Samat. (2022, 06 09). BUDAYA KERJASAMA DALAM MENJAYAKAN AGENDA ORGANISASI.

<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2086060>.

*Haunted bridge? Yes? No? Victoria Bridge, Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.* (2021, May 31). Lifeseecretspice | Travel • Food • Events • Musings. Retrieved February 13, 2024, from

<https://www.lifeseecretspice.com/2020/06/victoria-bridge-kuala-kangsar-perak.html>

Kaedah Penyelidikan I KUMPULAN 4 : KERANGKA TEORI / KONSEP/ MODEL

KERANGKA KAJIAN DAN MODEL. Retrieved February 13, 2024, from

<https://zeckry.net/wp-content/uploads/2022/12/Memahami-Kerangka-Teori-dan-Konsep.pdf>

Kamal, H. (2021, December 20). *Victoria Bridge, Karai – Museum Volunteers, JMM.*

Museum Volunteers, JMM. Retrieved February 13, 2024, from

<https://museumvolunteersjmm.com/2021/12/20/victoria-bridge-karai/>

*KUALITATIF DAN KUANTITATIF*. (n.d.). Wakelet. Retrieved February 13, 2024, from

<https://wakelet.com/wake/nHpOOtkFQ3p31rDpNIFFo>

Kivits r. (2021). In *Stakeholder Analysis*.

[https://www.mendeley.com/catalogue/c3fb1b05-f452-3e79-86e1-b9f8c83ddb5e/?utm\\_source=desktop&utm\\_medium=1.19.8&utm\\_campaign=open\\_catalog&userDocumentId=%7Bc11311c2-8077-49a0-b872-cb07cb93a321%7D.%20Accessed%2020%20July%202023](https://www.mendeley.com/catalogue/c3fb1b05-f452-3e79-86e1-b9f8c83ddb5e/?utm_source=desktop&utm_medium=1.19.8&utm_campaign=open_catalog&userDocumentId=%7Bc11311c2-8077-49a0-b872-cb07cb93a321%7D.%20Accessed%2020%20July%202023)

Makna pihak berkepentingan (apakah itu, konsep dan definisi). (2023, January 6). Makna pihak berkepentingan (apakah itu, konsep dan definisi). Retrieved February 29, 2024, from

<https://ms.ninanelsonbooks.com/significado-de-stakeholder>

*Maksud Pengurusan | PDF*. (n.d.). Scribd. Retrieved February 13, 2024, from

<https://www.scribd.com/doc/239111766/Maksud-Pengurusan>

*Menurut Drucker 1972 | PDF*. (n.d.). Scribd. Retrieved February 13, 2024, from

<https://www.scribd.com/doc/271755461/Menurut-Drucker-1972>

PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN TERHADAP PEMBENTUKAN DESTINASI

MESRA PELANCONG. Retrieved February 13, 2024, from

<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/55380/1/55380.pdf>

*Pendekatan terhadap Penglibatan Pihak Berkepentingan.* (n.d.). Bursa Malaysia. Retrieved February 13, 2024, from [https://www.bursamalaysia.com/bm/about\\_bursa/sustainability/approach\\_on\\_materiality\\_and\\_stakeholder\\_engagement](https://www.bursamalaysia.com/bm/about_bursa/sustainability/approach_on_materiality_and_stakeholder_engagement)

*PERSAMPELAN.* (n.d.). KAJIAN TINDAKAN. Retrieved February 13, 2024, from <http://pomizi-research.blogspot.com/p/persampelan.html>

*Persampelan bukan kebarangkalian (tak rawak) | Kajian Tindakan dalam Pendidikan.* (n.d.). Kajian Tindakan dalam Pendidikan. Retrieved February 13, 2024, from <https://pomiziactionresearch.wordpress.com/persampelan/prosedur-persampelan/persampelan-bukan-kebarangkalian-tak-rawak/>

*Pihak Berkepentingan-Hubungan Pertama | PDF.* (n.d.). Scribd. Retrieved February 13, 2024, from <https://www.scribd.com/document/453178733/pihak-Berkepentingan-Hubungan-pertama>

Roya derakshan. (2019, January). project government and stakeholder: a literature review. *International Journal of project management.* <https://www.sciencedirect.com/science/article/abs/pii/S0263786317313030?via%3Dihub>

Rosmawati. (2011, august 18). *Analisis Kandungan Kualitatif (Qualitative Content Analysis).* Retrieved 29, 2024, from

<https://rosma212.wordpress.com/2011/08/18/analisis-kandungan-kualitatif-qualitative-content-analysis/>

S. Mostafa Rasoolimanesh. (2016, april 28). Sustainable tourism development and residents' perceptions in World Heritage Site destinations. *Asia Pacific Journal of Tourism*

Ansibin, C. (2022, March 21). *This old bridge in Perak is actually a National Heritage. Here's why it's so special*. CILISOS. Retrieved February 13, 2024, from <https://cilisos.my/this-old-railway-bridge-in-karai-perak-hints-at-the-towns-surprising-past/>

Salmaa. (2023, julai 18). Snowball Sampling: Jenis, Contoh, Ciri, Langkah. Retrieved 2 29, 2024, from <https://penerbitdeepublish.com/snowball-sampling/>

Sulaiman, R. b. (2016, september 20). *SADE1013 Industri Pelancongan di Malaysia*. Retrieved 2 29, 2-24, from SADE1013 Industri Pelancongan di Malaysia

*Sorotan Kajian Lepas/ Literature Review (LR) – TahuTuai*. (2020, April 12). TahuTuai. Retrieved February 13, 2024, from

<https://tahutuai.com/sorotan-kajian-lepas-literature-review-lr/>

*Sorotan Kajian Lepas/ Literature Review (LR) – TahuTuai*. (2020, April 12). TahuTuai.

Retrieved February 13, 2024, from

<https://tahutuai.com/sorotan-kajian-lepas-literature-review-lr/>



*Strategic Management: A Stakeholder Approach* - R. Edward Freeman. (n.d.). Google Books.

Retrieved February 13, 2024, from

[https://books.google.com.my/books/about/Strategic\\_Management.html?id=4PUJAQAAMAAJ&redir\\_esc=y](https://books.google.com.my/books/about/Strategic_Management.html?id=4PUJAQAAMAAJ&redir_esc=y)

*SUMBER PRIMER DAN SUMBER SEKUNDER*. (2018, September 19). Kemahiran

Perolehan dan Pengurusan Maklumat. Retrieved February 13, 2024, from

<http://talimso9900.blogspot.com/2018/09/sumber-primer-dan-sumber-sekunder.html>

*Sumber Primer & Sekunder | PDF*. (n.d.). Scribd. Retrieved February 13, 2024, from

<https://www.scribd.com/doc/238136681/Sumber-Primer-Sekunder>

*SUMBER SEJARAH*. (2013, June 13). THE EDUCATION. Retrieved February 13, 2024,

from [http://fafaunieniey.blogspot.com/2013/06/sumber-sejarah\\_13.html](http://fafaunieniey.blogspot.com/2013/06/sumber-sejarah_13.html)

*SUMBER SEJARAH*. (2013, June 13). THE EDUCATION. Retrieved February 13, 2024,

from [http://fafaunieniey.blogspot.com/2013/06/sumber-sejarah\\_13.html](http://fafaunieniey.blogspot.com/2013/06/sumber-sejarah_13.html)

*Syor Jambatan Victoria diisytihar Warisan Negara*. (2015, May 31). Berita Harian. Retrieved

February 13, 2024, from

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/05/58314/syor-jambatan-victoria-di-isytihar-warisan-negara>

*Tahap Kelestarian Bandar Warisan di Malaysia*. (2022, January 21). ResearchGate.

Retrieved February 13, 2024, from

[https://www.researchgate.net/publication/357976463\\_Tahap\\_Kelestarian\\_Bandar\\_Warisan di Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/357976463_Tahap_Kelestarian_Bandar_Warisan_di_Malaysia)

Thomas Donaldson,. (1995, january). The Stakeholder Theory of the Corporation: Concepts, Evidence, and Implications. 20(CONCEPTS, EVIDENCE, AND IMPLICATIONS), 27. <https://www.jstor.org/stable/258887?origin=crossref>

*Teknik 'Snowball' Memudahkan Penulisan Literature Review.* (2015, October 19). VOCKET. Retrieved February 13, 2024, from <https://www.thevocket.com/teknik-snowball-memudahkan-penulisan-literature-review/>

*Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah: Suatu Tinjauan Menyeluruh.* (2021, July 10). Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH). Retrieved February 13, 2024, from <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/881>

View of Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah: Suatu Tinjauan Menyeluruh. Retrieved February 13, 2024, from <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/881/631>

*Victoria Bridge Kuala Kangsar.* (2016, October 25). Ini Cerita Kita. Retrieved February 13, 2024, from <https://sweetmemories4u.blogspot.com/2016/10/victoria-bridge-kuala-kangsar.html>

Warisan Negara, p. r. (n.d.). *Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara.* Retrieved 2 29, 2024, from Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara

*Warisan* | *miss Jeju*. (n.d.). Academia.edu. Retrieved February 13, 2024, from


<https://www.academia.edu/44177915/warisan>



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

## TRANSKRIP DATA

### PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM MELESTARIKAN PENGURUSAN VICTORIA BRIDGE DI KUALA KANGSAR

NAMA	PERBUALAN	OBJEKTIF	TEMA
Pengkaji	Assalamualaikum, nama saya Nur Hayani Bt Ishak saya merupakan pelajar dari Universiti Malaysia Kelantan, jurusan dalam pengajian Warisan. Bolehkah saya tahu latar belakang tuan/puan?		Latar belakang Responden
Responden 1	Okay, nama saya Zunaina Binti Zulkifli, berumur 35 tahun dan saya berada di Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan hampir 10 tahun untuk handle Unit Korporat dan Pelancongan. Saya ni ada dua bendaloh korporat office and pelancongan untuk daerah Kuala Kangsar with is kita dalam pelancongan tu kita handle dari segi maklumat, selepas itu jaga produk sedia adalah, produk kita yang daerah punya bukan produk orang. Produk orang tu macam katakan ia under muzium, galeri azlan shah di bawah lembaga muzium, itu maknanya bawah muzium yang handle, jadi kalau macam kita di MPKK kita jaga pokok getah tua, menara jam di Kuala Kangsar ini, Sungai Siput ada satu, maknanya produk yang memang tak dimiliki oleh mana-mana agensi dan juga diletakkan di bawah penjagaan kita. Jadi kalau produk-produk agensi ni, produk-produk yang macam under owner dia, itu owner sendiri yang jaga, tapi kita jaga benda-benda macam itulah dari segi infra ke baik pulih dan kita mendapat aaa peruntukan under kita lah kita akan mohon peruntukan lah sebab kita pun kalau diikutkan dari segi bajet peruntukkan tu kita akan mohon daripada kementerian-kementerian.		Latar Belakang Responden
Responden 2	Okay, saya mulakan dengan informan saya dulu lah. Nama saya Ibrahim Bin Ahmad, berumur 51 tahun. Kini bertugas sebagai Pensyarah di Unit Pengajian Am, UniKL Royal College of Medicine Perak, Ipoh 2013 sehingga sekarang lah. saya Pernah bertugas sebagai guru Kementerian Pendidikan Malaysia (1997) dan kakitangan di Jabatan Arkib Negara Malaysia (1994). Merupakan Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Perak dan banyak menulis artikel di akhbar, jurnal serta membentangkan kertas kerja berkaitan penyelidikan sejarah di peringkat nasional dan antarabangsa. Di Perak, terlibat secara langsung dalam penyelidikan warisan dan sejarah negeri Perak khususnya berkaitan Ipoh. Turut dilantik sebagai penyelidik dan konsultan		Latar Belakang Responden

	<p>kajian-kajian sejarah di negeri Perak oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan syarikat-syarikat yang menjalankan penyelidikan berkaitan warisan dan budaya di Negeri Perak. Saya akan ceritakan bagaimana saya mula terlibat dalam ini di perak. Kami persatuan sejarah malaysia cawangan perak ni memang terlibat dalam pelbagai kajian, termasuk lah conservation khususnya di negeri Perak lah termasuk lah bersama majlis perbandaran Ipoh dan juga yang kita terlibat dengan pengesahan fakta-fakta tempat pelancongan bersejarah di Negeri Perak dan ia ada banyak dan kami pun dalam proses untuk terlibat dalam pelbagai aspek persejarahan di Negeri Perak termasuk pengurusan semula institusi kesultanan di Perak telah mendapat kenan daripada pejabat sana lah ye.</p>		
Responden 3	<p>Aaa, saya Haji Meor Harun bin Meor Osman aaa jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia Negeri Perak dan saya merupakan pesara jabatan kemas sungai siput (U) Perak umur saya dah nak masuk 63 tahun dan saya tinggal di Sungai Siput.</p>		Latar Belakang Responden
Responden 4	<p>saya Nurul Akmar binti Nazian, daripada pejabat MOTAC Negeri Perak, ikutkan kepada sesi, berumur 38 tahun, saya dah bekerja dalam sektor awam dah 17 tahun dan telah bekerja di Motac ni baru 3 tahun. Saya sebagai penolong pegawai tadbir kanan di pejabat Motac negeri Perak. saya memang PIC untuk projek pembangunan di bawah unit pembangunan prasarana.</p>		
Pengkaji	<p>Okay, boleh tak tuan/puan ceritakan tentang latar belakang dan sejarah victoria bridge ini?</p>		Latar Belakang Victoria Bridge
Responden 1	<p>Ia dibina aaa pada november 1997 dan siap untuk aaa ready untuk ni aaa 1900</p>		
Responden 2	<p>Disini ialah berkaitan dengan aaa latar belakang jambatan victoria bridge ni aa jadi kalau kita lihat eh jambatan ni dah dibina ketika sebelum perang dunia kedua lagi, jadi kita lihat disini permulaan pembinaan itu adalah dikaitkan dengan pembinaan jaringan jalan raya, saya ambil itu dulu di dalam aspek sejarahnya dimana peringkat awal dulu kita tiada jalan raya yang sempurna jadi kalau nak mengangkut ataupun nak apa nak memindahkan barangan ataupun termasuk juga orang awam kebanyakannya menggunakan jalan kereta api dan kita sedia maklum jalan kereta api yang pertama ada di negeri perak jadi antaranya bila dah ada jambatan bila dah ada jalan kereta api dan tentu dia akan melintasi sungai tetapi tak boleh jadi antaranya menarik ialah pembinaan jambatan aa victoria ataupun victoria bridge yang bermula sekitar</p>		



	<p>tahun 1897 hingga 1900 dan benda ini berlaku jambatan victoria ni dalam tempoh 3 tahun ia dibina di antara pekan karai sebenarnya. Ada yang mengatakan nama dia Enggor tetapi itu sama karai ke kuala kangsar.</p> <p>Pada peringkat awalnya, dia hanya menghubungkan dua tempat sahaja iaitu pekan karai yang terletak di sungai siput. Jadi bila anda nampak disitu peringkat awal yang aaa membina jambatan itu ye iaitu generator tu kalau tak silap saya aa G.W Fryer dan C.R Hanson mereka ini yang terlibat dalam pembinaan itu dengan kos 350 ribu pada zaman itu kalau zaman sekarang berjuta. Dalam sejarah kita kena ambil angka dalam sejarah jadi kos pada waktu itu ditanggung oleh kerajaan british ya jadi kita dah sedia maklum jambatan ini dahulu tujuan dia untuk mengangkut tadi peringkat awal dan digunakan sepenuhnya pada tahun 1910 baru lah dia menghubungkan secara rasmi ya, jadi perasmian memang dibuat pada tahun 1900 oleh Sultan Perak pada ketika itu lah iaitu Sultan Idris Marshidul Shah dan bersama dgn Sir Frenham ada yang letak nama lain pun ada tapi sebenarnya ada Sir Frenham iaitu seorang residen pada 21 mac 1900 ya. Bahan bahan tu boleh tengok lah kajian batu bata masih ada sehingga ke hari ini ia masih ada dan boleh nampak sedikit sebanyak dan ini adalah penambatan tiang kat situ, jadi saya pun ada satu benda yang saya musykil nanti tolong cek balik ye. Ada orang kata jambatan ini pernah dibom oleh pihak aaa epun ya jadi dia terbelah dua tapi saya tengok kesan dia tiada sampai hari ini. Jadi ini hanya cerita rekaan, saya rasa banyak orang suka bercampur-campur maklumat tapi bagi saya mungkin cubaan bom ada tapi tidak kena pada sasarannya, kalau bom dia akan tinggalkan kesan yang dalam contohnya yang boleh kita dapat tengok jambatan di Parit Sulong yang ada kesan bom ataupun tempat yang lain ataupun orang kata nk menggunakan taktik bumi hangus oleh pihak british ni pun takkan dia nak aaa perhubungan itu ya, jadi ini ada beberapa perkara yang perlu dilihat semula jadi kalau kita tengok sini kereta api ini kenapa ia dinamakan Victoria Bridge itu adalah sempena ratu British la sebab pada dulu zaman memang macam tu memang kelaziman oleh inggeris yang datang sini mereka nak memperingati ataupun menghargai ataupun nak ditinggalkan satu legasi disitu maka dia meletakkan nama tokoh-tokoh besar di negara mereka.</p>		
Responden 3	<p>Sejarah dia, ianya dibina pada tahun 1897 aaa keputusan ingin membina jambatan ini adalah dalam Mesyuarat Dorbar Raja-Raja iaitu Sultan dalam Negeri Melayu Persekutuan yang diadakan di Kuala Kangsar pada tahun 1896, jadi di dalam perbincangan</p>		

	<p>itu dia disuarakan untuk membina jambatan inilah di karai ini, disitu ada tempat yang mengeluarkan arang batu, jadi untuk mengangkut arang batu ini ke pelabuhan portwell, itu yang dibinakan aa jalan keretapi dan jambatan kereta api Victoria dan siap dibina pada tahun 1900 dan dirasmikan 21 mac 1900 oleh duli yang maha mulia Sultan Idris Marshidul Azam Shah dan dihadiri oleh Sir Frank Swettenham pada masa itu lah dia rasmikan.</p>		
Responden 4	<p>saya tak tahu lah secara detail, tapi pengurusan victoria bridge aaa sebelum memang kita ada menerima projek dari Majlis Daerah Kuala Kangsar aaa dan pemilikan tapak Victoria Bridge di bawah perbadanan aset kereta api dan sebelum ini projek memang dimohon oleh pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, jadi dari segi pengurusan lebih better daripada perbadanan aset kereta api lah.</p>		
Pengkaji	<p>Okay puan, soalan seterusnya, siapakah pihak yang berkepentingan dalam menguruskan victoria bridge?</p>	<p>Mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam menguruskan victoria bridge?</p>	
Responden 1	<p>Okay pada masa kini, kalau ikutkan aset kita panggil jambatan victoria itu sebagai aset lah tersebut terletak di bawah Perbadanan Aset Kereta Api (RAC). Kalau nak tahu bangunan dan landasan tersebut adalah milik RAC bukan KTM. KTM hanya membekalkan servis train itu sahaja aa contoh katakan kita guna train ke kl sentral ke ipoh itu yang menggunakan perkhidmatan KTM. Jambatan Victoria itu adalah milik RAC bukan milik kami aaa kita nak cakap kita terlampau pemilik pun tidak boleh juga dia aset yang kita tengok ada potensi tetapi tidak dibangunkan sebab dahulu kita start bangunkan dia start tahun 2017 dan 2018 kita dah start sikit-sikit orang dah nampak, kita sendiri pun dah nampak produk tu ia ada potential orang suka datang mengambil gambar seperti gambar wedding lah, gambar grad sebab kat sini kan ada Institusi Azlan Shah tu kan aaa jadi kita dah tengok ada potensi jadi kita start envelope sikit-sikit tetapi kita kita ada tulis surat kepada pihak RAC yang mengatakan kita akan baik pulih sebab ia melibatkan keselamatan juga bila jambatan itu sudah lama dia punya kayu juga banyak yang sudah rosak takut ada pengujung yang jatuh aaa sampai ke peringkat Negeri which is kita punya Pihak Menteri Besar apa semua kalau isu itu sudah sampai kesana jadi Pihak kita akan kena walaupun bangunan ini bukan milik</p>	<p>Mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam menguruskan victoria bridge</p>	

kita, oleh itu pihak kami harus repair dan baik pulih dia sebab itu milik Pihak RAC jadi kalau apa-apa jadi terjadi mesti orang akan cakap Pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar lah ini tidak handle betul tak? Sebab orang tak tahu jambatan ini sebenarnya milik RAC jadi kita lah yang ambil inisiatif untuk baik pulih, sediakan toilet, sediakan laluan baru apa semua sebab banyak aduan yang diterima. Ada orang yang jatuh motor lah dan macam-macam kisahnya.

“Jambatan Victoria ini juga di bawah Akta Warisan Kebangsaan jadi jambatan Victoria ini kalau nak baik pulih jambatan warisan ini tidak membenarkan sangat sebab dia punya struktur tapi nak taknak dia tidak boleh lah memandang dia punya sop sahaja kan, kita pun ada kita punya kehendak sebab kalau orang jatuh, orang tidak cakap aaa Jambatan Warisan ini la tak handle, orang akan cakap Pihak Majlis yang salah. Majlis Pihak Perbandaran Kuala Kangsar dah tiga kali buat kerja-kerja baik pulih, menaiktaraf di kawasan Victoria Bridge dimana dulu yang tiada apa-apa dan laluan biasa sahaja dan sekarang kalau awak tengok dia sudah ada tempat duduk, tempat bergambar kita dah repair macam-macam. Itulah pihak berkepentingan dia adalah jambatan ini adalah RAC. Aset ini adalah milik RAC sepenuhnya tetapi jambatan warisan ini hanya bertindak sebagai aaa daftarkan aset benda tu sebagai produk warisan tetapi penyelenggaraannya adalah di bawah Majlis Perbandaran Kuala Kangsar lah.”

“ Persatuan NGO, itu ada daripada unit saya, Pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar ada bekerjasama dengan Malay Heritage Group dengan Persatuan Perak Heritage Society yang bantu kita, dia buat CSR dengan kita sebab dia NGO kan. Pihak ni dia pasang dua information board sebelah pekan karai jadi seberang perai tu pun aaa selang berapa bulan kita pasang kat sana juga daripada dorang pastu kita ada satu landmark kecil. CSR dengan persatuan yang sama juga landmark untuk sejarah dengan perbandaran kuala kangsar kita dapat bekerjasama dengan badan-badan NGO, Kerajaan, dan mana-mana dan kita memang open untuk kerjasama dengan mana-mana pihak.

“ Ada satu syarikat yang approach Pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar iaitu Cycle Dios. Mereka meletakkan basikal di kawasan ini sebab jambatan ini sudah menjadi tempat pelancongan kan, mereka letak dalam 10 basikal tapi nak naik basikal itu dia menggunakan app lah. lagi satu aaa Jabatan Saliran dan Pengairan ada membuat trek living bike trail itu dibina oleh Jambatan pengairan dan saliran aaa yang

	<p>bermula dari jambatan Victoria sehingga ke Intan Suraya tidak silap saya dalam 20 kilometer dan jalan akan lalulah kawasan kampung itu semua.. Yang akan datang ini mereka akan mencadangkan untuk sambung balik dari jambatan victoria sampai ke RNR Sungai Perak, dekat tepi sungai jambatan ini dah jadi hak milik JPS dan bukan hak milik Majlis Perbandaran Kuala Kangsar aaa sebab setiap benda kan ada hak milik dan penjagaan dia dan itu memang Pihak JPS buat dan telah siap pada tahun 2020.</p> <p>“ Selain itu, kita dapat peruntukan-peruntukan daripada kementerian, peruntukan awal kita adalah sebanyak 250 ribu tapi saya tak ingat tahun sebab dah lama kan iaitu dari kementerian pelancongan, (MOTAC) peruntukan daripada kerajaan negeri perak, KPTT kementerian perumahan ada fasiliti kita dibina disitu, jadi pihak kementerian tidak kisah dari segi state government atau pihak federal government, sebab setiap tahun pihak berkepentingan ini akan keluarkan macam-macam permohonan dan kita akan mohon segala projek untuk baik pulih, kita akan masuklah senarai-senarai projek kita yang kebetulan yang mereka pickup untuk jambatan Victoria, rezeki untuk kita lah dapat baik pulih yang lebih kurang dekat 1 juta juga lah peruntukan untuk kita baik pulih kat situ.</p> <p>“ Dengan kerjasama NGO lagi maknanya, benda tu ongoing la ada rosak sikit kita mintak lah, so for kerjasama dari pada kerajaan negeri, dan yang pihak berkepentingan yang saya sebut itu semua okay..</p> <p>“Ada jugak dua chalet bernama D’village At Karai yang merupakan owner yang sama. Yang first tu dibina tahun 2019 milik individu lah. Dia merupakan anak jati Karai dah berumur dan penčen ini dia balik ke karai, dia serve the community aaa dia buka resort tu ada la peluang pekerjaan, lagi satu dekat Kg Warisan Budaya around bulan 10 ini dia kata akan ready untuk dibuka untuk public yang mempunyai 7 atau 9 buah rumah based on rumah perak, rumah selangor dan ada identiti setiap rumah tersebut. Dan dalam masa yang sama dia jaga jambatan victoria tu dan memajukan lagi tempat tu. awak tau tak dia ada buat buku tentang victoria bridge? Dia banyak penceritaan, gambar gambar yang diletak tentang jambatan ini, kalau awak pergi resort pertama D’village ini masuk je dia ada buat macam small galeri aaa pasal barang-barang untuk menoreh dan macam-macam tapi kalau awak pergi dekat kawasan perkampungan budaya yang baru buat itu dia ada satu galeri muzium besar memang untuk public dan memang besar dia buat macam muzium ada pasal</p>	<p style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg);">FYP ETKW</p>
--	--	---

	<p>sejarah, barang-barang antik.</p> <p>“Seterusnya, Peruntukan dari MOTAC, kira kementerian pelancongan, boleh untuk agensi kerajaan yang dimana boleh kurangkan bajet untuk kita buat permohonan melalui bawah pemuliharaan pembangunan projek infra untuk baik pulih bangunan-bangunan aset yang sedia ada jadi every year dia akan bagi peruntukan tapi dia tengok apa projek kita bawa, baik pulih ke, pembinaan, atau keselamatan, kita akan membuat 2 atau 4 projek dan tengok la mana yang dia akan pick up dan dia akan turunkan bajet.</p>		
Responden 2	<p>aaa majlis perbandaran Kuala Kangsar bertanggungjawab untuk pengurusan dan penyelenggaraan infrastruktur seperti Jambatan Victoria. Mereka biasanya bertanggungjawab untuk penyelenggaraan rutin, keselamatan, dan pengurusan am di sekitar jambatan.</p> <p>Seterusnya, Pihak Berkuasa Pengangkutan atau Kereta Api Jambatan Victoria adalah sebahagian daripada sistem pengangkutan, terutamanya dalam sektor rel. Pihak berkuasa pengangkutan atau syarikat kereta api yang berkaitan dengan operasi dan penyelenggaraan jambatan ini juga mempunyai kepentingan dalam pengurusannya.</p> <p>Selain itu juga aaa komuniti tempatan di sekitar Jambatan Victoria juga boleh dianggap sebagai pihak yang berminat. Mereka mungkin mempunyai kepentingan untuk menjaga keselamatan, kebersihan dan kelestarian alam sekitar di sekitar jambatan, serta memastikan jambatan itu kekal sebagai aset berguna untuk mereka sendiri.</p>		
Responden 3	<p>Victoria Bridge secara amnya diuruskan oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dengan aaa bantuan Jabatan Warisan tapi diuruskan secara amnya oleh Pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar.</p>		
Responden 4	<p>Aaa, pengurusan Victoria Bridge ini lebih kepada pihak perbadanan kereta api dan juga usaha bersama Majlis Perbandaran Kuala Kangsar lah dua pihak ini memang aa orang kata sebagai pengurus di kawasan tersebut</p>		
Pengkaji	<p>Ok, soalan seterusnya, siapa yang sedang bertugas menguruskan victoria bridge ini sekarang?</p>	<p>Mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam menguruskan</p>	



		Victoria Bridge	
Responden 1	<p>Sekarang dari segi penjagaan, majlis perbandaran yang uruskan, pihak lain tidak ada tapi dari segi promosi pihak kita juga melalui posting di Facebook, selain itu juga kita ada juga promosi dari Tourism Perak, kita dah jadikan jambatan Victoria sebagai ikon pelancongan kita juga. Contohnya, Kuala Kangsar ikon pelancongan kita yang ada adalah Masjid Ubudiah tetapi pada masa sekarang ini Karai ini di bawah Sungai siput with is dia di bawah Majlis Perbandaran Kuala Kangsar jadi untuk sungai siput ni kita naikkan jambatan Victoria bagi orang lebih kenal. Kita juga dapat satu papan tanda kat highway kerjasama dengan CSR daripada Syarikat Appetizing dengan Tourism Malaysia bagi dana untuk menaikkan board kat highway.</p>		
Responden 2	<p>Pertama sekali adalah melalui Kerajaan Persekutuan, Motac, Jambatan Warisan, Kerajaan Negeri Perak melalui Tourism Negeri Perak dan memainkan peranan yang paling penting adalah Tourism Perak Sdn.Bhd dimana ia terlibat secara langsung dan yang kedua adalah Tourism Malaysia. Sekarang yang terlibat adalah peranan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar kerana Jambatan Victoria dibawah persediaan mereka. Ada pihak berkepentingan lain yang bekerjasama tapi tidak dapat mengenalpasti sejauh mana penglibatan persatuan-persatuan ini sama ada mereka ini betul-betul menyumbang kepada mempromosikan tempat ini atau hanya sekadar dijadikan sebagai tempat rekreasi mereka sahaja.</p>		
Responden 3	<p>Maklumat tentang siapa yang kini bertanggungjawab menguruskan Jambatan Victoria mungkin berbeza-beza bergantung pada lokasi dan bidang kuasa jambatan itu. tetapi ada pihak yang bertanggungjawab mengkurusa jambatan ini. Mpkk atau majlis perbandaran kuala kangsar ini Duntuk menguruskan infrastruktur seperti jambatan di kawasan mereka. Mereka mungkin mempunyai jabatan atau unit khas yang ditugaskan untuk menyelenggara dan mengurus Jambatan Victoria.</p>		
Responden 4	<p>saya mulakan dulu tentang Motac lah, Motac adalah kementerian Pelancongan Seni dan Budaya yang ini kita di bawah naungan yang berbahagia dato Tiong King Sing lah, dalam motac ini lebih kepada perlesenan sebenarnya dan penguatkuasaan dan di samping itu kita juga ada unit pembangunan industri aaa yang mengendalikan acara-acara pelancongan dan juga unit prasarana untuk projek- projek pelancongan</p>		

	<p>yang ada, jadi kalau lebih kepada fokus pada Victoria Bridge, Motac ini dibawah pengurusan saya lah iaitu pembangunan projek dan kita di Motac ini akan membuka permohonan kepada pihak berkuasa tempatan dan juga pejabat daerah dan tanah sekiranya ada lokasi-lokasi pelancongan itu yang ingin dibaik pulih dari segi infrastruktur, kerja-kerja naik taraf di tempat-tempat pelancongan kita akan bantu tetapi aa perlu kerjasama dari pihak PBBT lah seperti Majlis Perbandaran Kuala Kangsar jadi sebelum ini mengikut data kita ada bagi satu peruntukkan di bawah satu peruntukkan pemuliharaan, ubahsuai dan naik taraf kita sebut secara ringkasnya projek ini berjumlah 250 ribu dan aaa dan kerja-kerja kita berikan adalah untuk membaik pulih di Victoria Bridge lah. dan yang terkini iaitu tahun lepas pun, kita dah bagi fasa yang kedua untuk Victoria Bridge kalau ikutkan kerja-kerja yang dilaksanakan adalah untuk menaiktaraf ciri-ciri keselamatan orang awam dan menambah platform besi di landasan pejalan kaki, menaiktaraf kemudahan-kemudahan OKU yang terdapat di sana dengan menyediakan petak OKU menaiktaraf laluan OKU dan juga membaik pulih sekitar victoria bridge lah. jadi kalau daripada fungsi Motac ni kita boleh bantu dari segi aaa peruntukkan untuk membaik pulih infrastruktur yang ada jadi kita telah bagi dua kali lah pada tahun 2023 ini merupakan motac lah untuk membantu Majlis dalam membaik pulih di lokasi-lokasi pelancongan yang kita pilih</p>		
Pengkaji	<p>Kegiatan aktiviti apakah yang dijalankan di Victoria Bridge ini?</p>	<p>Mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam menguruskan Victoria Bridge</p>	
Responden 1	<p>Aktiviti yang ada selain ride bicycle tu ada jualan-jualan lah. Ada juga agensi yang kadang buat aktiviti kat kawasan tersebut di bawah yang ada dataran bawah itu contohnya seperti Treasure Hunt, Aerobik mengikut agensi masing-masing. Kadang-kadang ada agensi yang akan memberitahu Pihak kami, hantar surat dan sebagainya. Ada la dua tiga aktiviti yang ada buat jualan rahmah tidak silap saya FAMA, KOMUNITI, PELADANG,POLIS juga ada membuat aktiviti dan ada juga program-program yang bukan Majlis punya dan agensi lain pun boleh buat program disitu secara open. Ada juga yang syuting filem, produksi contohnya, cerita Hantu Kak Limah.</p>		
Responden 2	<p>Selalu menjalankan aktiviti berjalan-jalan dan juga untuk menikmati pemandangan yang indah di sekitar</p>		

	sambil aa kita menikmati pemandangan alam sekitar yang dimana terdapatnya sungai perak yang mengalir di bawah jambatan Victoria ini. aaa bukan itu sahaja jambatan Victoria ini juga terkenal dengan sesi foto orang kata seperti bergambar lah disitu kerana pemandangan dan seni bina jambatan itu sangat unik.		
Responden 3	Aaa ada, sering diadakan aktiviti iaitu berjalan di atas jambatan untuk melihat keindahan sungai perak dan juga melihat bagaimana pihak british membuat jambatan ini dengan kukuh. Dulu mana ada guna mesin-mesin ini, semua menggunakan tenaga manusia jadi daripada situ orang ramai dapat melihat kerana zaman dahulu mereka lagi kreatif tanpa ada jentera-jentera macam sekarang ini ianya begitu kukuh sekali sehingga ia dah berusia 123 tahun dan aaa sering dijadikan aktiviti diatas jambatan kalau ada perkahwinan akan bergambar disini, secara tidak langsung dapat aaa merancakkan industri pelancongan dengan adanya yang bersejarah ini.		
Responden 4	setakat ini setahu saya, tiga tahun saya berada di sini setakat ini kita aaa memang ada buat beberapa program sebab di bawah unit pun kita ada beberapa fungsi seperti program pendaftaran estet jadi aaa program yang kita laksanakan kita akan war-warkan kepada PBBT sekiranya PBBT berminat untuk menjalankan kita akan melaksanakan sekali la program-program tersebut jadi termasuk Victoria Bridge tapi setakat ini aaaa data untuk aaa program saya akan dapatkan daripada unit Industri la tapi setakat ini saya rasa setakat ini kepada lebih kepada perbaikan infrastruktur di situ		
Pengkaji	Bagaimana jambatan victoria ini dipelihara?	Mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam menguruskan Victoria Bridge	
Responden 1	Bagi penjagaan, pihak Mpkk ada melakukan pembersihan memotong rumput. baru ini peruntukan tahun ini kita dapat dalam 250 ribu untuk keselamatan jambatan ini dan orang ramai. Kami akan membaiki segala kerosakan yang ada pada jambatan ini untuk kekalkan keaslian nya juga.		
Responden 2	Yang saya nampak prosedur dia hanyalah membersihkan, apa yang nak dipeliharanya disitu? Jika ada sebarang kerosakan, akan dibaik pulih sedikit sebanyak tapi untuk dipelihara sepenuhnya seperti aset aset warisan yang lain saya tak nampak sangat		

	dan tidak dilakukan secara sepenuhnya yang hanya memenuhi keperluan semasa sahaja. Jambatan Victoria ini pernah ditutup disebabkan oleh faktor keselamatan. Oleh itu, disini kerajaan perlu memperuntukkan yang secukupnya.		
Responden 3	Aaa , jambatan Victoria ini telah diwartakan sebagai Warisan Negara pada tahun 2016 bermakna warisan ini dia tidak boleh diubahsuai dan haruslah dikekalkan keasliannya jadi ianya harus dipelihara, dijaga supaya ia terus kekal untuk generasi pada masa akan datang dapat melihat dan pihak MPKK dengan Jabatan Warisan mengambil prihatin keadaannya jika berlakunya kerosakan mereka akan cepat memperbaiki untuk menjaga keselamatan orang ramai dan pelancong yang ramai datang atau melawat ke jambatan tersebut.		
Responden 4	<p>Penyelenggaraan Jambatan Victoria di Kuala Kangsar dijalankan melalui beberapa siri tindakan dan aktiviti yang bertujuan untuk menjaga, menyelenggara dan menambah baik keadaan jambatan tersebut agar kekal selamat, berfungsi dan estetik. Ini termasuk tindakan harian atau mingguan untuk memastikan jambatan bersih, seperti membersihkan sampah, memotong rumput dan memeriksa keselamatan struktur. Penyelenggaraan rutin juga boleh merangkumi penyelenggaraan rutin elemen struktur seperti rel, susur tangan dan penutup jambatan.</p> <p>Pembaikan dan Pemulihan: Jika berlaku sebarang kerosakan atau haus pada jambatan, pembaikan dan pemulihan akan dilakukan secepat mungkin. Ini mungkin termasuk menggantikan komponen yang rosak, pembaikan struktur atau pemulihan bahagian tertentu untuk mengekalkan integriti dan keselamatan jambatan. selain itu aa ada juga pemantauan berkala terhadap keadaan struktur jambatan dijalankan untuk mengesan potensi masalah atau kerosakan awal.</p>		
Pengkaji	Bagaimanakah cara bentuk hubungan dengan pihak berkepentingan tadi dalam menguruskan Victoria Bridge ini?	Mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam menguruskan Victoria Bridge	
Responden 1	Kita akan bagi surat pada agensi tersebut dan beritahu apa projek yang nak dilakukan contohnya membuat aktiviti gotong royong, sukan dan sebagainya kita akan bagi surat untuk mendapatkan peruntukan kepada agensi tersebut sekian-sekian untuk membaik pulih dan sebagainya secara official tulis surat, mesyuarat dan perjumpaan lah.		


Responden 2	<p>Okay, pertama sekali NGO tidak mempunyai duit. Ngo ini adalah sekadar melaksanakan pelbagai aktiviti yang mungkin boleh dilaksanakan disitulah. Yang kedua peranan bagaimana ingin bergabung adalah urusan jalan raya ini ada dua, satu kerajaan negeri, satu kerajaan persekutuan tapi jambatan ini lebih kepada persekutuan sebab kos dia sangat tinggi, jika bergantung kepada kerajaan negeri saya rasa tidak mampu terutama dalam menyelenggara bukannya sedikit jadi apabila sudah menjadi akta warisan kebangsaan maka ia menjadi tanggungjawab kerajaan persekutuan, apa yang perlu dibuat adalah melalui jambatan warisan ini peruntukkan lah peruntukkan yang cukup, belanjawan yang cukup untuk menaiktaraf jambatan ini supaya dibangunkan sebagai satu destinasi ataupun produk pelancongan di Negeri Perak dan juga di negara kita. Yang penting membangkitkannya sebagai produk pelancongan dengan kerjasama dengan penduduk setempat dan secara tidak langsung akan membangunkan ekonomi penduduk setempat disitu. Itu saya punya cadangan.</p>		
Responden 3	<p>Dijalankan dengan adanya kerjasama sebarang acara ataupun majlis-majlis yang diadakan di victoria bridge dan komitmen daripada semua pihak dapat dilihat dan secara tidak langsung dapat memberikan satu daya penarik kepada semua dari segi media yang memainkan peranan yang penting dalam menghighlight kan victoria bridge ini sebagai destinasi pelancongan sejarah di Karai ini.</p>		
Responden 4	<p>seperti yang saya cakap, setiap tahun memang ada kita war-warkan permohonan dimana kita akan membuka permohonan untuk projek, dia ada dua lah satu pemulihan ubahsuai dan naik taraf dan juga untuk projek-projek yang besar lah seperti projek-projek RMK iaitu rancangan Malaysia yang ke-12 jadi sebelum ni kita tiada dapat permohonan dari Majlis Perbandaran Kuala Kangsar untuk projek yang besarlah untuk RMK cuma kita aa terima permohonan daripada Majlis aaaa berkenaan dengan Victoria Bridge ini di bawah 250 ribu itu untuk pemulihan, ubahsuai dan naik taraf</p>		
Pengkaji	<p>Adakah setiap aktiviti yang dijalankan ini akan melibatkan komuniti?</p>	<p>Mengkaji bentuk kerjasama oleh pihak berkepentingan dalam pengurusan victoria bridges?</p>	
Responden 1	<p>Ada, kalau ada aktiviti gotong royong kat jambatan ini kita akan menjemput dan maklumkan ketua kampung kita akan melibatkan orang kampung disitu</p>		




	<p>dan komuniti, juga tolong membantu contohnya aktiviti berbasikal bawah Cycle Dios tersebut yang diletakkan di kawasan jambatan ini juga dijaga komuniti dan mereka yang handle. Komuniti yang menetap disitu akan melaporkan sebarang masalah seperti sampah yang dibuang merata, sebarang kerosakan. Tidak kira sama ada komuniti di karai atau disebelah karai jambatan ini. Kalau di sebelah Karai, komuniti ada sebuah persatuan yang dinamakan persatuan kelab rekreasi kampung seberang karai, mereka ini bertugas dalam bertanggungjawab menjaga di bahagian jambatan seberang sana dan mereka ada membuat landskap yang cantik yang merupakan inisiatif dari penduduk disitu sendiri, mereka meletakkan pameran barang-barang lama sedikit di bawah jambatan victoria dan mereka jaga landskap dengan sangat rapi dan menjadikan tempat itu sangat cantik.</p>		
Responden 2	<p>Adalah mungkin sekali sekala, saya rasa dia lebih kepada MPKK lah, apa yang saya nampak hanya sekadar sebagai aktiviti persinggahan, aktiviti santai-santai ambil gambar.</p>		
Responden 3	<p>Aaa, persatuan penduduk ada menyertai gotong royong yang diadakan oleh pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) ataupun jabatan-jabatan yang mengadakan hari berjumpa dengan komuniti setempat. Selain itu, ada aktiviti laluan basikal di atas jambatan pun ada tapi yang dibawah jambatan ini juga ada aaa Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membuat satu dataran tepi sungai tersebut berhampiran dengan jambatan ini dan juga membuat satu jalan laluan basikal sehingga ke kampung Intan Suraya berdekatan dengan empangan Chenderoh jadi aktiviti ini sering diadakan pada hujung minggu dan secara tidak langsung ia dapat menghidupkan suasana di Victoria Bridge ini.</p>		
Responden 4	<p>saya rasa itu lebih kepada senarai program boleh rujuk kepada unit pelancongan dengan majlis kerana mereka yang memegang data. kalau kepada kami adalah setakat saya akan tanya unit industri jika ada sebarang program lah.</p>		
Pengkaji	<p>Adakah ada pihak persatuan yang telah memberikan sumbangan?</p>	<p>Mengkaji bentuk kerjasama oleh pihak berkepentingan dalam pengurusan victoria bridges?</p>	
Responden 1	<p>Perak Heritage Society dan Malayan Heritage Group. Pihak ini telah memberikan sumbangan kepada pihak</p>		



UNIVERSITI



MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA




KELANTAN






UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

## LAMPIRAN




Informan 1: Temubual secara atas talian bersama Puan Zunaibah Binti Zulkifili (Unit Korporat &Pelancongan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar


UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Informan 2 : Temubual secara atas talian bersama Encik Ibrahim Bin Ahmad (Pensyarah di Unit Pengajian Am, UniKL Royal college of Medicine Perak Ipoh.



Informan 3: Temubual bersama Haji Meor Harun bin Meor Osman PPT, AJK Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) Negeri Perak. Pesara Jabatan KEMAS Sungai Siput (U) Perak.



Informan 4: Puan Nurul Akmar Binti Nazian (Penolong Pegawai Tadbir Kanan di Pejabat MOTAC Negeri Perak.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN